





# MEMULAKAN...





# KITARAN BAHARU



## MEMULAKAN... KITARAN BAHRU

Dalam meneruskan perjalanan, kami merenung kembali pencapaian diperolehi dalam kitaran sebelumnya, dibawah pimpinan pengurusan yang berbeza dan melihat ke arah kitaran baharu, menambah kekuatan pada asas yang sedia ada untuk merealisasikan lebih banyak potensi dan untuk perkembangan bagi masa hadapan yang lebih mampan untuk perniagaan, pihak berkepentingan dan pesara.

## DANA YANG BERKAT

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat,  
renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan,  
Menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan  
agar usia tua akan waras terpelihara:  
damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah -  
Mac – kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah;  
dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat  
peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu,  
peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.  
Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah  
sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja  
ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara,  
alir pencer sumber harta yang luhurst sepanjang hayat  
tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari,  
yakin dipasti taman labur terindah harum ini.

5 – 15, Februari, 2007  
A. SAMAD SAID

# KANDUNGAN

Seksyen 01

## SOROTAN KORPORAT

- 004** Visi, Misi dan Nilai Korporat
- 005** Latar Belakang dan Fungsi KWAP
- 006** KWAP dalam Sistem Pencen Malaysia
- 007** Ringkasan Amalan Etika
- 008** Pencapaian dari 2007 hingga 2013
- 012** Tahun 2013 Sepintas Lalu
- 014** Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun
- 015** Perutusan Pengerusi
- 018** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Seksyen 02  
**STRATEGI KAMI**

- 024** Laporan Kad Skor Korporat 2013
- 033** Kad Skor Korporat 2014
- 035** Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu
- 036** Hartanah di dalam Portfolio KWAP
- 038** Pendedahan Global

Seksyen 03  
**PRESTASI KAMI**

- 042** Tinjauan Ekonomi 2013
- 043** Prestasi Dana
- 047** Prestasi Pelaburan
- 068** Pengurusan Caruman

Seksyen 04

## LAPORAN OPERASI PERNIAGAAN

- 074** Budaya Prestasi Tinggi
- 079** Laporan Pencapaian Operasi 2013

Seksyen 05  
**TADBIR URUS KORPORAT**

- 086** Pengurusan Risiko
- 102** Penyata Tadbir Urus
- 110** Penyata Kawalan Dalaman

Seksyen 06  
**KEPIMPINAN KAMI**

- 114** Lembaga: Ahli dan Profil
- 128** Panel Pelaburan: Ahli dan Profil
- 133** Jawatankuasa Lembaga: Ahli dan Profil
- 135** Carta Organisasi
- 136** Jawatankuasa Eksekutif: Ahli dan Profil
- 136** Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh: Ahli dan Profil
- 137** Kakitangan Utama

Seksyen 08

## KALENDAR KORPORAT

- 158** Kalendar Korporat 2013

Seksyen 09  
**PENYATA KEWANGAN**


- 166** Sijil Ketua Audit Negara
- 168** Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 169** Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) 2013
- 170** Lembaran Imbangan
- 171** Penyata Pendapatan
- 172** Penyata Perubahan Rizab
- 173** Penyata Aliran Tunai
- 175** Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

Seksyen 10  
**LAMPIRAN**

- 202** Glosari Istilah

Seksyen 07  
**BERKONGSI NILAI BERSAMA**

- 146** Tanggungjawab Sosial Korporat
- 152** Coretan Impian



**SEKSYEN**

**01**

A circular graphic consisting of five concentric rings. The innermost ring is white, followed by four grey rings. Blue wedge-shaped segments are placed at regular intervals along the circumference. In the center of the circle, the word "SEKSYEN" is written in bold black capital letters above a horizontal dotted line. Below the line, the number "01" is written in large, bold black digits.

# **SOROTAN KORPORAT**

---

- 004** Visi, Misi dan Nilai Korporat
- 005** Latar Belakang dan Fungsi KWAP
- 006** KWAP dalam Sistem Pencen Malaysia
- 007** Ringkasan Amalan Etika
- 008** Pencapaian dari 2007 hingga 2013
- 012** Tahun 2013 Sepintas Lalu
- 014** Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun
- 015** Perutusan Pengurus
- 018** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

# PROFIL KORPORAT

## VISI

Organisasi berprestasi tinggi menjamin faedah pencen yang berterusan

## MISI

Memaksimumkan pulangan melalui penanda aras, rangka kerja pelaburan yang dinamik dan pengurusan risiko yang bijak

## NILAI-NILAI KORPORAT

### Berorientasikan Kecemerlangan

- Mewujud dan mengekal budaya peningkatan berterusan, supaya semua ahli organisasi, secara individu atau berpasukan, berinisiatif, gigih dan cekal untuk melakukan yang terbaik
- Bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang disasarkan
- Sentiasa berusaha menghasilkan keputusan yang mengatasi tanda aras

### Profesionalisme

- Berpegang teguh kepada nilai moral dan etika yang tinggi
- Mengutamakan kepentingan organisasi daripada kepentingan diri
- Menunjukkan komitmen yang berterusan terhadap kecemerlangan
- Mengkaji secara kritikal semua tindakan dan keputusan untuk penambahbaikan
- Menerima maklum balas dan respons secara positif
- Kompeten dalam bidang yang dipertanggungjawab

### Integriti

- Berpegang teguh kepada nilai-nilai murni dan akhlak mulia
- Muhasabah diri
- Berfikiran terbuka, menghormati pandangan, idea dan pengalaman orang lain

### Ketelusan

- Komunikasi dan akauntabiliti yang jelas serta amalan berterus terang
- Bertindak dengan nyata dan konsisten

### Semangat Kerja Berpasukan

- Bekerjasama untuk mencapai satu matlamat
- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pencapaian potensi sepenuhnya dengan menerima perbezaan dan kelainan
- Kolaborasi di antara kumpulan dan berkongsi idea untuk mencapai kecemerlangan

### Pembelajaran Berterusan

- Menambah dan mengemaskini pengetahuan secara berterusan dan belajar dari kesilapan

# LATAR BELAKANG DAN FUNGSI KWAP

## LATAR BELAKANG FUNGSI

**Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) telah digubal untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan. Dengan penggubalan Akta tersebut, Kumpulan Wang Amanah Pencen telah ditubuhkan pada 1 Jun 1991 dengan geran pelancaran sebanyak RM500 juta dari Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah Pencen ditadbir oleh Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen.**

Pada 1 Mac 2007, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP, telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) yang dimansuhkan. Dengan penubuhan KWAP, kesemua kuasa, fungsi, aktiviti, aset dan liabiliti Kumpulan Wang Amanah Pencen diambil alih sepenuhnya oleh KWAP. Misi KWAP ialah untuk menguruskan dana yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) ke arah mencapai pulangan maksimum melalui penanda aras, rangka kerja pelaburan yang dinamik, dan pengurusan risiko yang bijak. Dana tersebut akan digunakan untuk membantu Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembiayaan liabiliti pencennya.

Fungsi-fungsi KWAP adalah seperti berikut:

- Pengurusan caruman daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agenzi lain; dan
- Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan bentuk-bentuk pelaburan lain yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

Peranan KWAP dalam konteks kakitangan sektor awam berpencen adalah seperti berikut:

### Menguruskan Kutipan Caruman

Kerajaan Persekutuan menyumbang 5% daripada jumlah emolumen tahunan yang dibajetkan bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-agensi lain menyumbang 17.50% daripada gaji hakiki pekerja berpencen masing-masing kepada KWAP setiap bulan.

### Menetapkan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan

Panel Pelaburan dan Lembaga bertanggungjawab meluluskan dan menyemak semula Polisi dan Garis Panduan Pelaburan secara berkala.

### Pengurusan dan Pengawasan Pelaburan

KWAP melabur dananya di dalam kelas-kelas aset mengikut Alokasi Aset Strategik dan Garis Panduan Pelaburan seperti yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Aktiviti pelaburan dilakukan oleh sepasukan warga kerja pelaburan profesional yang cekap dan berpengalaman. Status dan prestasi pelaburan KWAP dilaporkan secara bulanan kepada Panel Pelaburan dan Lembaga. Analisis prestasi termasuk prestasi relatif berbanding indeks penanda aras serta pulangan sasaran mutlak bagi setiap kelas aset.

# KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA

	Pembentukan Dasar	Sistem Caruman Ahli	Dasar Pelaburan dan Garis Panduan	Pengurusan Pelaburan dan Pengawasan	Pentadbiran Ahli	Faedah Bayaran
	Tetapkan dasar untuk pencen / dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli individu	Tetapkan dasar pelaburan dan garis panduan	Melaksana dan mengawas pelaburan	Mengurus akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan dan bayaran
<b>Kakitangan Sektor Awam Berpencen</b>	<b>Perbendaharaan</b> Mengira impak kewangan dan meluluskan dasar		 <b>KWAP</b> <small>Kumpulan Wang Persaraan Diperbadikan RETIREMENT FUND INCORPORATED</small>		 <b>JPA</b> Mengendalikan caruman dari majikan sahaja	Mengurus pencen, gratuity, ganjaran tunai dan faedah lain
<b>Angkatan Tentera</b>	<b>MINDEF</b> Membentuk dan mengkaji semula dasar	<b>LTAT</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memungut caruman dari kakitangan angkatan tentera &amp; kerajaan</li> <li>Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP</li> </ul>		<b>Hal Ehwal Veteran (MINDEF)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Berkomunikasi dengan pesara</li> <li>Mengira faedah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkomunikasi dengan ahli aktif</li> <li>Mentadbir akaun ahli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengagihkan pengeluaran</li> <li>Memindahkan bayaran balik kepada KWAP</li> </ul>
<b>Kakitangan Sektor Swasta dan Awam Tidak Berpencen, Sendiri</b>	<b>KWSP</b> Memberi input untuk pembentukan dasar					

**Perbendaharaan** : Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

**JPA** : Jabatan Perkhidmatan Awam

**MINDEF** : Kementerian Pertahanan

**KWSP**

**LTAT**

: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

: Lembaga Tabung Angkatan Tentera

**KWAP komited untuk mengekalkan kejujuran, integriti dan pertanggungjawaban pada tahap tertinggi dalam perniagaan dan operasinya. Ia bertekad untuk mengekalkan standard ini di kalangan warga kerja dan memastikan bahawa kepentingan organisasi sentiasa diutamakan.**

Sebagai kustodian dan pengurus dana persaraan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662), aset utama KWAP adalah integriti dan reputasinya dalam tatacara profesional dan beretika dalam menjalankan semua aktiviti perniagaan dan urusannya. Kewibawaan organisasi ini dan keyakinan pihak berkepentingan terhadapnya menjadi tonggak utama kejayaannya.

KWAP komited untuk mengekalkan kejujuran, integriti dan pertanggungjawaban pada tahap tertinggi dalam perniagaan dan operasinya. Ia bertekad untuk mengekalkan standard ini di kalangan warga kerja dan memastikan bahawa kepentingan organisasi sentiasa diutamakan.

Sebagai sebuah badan berkanun, KWAP menerima pakai Akta Badan Berkanun (Disiplin dan Tambahan) 2000 sebagai sebahagian daripada Terma dan Syarat Pekerjaannya kepada semua kakitangan yang membentuk Kod Etika dan Tatacara KWAP. Kod tersebut bermatlamat menyemai kesedaran tentang standard tatacara di kalangan warga kerja dan menggariskan prinsip-prinsip mereka dalam melaksanakan tugas mereka. Dengan Kod ini, KWAP dapat membentuk persekitaran korporat yang sihat dan profesional.

# PENCAPAIAN DARI 2007 HINGGA 2013

**'07**

- Penubuhan KWAP pada 1 Mac 2007
- Penempatan semula dari Putrajaya ke pejabat baharu di Menara Yayasan Tun Razak
- Memperkenalkan Kad Skor Korporat untuk mewujudkan budaya yang didorong oleh prestasi
- Membangunkan dasar utama atau prosedur seperti Piagam Lembaga, Prosedur Kewangan dan Dasar Pelaburan dan Garis Panduan
- Penggubalan Nilai-nilai Korporat
- Melancarkan Siri Kepimpinan, Siri *Golden Hour* dan laman web korporat

**'08**

- Menghalusi semula Nilai-nilai Korporat dan menggubalkan Visi dan Misi
- Menggubalkan Alokasi Aset Strategik
- Melancarkan Program Transformasi yang melibatkan pelaksanaan 20 inisiatif dengan matlamat mempertingkatkan pengurusan organisasi, risiko dan tatacara pengurusan pelaburan
- Menubuhkan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan untuk menerajui penerapan budaya pengurusan risiko yang kukuh dalam organisasi
- Melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia
- Memulakan kolaborasi dengan sekolah-sekolah terpilih luar bandar

**'09**

- Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan Kajian Liabiliti Pencen dengan tujuan mewujudkan pilihan-pilihan bagi KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam membiayai tanggungan pencen
- *Dealing Room* baharu telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, YB Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah
- Mengadakan sesi dialog dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia berkenaan tadbir urus korporat dan isu-isu berkaitan dengan ekuiti dan pasaran pendapatan tetap
- Mengguna pakai model operasi baharu untuk Jabatan Ekuiti dan Jabatan Pendapatan Tetap
- Jabatan Strategi Portfolio diwujudkan untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan Pelan Utama Peralihan Alokasi Aset Strategik
- Jabatan Prestasi Perniagaan mula beroperasi bagi membolehkan prestasi jabatan-jabatan pelaburan diukur secara objektif dan bebas
- Sistem Pengurusan Pelaburan Kewangan Bersepadu (IFIMS) mula dibangunkan
- Melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Perniagaan Berterusan
- Melaksanakan Laporan Insiden Operasi (ORE)

# 10

- Jabatan Penjelasan Pelaburan dan Jabatan Kustodian ditubuhkan untuk mempertingkatkan pengagihan tugas-tugas dan kawalan dalaman
- Menyumbang artikel kepada penerbitan perniagaan utama untuk mempromosikan pemahaman tentang subjek-subjek berkaitan pelaburan
- Seminar Perancangan Kewangan Persaraan tahunan mula diadakan untuk kakitangan kerajaan yang menghampiri umur persaraan
- Memperkenalkan Skim CFA *Financial Assistance* kepada kakitangan pelaburan
- Kabinet meluluskan cadangan KWAP untuk menanggung pembiayaan liabiliti pencegahan Kerajaan Persekutuan
- Lawatan ke California Public Employee's Retirement System (CalPERS) dan California State Teachers' Retirement System (CalSTRS)
- Pengumuman Keputusan Kewangan KWAP yang pertama dan pelancaran laman portal oleh Menteri Kewangan II, YB. Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadziah
- State Street Global Advisors dan World Bank Treasury telah dilantik sebagai pengurus dana luaran untuk mengurus dana ekuiti dan pendapatan tetap antarabangsa
- Membeli harta tanah antarabangsa pertama di Melbourne, Australia
- Melantik BNY Mellon untuk memberi perkhidmatan kustodian global
- Model Skor Penarafan Kredit Dalaman telah diwujudkan
- Menyempurnakan pemerolehan Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh
- Pelan Kesinambungan Perniagaan untuk semua fungsi kritikal dan tidak kritikal telah dibangunkan dan diuji
- Menyertai *Program Cross Fertilisation* anjuran Kementerian Kewangan
- Bengkel Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah terpilih luar bandar dijalankan untuk meningkatkan minat di kalangan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris

# 11

- Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai pelaksanaan keputusan Kabinet meluluskan KWAP untuk menanggung pembayaran liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan
- Menjadi hos bersama untuk Persidangan Asian Pension Fund Roundtable yang dianjurkan oleh Pacific Pension Institute dengan menghantar dua wakil KWAP sebagai penceramah
- Dato' Azian Mohd Noh dinamakan salah seorang dari 25 Wanita Paling Berpengaruh dalam Pengurusan Aset di Rantau Asia Pasifik AsianInvestor
- Mohamed Izwan Moriff bin Mohamed Shariff, Pengurus Dana Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Quasi Kerajaan dicalonkan sebagai Pengurus Dana Bon Ringgit Malaysia Yang Bijak Bagi Tahun 2011 oleh The Asset Benchmark Research
- USD100 juta telah dilaburkan dalam mandat Global Sukuk
- Membeli harta tanah antarabangsa kedua di Sydney, Australia
- Melangan Bon Matawang Asing Islamik dan melindungi nilainya menerusi Pertukaran Matawang Bersilang oleh pengurus dana dalaman
- Memperolehi Pengecualian Imuniti Berdaulat dari Pihak Berkusa Cukai UK

# 12


- Menerima ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti untuk Pengurusan Pelaburan bagi ekuiti domestik
- Menjalankan operasi fungsi kustodian global untuk memudahkan pelaburan antarabangsa oleh pengurus luaran dan dalaman
- Kustodian domestik luaran telah dirasionalkan dari 6 ke hanya 1 kustodian yang membuat laporan terus ke KWAP
- Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*) dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Strategik telah diwujudkan
- Menyediakan laporan perkembangan prestasi secara bulanan untuk ekuiti dan pendapatan tetap dalaman serta pengurus dana luaran domestik
- Mewujudkan Manual Kredit untuk memproses penilaian mentadbir kredit pendapatan tetap
- Melaksanakan Tadbir Urus KWAP serta Prinsip dan Garis Panduan Pengundian
- Tiga program pembangunan tenaga kerja telah dilancarkan seperti Progam *Talent Exchange*, Pelan *Individual Development* dan Program *Performance Improvement*
- Melabur RM1.50 bilion dalam Sukuk Berkekalan (Sukuk berkekalan Islam yang pertama dikeluarkan di dunia)
- Melaburkan 6.58% daripada jumlah saiz dana bagi pelaburan antarabangsa melebihi sasaran minimum 6% yang ditetapkan untuk tahun 2012
- Memperoleh harta tanah pertama di UK, iaitu 10 Gresham Street, London bernilai RM1.0 bilion
- Pejabat Prima Ekuiti (UK) Limited mula beroperasi dengan GBP100 juta atau RM494.5 juta dilaburkan dalam pasaran ekuiti UK
- Menubuhkan bahagian ekuiti antarabangsa untuk mengendalikan pelaburan langsung bagi Asia Pasifik kecuali Jepun dengan mandat pelaburan ekuiti RM250 juta pada tahun 2012
- Mendapat pensijilan ISO 9001:2008 bagi Pendapatan Tetap Domestik dan Hartanah Antarabangsa
- Melaksanakan Sistem Bersepadu Pengurusan Caruman (ICMS)
- Melaksanakan Sistem Strategi Prestasi Risiko (RPSS)
- Melaksanakan Skim Bantuan Pendidikan Pekerja
- Menjalankan program e-pembelajaran dengan Bank Dunia di mana 30 tenaga kerja telah mengambil bahagian dalam program itu

# 613

- Pengurusan Kanan KWAP mengambil bahagian sebagai penceramah di:
  - Persidangan Keselamatan IDC ASEAN pada April 2012;
  - Forum Institusi Pelaburan Asia Tenggara Tahunan Keempat pada Disember 2012.
- KWAP menjadi ahli untuk Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus Korporat [terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan KWAP]
- Memulakan perancangan cadangan pengambilalihan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menangani caruman Kerajaan kepada KWAP secara berterusan
- Peningkatan Alokasi Aset Antarabangsa 9.45% daripada jumlah saiz dana digunakan untuk pelaburan antarabangsa
- Melabur dalam empat (4) dana ekuiti persendirian antarabangsa
- Pembelian tiga (3) hartanah di luar negara, satu (1) di UK dan dua (2) di Australia:
  - 88 Wood Street, London
  - 747 Collins Street, Melbourne
  - 179 Turbot Street, Brisbane
- Melabur USD100 juta dalam Bon Dolar Berdaulat Malaysia
- Menubuhkan risikan pasaran dan strategi khusus di bawah Unit Makro di Jabatan Portfolio Strategi
- Memperkenalkan Dasar Pertukaran Mata Wang Asing dan Garis Panduan Perlindungan Nilai
- Menyediakan keupayaan untuk fungsi melabur terus ke dalam instrumen pendapatan tetap serantau
- Proses pensijilan telah disempurnakan untuk Sistem Pengurusan Keselamatan berdasarkan piawaian ISO / IEC 27001:2005
- Skop ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti diperluas untuk merangkumi fungsi pengurusan caruman
- Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) telah dilancarkan dan mula beroperasi dengan 230 (daripada 505) majikan berdaftar di dalam sistem
- Menubuhkan dana permulaan sebanyak RM300 juta untuk melabur dalam saham-saham domestik bermodal kecil
- Membangunkan asas untuk mencapai Objektif Pelaburan Jangka Panjang KWAP:
  - Mengilhamkan Keyakinan Pelaburan KWAP
  - Mewujudkan Rangka Kerja Risiko Pelaburan KWAP
- Peningkatan pengurusan risiko pasaran dengan pelaksanaan Sistem Strategi Prestasi Risiko (RPS)
- Melancarkan Program *KWAP Young Talent Career Acceleration*

# TAHUN 2013 SEPINTAS LALU


## JUMLAH SAIZ DANA



**RM99.92  
billion**



Jumlah dana  
meningkat  
sebanyak  
**12.61 %**

## SUMBER DANA



PULANGAN ATAS  
PELABURAN BERSIH  
**6.97%**

PULANGAN ATAS  
PELABURAN KASAR  
**7.05%**



PENDEDAHAN  
PELABURAN DOMESTIK  
**90.91%**

PENDEDAHAN  
PELABURAN ANTARABANGSA  
**9.09%**

DIURUS SECARA DALAMAN  
**88.13%**

DIURUS SECARA LUARAN  
**11.87%**

# RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN 5 TAHUN

	<b>2009</b> (1 Jan-31 Dis)	<b>2010</b> (1 Jan-31 Dis)	<b>2011</b> (1 Jan-31 Dis)	<b>2012</b> (1 Jan-31 Dis)	<b>2013</b> (1 Jan-31 Dis)	<b>Purata</b> (2009-2013)
<b>Saiz Dana Pada Nilai Kos (RM Bilion)</b>	61.50	70.52	78.93	88.73	99.92	79.92
Perkembangan Tahunan (%)	18	15	12	12	13	14
<b>Pendapatan dan Perbelanjaan (RM)</b>						
Pendapatan Kasar Pelaburan (Bilion)	3.24	4.62	4.66	5.75	6.66	4.99
Perbelanjaan Mengurus (Juta)	25.63	40.07	43.77	62.82	94.98	53.45
Pendapatan Bersih Pelaburan (Bilion)	5.70	4.85	4.30	5.69	6.57	5.42
<b>Pendapatan dan Perbelanjaan (%)</b>						
Pulangan atas Pelaburan Kasar (ROI Kasar)	5.62	7.07	6.30	6.84	7.05	6.58
Kadar Pulangan Perakaunan (ROI Bersih)	10.04	7.34	5.75	6.79	6.97	7.37
Nisbah Perbelanjaan Operasi						
Berbanding Pendapatan Kasar	0.79	0.87	0.94	1.09	1.42	1.01
Nisbah Perbelanjaan Operasi						
Berbanding Purata Dana	0.05	0.06	0.06	0.08	0.10	0.07
<b>Pulangan dan Risiko (%)</b>						
Kadar Pulangan Berwajarnan Masa	11.64	8.88	5.30	8.63	10.03	TB
Volatiliti	2.64	1.97	3.80	2.86	3.15	TB
<b>Caruman (RM Bilion)</b>						
Caruman Bersih Majikan	2.67	3.18	2.52	2.67	2.70	2.75
Caruman Kerajaan Persekutuan	1.10	1.00	1.50	1.50	1.50	1.32
<b>Komposisi Portfolio Pelaburan Pada Nilai Kos (RM Bilion)</b>						
<b>Domestik</b>						
Ekuiti	16.16	16.08	23.73	27.37	29.00	22.41
Pinjaman dan Sekuriti Hutang						
Persendirian	18.16	17.74	16.42	25.72	28.63	21.33
Sekuriti Hutang Kerajaan	14.72	15.64	18.04	22.01	25.55	19.19
Deposit Pasaran Wang	11.69	18.31	16.97	7.80	7.16	12.39
Ekuiti Persendirian	0.52	0.43	0.43	0.43	0.82	0.53
<b>Antarabangsa</b>						
Ekuiti	TB	0.63	0.81	1.89	2.96	1.48
Pendapatan Tetap	TB	TB	1.02	1.54	1.66	0.84
Hartanah	TB	0.38	1.00	1.99	4.07	1.49
<b>Pengurusan Dana</b>						
Pengurusan Dana Dalaman (%)	95.25	94.69	92.60	91.06	88.13	TB
Pengurusan Dana Luaran (%)	4.75	5.31	7.40	8.94	11.87	TB
Bilangan Majikan Mencarum	538	568	601	613	505	TB
Bilangan Ahli	121,572	128,384	134,055	145,855	160,560	TB
Bilangan Kakitangan KWAP	108	126	152	175	207	TB
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta)	30.33	36.25	30.68	32.87	32.29	TB

Nota: Angka-angka adalah berdasarkan prestasi di peringkat KWAP.

# PERUTUSAN PENGERUSI

**TAN SRI DR MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH**  
Pengerusi



## Pasaran ekuiti Asia telah mengharungi tahun yang mencabar pada tahun 2013, dibendung oleh kuasa-kuasa luar seperti kemungkinan skala balik program pelonggaran kuantitatif yang berterusan di Amerika Syarikat pada bulan mendatang yang muncul pada bulan Mei. Di samping itu, bahagian-bahagian Asia seperti India dan Indonesia menunjukkan kebimbangan mengenai isu-isu defisit berkembar dan mata wang yang tertakluk kepada jualan global hasil dari tekanan susut nilai.

Secara keseluruhan, pasaran ekuiti Asia kurang berprestasi dalam kebanyakan indeks global utama bagi tahun 2013, dengan indeks MSCI Asia Pasifik Kecuali Jepun naik hanya 0.5% bagi tahun 2013. Sebagai perbandingan, MSCI Jepun mencatatkan keuntungan yang mengagumkan sebanyak 52%, manakala MSCI AS meningkat ke 41% dan MSCI Eropah meningkat lebih daripada 16%.

Ekonomi global juga menyaksikan kesukaran pada separuh pertama tahun 2013 dengan pergelutan pemulihan di Amerika Syarikat, kebimbangan tiada perubahan terus mengatasi Jepun dan kemungkinan berlaku kelembapan di China. Oleh itu, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar yang lebih rendah daripada yang dijangkakan iaitu sebanyak 4.2% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2013. Syukur kerana ekonomi kembali pulih pada separuh kedua tahun meningkat semula kepada 5.0% pada suku ketiga 2013.

Persekitaran serantau yang sukar menekankan kekuatan dengan prestasi KWAP tahun ini, berjaya dicapai kerana ia dalam konteks volatiliti dan berlatar belakangkan global tidak diduga yang terdiri daripada pelbagai kuasa yang bersaing dalam pasaran utama maju.

KLCI berjaya mengatasi penanda aras MSCI Asia kecuali Jepun, walaupun dalam negara, tahun ini penuh dengan tidak terjual dan ketidaktentuan seperti isu-isu akaun semasa, penurunan penarafan Fitch bagi penarafan kredit kedaulatan negara dan kebimbangan fiskal yang berkaitan.

### PRESTASI KEWANGAN

Di dalam keadaan ekonomi yang berterusan tidak menentu, saya dengan bangganya mengumumkan bahawa KWAP telah memperoleh prestasi cemerlang pada tahun 2013. KWAP mencapai pulangan atas pelaburan kasar sebanyak 7.05%, melebihi pulangan atas pelaburan tahun 2012 sebanyak 6.84%. Ini adalah peningkatan dalam pulangan mutlak RM0.91 bilion atau 16% bagi tahun ke tahun, menjana sebanyak RM6.66 bilion pada tahun 2013 berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak RM5.75 bilion.

Lebih penting lagi, sepanjang tempoh tujuh (7) tahun, KWAP telah berjaya mengekalkan purata pulangan atas pelaburan kasar tidak kurang daripada 6.0% setiap tahun.

Di samping itu, saiz dana KWAP meningkat sebanyak 12.61% lagi pada tahun 2013 kepada RM99.92 bilion pada 31 Disember 2013 berbanding RM88.73 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan aset mamparnya yang dicapai adalah amat penting bagi membolehkan KWAP dapat mengurus liabiliti masa hadapan. Malah, dalam tempoh tujuh (7) tahun yang lalu, saiz dana KWAP terus berkembang dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 13% setahun, suatu pencapaian yang lebih memberangsangkan memandangkan peristiwa-peristiwa ekonomi global beberapa tahun kebelakangan ini, termasuk Krisis Kewangan Global, krisis hutang berdaulat Eropah, Kemelesetan Besar dan krisis gadai janji subprima AS.

KENYATAAN
Pulangan atas Pelaburan Kasar sebanyak
<b>7.05%</b>
Saiz dana meningkat sebanyak
<b>12.61%</b>
pada tahun 2013 kepada
<b>RM99.92</b>
bilion
pada 31 Disember 2013

## ALOKASI ASET STRATEGIK BAHARU

Satu pencapaian besar untuk pelaburan di KWAP pada tahun 2013 adalah Alokasi Aset Strategik yang baharu diluluskan. Di bawah Alokasi Aset Strategik yang baharu, Kementerian Kewangan telah meluluskan peningkatan peruntukan aset antarabangsa dari kadar semasa sebanyak 10% ke kadar baharu sebanyak 19%. Peningkatan ini termasuk pelaburan dalam ekuiti dari 3% ke 6%, sekuriti pendapatan tetap dari 2% ke 5%, hartanah dari 3% ke 6% dan ekuiti persendirian dari 1% ke 2%. KWAP dapat dilihat meneroka lebih jauh ke persada antarabangsa pada tahun 2014 bagi menggunakan peruntukan antarabangsa dengan sebaiknya.

## LIABILITI PENCEN

Pada tahun 2013, KWAP telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menjalankan Kajian Pembiayaan Pencen untuk menangani isu kecukupan sumbangan Kerajaan kepada KWAP dengan mencari pilihan alternatif pembiayaan. Kajian ini melibatkan lapan (8) inisiatif dan daripada jumlah tersebut, lima (5) telah dimulakan dan diterajui oleh KWAP. Inisiatif ini termasuk memastikan keupayaan KWAP untuk memperoleh pulangan atas pelaburan yang mampan, kemungkinan peningkatan kadar semasa caruman sebanyak 17.5% daripada Badan-Badan Berkanan dan Agensi Tempatan kepada KWAP, pemindahan syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadarkan yang sesuai untuk menawarkan sinergi dengan rancangan pengembangan KWAP di masa akan datang dan pemindahan tanah Kerajaan yang sesuai dan sejajar dengan rancangan KWAP untuk menceburい bidang pembangunan hartaanah.

Salah satu lonjakan besar diambil KWAP dalam kajian liabiliti pencen adalah persediaan untuk mengambil alih Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Ia akan membolehkan KWAP menjadi suatu dana persaraan yang berfungsi penuh dan membolehkan KWAP untuk memperkenalkan perkhidmatan tambah nilai baharu dan produk pesara baharu bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Saya dengan gembiranya menyatakan bahawa kajian semula undang-undang, integrasi dan rancangan transformasi projek berkaitan pengambilalihan telah bermula pada suku ketiga 2013.

## SISTEM PENGURUSAN CARUMAN BERSEPADU

Tahun 2013 juga menyaksikan kejayaan menyempurnakan Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS). ICMS telah dilancarkan pada bulan Julai oleh Menteri Kewangan II, YB Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamed Hanadzlah. Sebagai bukti komitmen KWAP untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada majikan, 48 Bengkel telah dijalankan di seluruh Malaysia, termasuk majikan

di Sabah dan Sarawak. Setakat ini, lebih 40% daripada pencarum telah memilih untuk menggunakan sistem.

## MELANGKAH KE HADAPAN

Merenung ke hadapan bagi tahun 2014, permintaan domestik yang kukuh akan terus menolak pertumbuhan KDNK di Malaysia, dengan dorongan untuk pertumbuhan yang datang dari perbelanjaan persendirian. Dengan penggunaan mendahului, ia seharusnya terus menyokong tahap kadar pertumbuhan. Sementara itu, berlatar belakangkan persekitaran global yang bertambah baik, pemulihan dalam eksport perlu bagi menambah momentum secara keseluruhan, setelah pulih dan kembali kepada persekitaran positif pada suku ketiga tahun 2013 ketika tanda-tanda pemulihan kelihatan di kalangan negara maju. Secara keseluruhan, asas-asas yang kukuh dan faktor luaran yang berpotensi lebih baik dapat melihat Malaysia berjaya memenuhi sasaran rasmi sebanyak 5.0% kepada pertumbuhan KDNK 5.5% bagi tahun ini.

## PENUTUP

Dengan ini, saya berasa bangga untuk membentangkan prestasi cemerlang KWAP yang lebih mengagumkan, memandangkan keadaan ekonomi dan pasaran yang mantap pada tahun ini. Bagi pihak Lembaga, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Dato' Azian Mohd Noh, yang telah berkhidmat di KWAP sejak dari Jabatan Akauntan Negara tahun 1991, sehingga tahun ke-7 diperbadarkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, sebelum bersara pada bulan Mac yang lalu.

Dalam pada itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Wan Kamaruzaman Wan Ahmad dan mengalau-alukan kedatangan beliau untuk menjadi ahli keluarga KWAP baharu dengan harapan bahawa beliau akan menerajui KWAP ke arah yang lebih baik dengan kebijaksanaan dan kepimpinan beliau.

Tidak lupa kepada pihak pengurusan kanan yang menjadi tunjang KWAP serta semua tenaga kerja KWAP yang sentiasa berusaha dan setia berkhidmat membawa KWAP ke kedudukannya sekarang.

Walaupun ada kemungkinan bahawa 2014 akan membawa cabaran baharu yang perlu ditempuhi, saya percaya bahawa dengan kepelbagaiannya strategi kelas aset, pendedahan geografi dan bakat baharu yang telah diambil kira dan dikemukakan serta pertimbangan faktor risiko sewajarnya, KWAP akan memberi tumpuan untuk berjaya mencapai matlamat dan objektifnya.

## ALOKASI ASET STRATEGIK ANTARABANGSA BAHARU

Ekuiti

**6%**



Pendapatan

**5%**



Hartanah

**6%**



Ekuiti  
Persendirian

**2%**



**Asas-asas yang kukuh dan faktor luaran yang berpotensi lebih baik dapat melihat Malaysia berjaya memenuhi sasaran rasmi sebanyak 5.0% kepada pertumbuhan KDNK 5.5% bagi tahun ini.**

# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**WAN KAMARUZAMAN WAN AHMAD**

Ketua Pegawai Eksekutif

## PENGENALAN

**Secara keseluruhan, tahun 2013 adalah suatu tahun yang mencabar. Tetapi dalam konteks ini, kami menganggapnya sebagai cabaran dalam usaha kami dan berjaya mencapai kemajuan dan hasil yang positif dalam bidang pelaburan.**

### PRESTASI KEWANGAN

2013 terbukti adalah tahun yang penuh bermakna untuk pasaran dan ekonomi di seluruh dunia. Pasaran maju menunjukkan kenaikan kukuh terutamanya pada separuh kedua tahun 2013, manakala pasaran baharu muncul menanggung beban aliran modal yang turun naik yang mencerminkan perubahan selera risiko di peringkat global. Oleh itu, pasaran ekuiti Asia kurang berprestasi di dalam kebanyakan indeks global utama bagi tahun 2013, dengan indeks MSCI Asia Pasifik Kecuali Jepun naik cuma 0.5% walaupun MSCI World meningkat lebih daripada 20%.

Dari segi ekonomi, ekonomi dunia pada tahun 2014 dijangka terus pulih daripada krisis kewangan pada tahun 2013, walaupun pada kadar yang perlakan. Walaupun berhadapan dengan penutupan dua minggu kerajaan Amerika Syarikat kerana perbezaan pendapat kongres mengenai lebihan bajet pada akhir tahun lalu, ia kini seolah-olah berada dalam keadaan pemulihan. Sehingga hujung tahun 2013, Zon Euro yang menghadapi kemelesetan untuk beberapa tahun yang lalu, kini memberi harapan bahawa tahap kemelesetan yang paling teruk telah berlalu, walaupun European Union (EU) yang mulanya agak ketinggalan telah mula bersaing untuk proses pemulihan.

Rizab Persekutuan AS dan Bank of Japan juga terlibat dalam program-program pelonggaran kuantitatif sebagai salah satu daripada dasar-dasar rangsangan mereka tahun lalu, dengan harapan untuk mendorong kadar faedah jangka panjang sambil mengekalkan faedah jangka pendek kepada hampir sifar. Sementara itu, Bank Pusat Eropah telah berpegang pada janji mereka untuk mengekalkan kadar faedah yang rendah untuk tempoh selama mungkin perlu, dengan pemulihan yang rapuh secara beransur-ansur diperluaskan kepada permintaan domestik.

Dalam keadaan yang sentiasa berubah-ubah pada tahun 2013, prestasi pelaburan KWAP adalah agak memberangsangkan.

Dari segi pulangan, KWAP telah mencatat pulangan pelaburan direalisasikan sebanyak RM6.66 bilion, iaitu peningkatan sebanyak RM0.91 bilion atau 16% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya pada RM5.75 bilion. Dari segi peratusan, pulangan atas pelaburan kasar secara keseluruhan yang berjaya dicapai adalah 7.05%, melebihi pulangan atas pelaburan tahun 2012 sebanyak 6.84% dan juga mengatasi pertumbuhan KDNK Malaysia pada kadar 4.7%.

Walaupun kiraan secara jumlah pulangan atau Kadar Pulangan Berwajaran Masa, kami berjaya mencatatkan 10.03% iaitu mengatasi prestasi penanda aras khas dengan kadar selesa 7.39%.

Digabungkan dengan peningkatan berterusan yang diterima pakai oleh Jabatan Caruman, caruman yang diterima berjumlah RM4.19 bilion. Oleh itu, saiz dana KWAP telah meningkat sebanyak 12.61% lagi pada tahun 2013 kepada RM99.92 bilion pada 31 Disember 2013 berbanding dengan RM88.73 bilion pada tahun sebelumnya.

Sepanjang tempoh tujuh (7) tahun, KWAP mencatat pertumbuhan purata 13% setiap tahun, dengan pendapatan pelaburan terus menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan aset.

Secara kumulatif pada tahun 2013, pendapatan daripada pelaburan menyumbang tertinggi sebanyak 54.48% manakala caruman majikan adalah penyumbang kedua terbesar pada kira-kira 29.14%. Sumbangan oleh Kerajaan Persekutuan merangkumi baki selebihnya sebanyak 16.38%.

Melangkah ke hadapan, prospek dalam ekonomi-ekonomi utama mungkin akan menjadi lebih baik menuju tahun 2014. Petunjuk dari AS khususnya membayangkan pemulihan berterusan, walaupun perjalanan tidak mungkin lancar sepenuhnya. Manakala Eropah pula yang masih di dalam keadaan kekacauan, menunjukkan tandanya peningkatan ekonomi dengan Ireland telah keluar dari penyelamat dan UK pula menerima pengiktirafan disebabkan tumpuan beralih daripada penjimatkan kepada pertumbuhan.

### KENYATAAN

Pulangan Pelaburan  
Direalisasikan  
meningkat

**RM6.66**  
bilion pada tahun 2013

Kadar Pulangan  
Berwajaran Masa  
mencatatkan

**10.03%**

Caruman  
menerima

**RM4.19**  
bilion pada tahun 2013

Sepanjang  
tempoh tujuh  
(7) tahun,  
KWAP mencatat  
pertumbuhan  
purata **13%**  
setiap tahun,  
dengan  
pendapatan  
pelaburan  
terus menjadi  
penyumbang  
terbesar kepada  
pertumbuhan aset

Di negara-negara jiran pula, kemajuan pemulihian Jepun akan berterusan pada tahun seterusnya dalam masa terdekat ke jangka masa pertengahan kerana ia mula menunjukkan hasil daripada dasar rangsangan. Sementara itu, peningkatan dalam ekonomi maju perlu memberi faedah kepada sektor pembuatan China yang seterusnya dapat menyokong negara-negara jiran yang lebih kecil di Asia Tenggara.

Dengan Malaysia yang mengamalkan ekonomi terbuka dan mempunyai industri eksport yang penting, pemulihian dalam ekonomi global, terutamanya di China, Jepun dan Amerika Syarikat, menjadi petanda penting untuk pencapaian negara.

Secara keseluruhannya, walau apa pun kejutan besar yang tidak dijangka, sama ada luaran atau domestik, ekonomi Malaysia pada tahun 2014 diramalkan akan menampakkan pertumbuhan yang baik didorong oleh perdagangan luar dan permintaan domestik yang stabil.

#### **INISIATIF PELABURAN**

Perjalanan kami untuk mencari pulangan pelaburan mamparn dan terus melangkui sempadan kita seperti yang diusahakan untuk maju, seperti yang tertera di dalam misi KWAP untuk memaksimumkan pulangan melalui penanda aras, rangka kerja pelaburan yang dinamik dan pengurusan risiko yang mantap.

Selaras dengan itu, Kementerian Kewangan telah meluluskan Alokasi Aset Strategik baru dengan perubahan dalam peruntukan aset antarabangsa, yang telah meningkat dari 10% ke 19% dan infrastruktur pula telah ditambah sebagai kelas aset baru.

Selain itu, kami telah melaksanakan semakan semula Dasar dan Garis Panduan Pelaburan yang menggabungkan seratus empat (104) perubahan dan mendapat kelulusan pada Had Kuasa baharu untuk meningkatkan kecekapan. Perubahan ini bertujuan untuk memudahkan proses pelaburan secara berhemah.

Tambahan pula, pada tahun 2013, KWAP telah menambah tiga (3) lagi harta tanah sebagai pelburannya tahun lalu. Bangunan 88 Wood Street di London adalah pelaburan harta tanah kedua di London yang diperolehi pada harga GBP215 juta; bangunan 747 Collins Street di Melbourne, yang dimiliki bersama Lembaga Tabung Haji telah diperolehi pada harga AUD279 juta dan 179 Turbot Street di Brisbane dibeli pada harga AUD172 juta. Ini membawa kepada sejumlah enam (6) harta tanah yang dimiliki oleh KWAP sehingga kini.

#### **PENGURUSAN RISIKO**

Tindakan berjaga-jaga akan kepentingan langkah-langkah pengurusan risiko kekal tinggi dalam agenda KWAP. Tiga (3) latihan pemulihian bencana telah berjaya dilaksanakan, termasuk satu (1) latihan secara langsung yang meliputi Sistem Pengurusan Pelaburan Dana Bersepadu (IFIMS) dan dengan lingkungan yang telah dikembangkan termasuk Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) baharu ketika menjalankan latihan pemulihian bencana secara langsung. Tambahan pula, sistem Barra One yang digunakan untuk memudahkan pengurusan risiko pasaran dan Sistem Strategi Prestasi Risiko "Day 2" telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2013. Ini dengan sendirinya mencerminkan keupayaan pasukan pengurusan KWAP untuk mewujudkan sistem yang teguh untuk meningkatkan proses pelaburan KWAP.

#### **PENINGKATAN INFRASTRUKTUR**

2013 menyaksikan kejayaan pelancaran ICMS. Buat masa ini, ICMS digunakan oleh 40% daripada pencarum dan bengkel giat telah dijalankan di seluruh negara untuk mendidik majikan mengenai manfaat menggunakan sistem tersebut.

Pelaksanaan lain pada tahun 2013 termasuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Peranti Alat Mudah Alih (MDM) yang juga telah dijalankan untuk memudahkan pelaksanaan Dasar Telefon Bijak baharu oleh Jabatan Sumber Manusia serta Jabatan Akaun dan Perkhidmatan Pengurusan. KWAP juga menyaksikan lebih dua puluh (20) keperluan baharu dan permintaan perubahan sistem yang dilaksanakan bagi pelbagai sistem dalam KWAP termasuk IFIMS, ICMS, SAGA, EP2P dan SharePoint Portal.

#### **PENSIJILAN**

Sebagai salah satu daripada komitmen dan usaha berterusan untuk meningkatkan piawaian operasi dan kualiti perkhidmatan, KWAP telah diiktiraf dua anugerah ISO iaitu pensijilan ISO9001:2008 dan ISO27001:2005. Pentaulahan tersebut memaparkan komitmen KWAP dalam mengekalkan pengurusan kualiti dan amalan terbaik.

Sistem Pengurusan Kualiti ISO9001:2008 dengan skop pensijilan bagi ekuiti domestik, pendapatan tetap domestik, harta tanah, pengurusan dana luaran dan caruman yang ditaliahkan ke KWAP membuktikan usaha berterusan KWAP untuk memperbaiki piawaian operasi dan kualiti perkhidmatannya.

Di samping itu, di bawah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO27001:2005, KWAP juga menerima pensijilan untuk skop Sistem Pengurusan Pelaburan di Pusat Data. Ini menandakan keyakinan dan aspirasi KWAP ke arah mencapai standard setinggi mungkin dalam setiap aspek pengendalian perniagaannya.

#### **SUMBER DANA TAHUN 2013**

Pendapatan Pelaburan

**54.48%**

Caruman Majikan

**29.14%**

Kerajaan  
Persekutuan

**16.38%**

**2014**

diramalkan akan  
menampakkan  
pertumbuhan yang  
baik didorong oleh  
perdagangan luar  
dan permintaan  
domestik yang  
stabil.

## MODAL INSAN

Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa pada tahun 2013, jumlah tenaga kerja kami telah bertambah kepada dua ratus tujuh (207) orang berbanding seratus tujuh puluh lima (175) orang pada 31 Disember 2012 dengan catatan empat puluh lima (45) kakitangan baru yang hadir bagi tahun ini.

Program *KWAP Young Talent Career Acceleration* telah diluluskan dan akan dilancarkan secara rasmi pada 2014. Objektif program ini adalah untuk memupuk bakat-bakat muda yang sangat berpotensi sebagai pemimpin masa hadapan. Bakat-bakat yang terpilih akan melalui program pembangunan dan budaya berstruktur untuk membina kemahiran dan kemampuan mereka.

Pada suku ketiga tahun 2013, program *Team Building* telah diadakan di Hotel Pullman, Putrajaya. Ia menyaksikan penyertaan semua kakitangan KWAP. Program ini dilihat sebagai suatu peluang untuk mengukuhkan hubungan antara pihak pengurusan dan kakitangan lain. Ia juga dianggap sebagai satu platform untuk memupuk semangat kekitaan di kalangan tenaga kerja KWAP.

Sepanjang 2013, tujuh (7) *Golden Hour Series*, tujuh (7) Sesi Perkongsian Pengetahuan serta dua (2) Siri Kepimpinan telah diadakan dengan objektif untuk terus menggalakkan pertukaran pengetahuan serta menyediakan sumber idea dan inspirasi kepada semua yang hadir. Setingga penghargaan kepada penceramah jemputan dan peserta yang turut serta membantu menjayakan setiap sesi.

## SPARC

Kelab Sukan dan Rekreasi KWAP (SPARC) meneruskan tradisi untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Sukan Kementerian Kewangan (PSKK) yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan dan diadakan pada bulan November. KWAP telah menghantar sepasukan empat puluh (40) olahragawan dan olahragawati sebagai peserta yang telah mengambil bahagian dalam Futsal, Dart, Bowling serta Olahraga.

Untuk terus menggalakkan warga kerja mengamalkan gaya hidup sihat, SPARC telah menubuhkan sebuah pusat kesihatan dan kecergasan mini untuk dimanfaatkan oleh ahli-ahlinya. Kami berharap agar tahap kecergasan akan menjadi lebih baik di KWAP dan akan meningkatkan lagi kualiti hidup dan produktiviti tenaga kerja dalam semua bidang.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Dalam menjalani kesibukan aktiviti harian kami pada tahun ini, KWAP meneruskan tanggungjawab moral sebagai rakyat bermasyarakat yang bertanggungjawab terhadap orang-orang yang diabaikan, kurang berasaib baik dan yang memerlukan bantuan.

Dua (2) lawatan telah dijalankan ke Rumah Orang-Orang Tua - Rumah Ehsan di Kuala Kubu Bharu, di mana barang-barang keperluan harian mereka telah didermakan dan sukarelawan KWAP juga telah mengambil peluang untuk menceriakan penduduk dan kakitangan yang berdedikasi di rumah tersebut.

Pada bulan September, KWAP telah mengambil bahagian dalam acara larian untuk amal tahunan dengan menghantar satu (1) pasukan untuk mengambil bahagian dalam larian The Edge - Bursa Malaysia Kuala Lumpur Rat Race 2013 di bawah Kategori Campuran. Ia juga merupakan satu pencapaian peribadi bagi saya untuk mengambil bahagian di bawah Kategori Ketua Pegawai Eksekutif.


Program *Fun Kids with KWAP* telah dianjurkan di Sekolah Kebangsaan Salak di Sepang, di mana dua (2) program telah diadakan untuk murid Tahun 5 dan Tahun 6. Kali ini pendekatan baru telah diambil untuk menarik minat lebih mendalam kanak-kanak ini dan maklum balas yang diterima daripada sekolah tersebut amat menggalakkan.

Di samping itu, Seminar Perancangan Kewangan untuk Persaraan telah berjaya diadakan pada bulan Disember dengan 43 peserta. Selain daripada pakar di KWAP sendiri, penceramah jemputan daripada Bank Negara Malaysia, Amanah Raya Berhad, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Sime Darby Medical Centre juga telah dijemput untuk berkongsi maklumat yang berguna untuk menyediakan bakal pesara untuk persaraan mereka yang akan datang.

## KESIMPULAN

Saya dengan bangganya ingin menyatakan bahawa KWAP telah mencapai begitu banyak kejayaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pelbagai cabaran dan halangan telah kami lalui tetapi ianya gagal untuk mematahkan semangat warga kerja kami untuk terus berjaya. Kejayaan ini adalah hasil usaha bersepadan yang telah membawa KWAP ke tahapnya pada hari ini. Tetapi masih jauh perjalanan yang harus ditempuhi dengan cabaran-cabaran baharu bakal menanti. 2014 sudah pasti akan menjadi tahun yang lebih sukar. Walaupun adanya cabaran-cabaran baharu, saya percaya KWAP berupaya untuk mengemudi tahun seterusnya kerana telah terbukti ia berjaya dilakukan sebelum ini. Saya percaya bahawa KWAP akan terus tetap teguh dalam perjalannannya ke arah menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahlia Lembaga dan Panel Pelaburan atas komitmen, kepercayaan dan sokongan mereka. Untuk rakan KWAP saya, terima kasih atas dedikasi dan komitmen untuk membawa KWAP ke tahap yang lebih baik.



**SEKSYEN**

**02**

A circular graphic featuring four thick, semi-transparent purple segments separated by black outlines. The segments are positioned at approximately 12 o'clock, 3 o'clock, 6 o'clock, and 9 o'clock. The background consists of five concentric gray circles. In the center, the word "SEKSYEN" is written in bold black capital letters above a horizontal dotted line. Below the dotted line, the number "02" is displayed in large, bold, black digits.

# STRATEGI KAMI

---

**024** Laporan Kad Skor Korporat 2013

**033** Kad Skor Korporat 2014

**035** Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu

**036** Hartanah di dalam Portfolio KWAP

**038** Pendedahan Global

# LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2013

A. Objektif Pihak Berkepentingan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Meningkatkan saiz dana	a) Peratus pertumbuhan dalam saiz dana	a) Meningkatkan saiz dana (pada kos) sekitar 9.7% - 10.4% dari anggaran baki pada pembukaan 2013	Saiz dana meningkat sebanyak 12.61%: RM88.73 bilion pada 2012 ke RM99.92 bilion pada 2013  Nilai pasaran pada 31 Disember 2013: RM102.8 bilion
2. Memulakan penggabungan dengan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	a) Jangka masa siap	a) Kertas konsep mengenai penggabungan dimuktamadkan pada Mac 2013	Cadangan pengambilalihan telah diluluskan oleh Lembaga pada Mei 2013 dan oleh Kabinet pada September 2013  Kajian undang-undang, integrasi projek dan pelan transformasi bermula pada suku keempat 2013
3. Membangunkan Pelan Tindakan Strategik (2013 - 2015)	a) Jangka masa siap	a) Pelan Tindakan Strategik dilengkapkan pada Jun 2013	Dianjak ke suku pertama tahun 2014 untuk mengambil kira pelan visi dan transformasi selepas pengambilalihan Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA
4. Membangunkan keupayaan untuk menawarkan pengurusan pelaburan yang patuh Syariah	a) Jangka masa siap	<p>a) Melengkapkan potensi pengambilalihan syarikat pengurusan asset Islam pada Mac 2013</p> <p>b) Melengkapkan halatuju strategik untuk syarikat pengurusan asset Islam sebagai sebahagian daripada penglibatan KWAP dalam industri kewangan Islam pada Jun 2013</p> <p>c) Melengkapkan kajian membangunkan dana patuh Syariah dan model operasi pada November 2013</p>	<p>Selesai menjalankan <i>due diligence</i>, rundingan terma Perjanjian Jual Beli dan selesai menyediakan pelan migrasi operasi</p> <p>Namun, cadangan pengambilalihan telah dibatalkan pada Oktober 2013 kerana pertukaran hala tuju perniagaan syarikat induk</p> <p>Dibatalkan diatas sebab-sebab dalam perkara 4 (a)</p> <p>Tertunda hingga tahun 2014 berikutkan pelaksanaan kerja perancangan pengambilalihan Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA</p>

## A. Objektif Pihak Berkepentingan

- Inisiatif baharu berkenaan pihak berkepentingan yang telah dilaksanakan pada 2013:

### Kajian Pembiayaan Pencen

KWAP telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menjalankan satu Kajian Pembiayaan (Kajian) untuk menangani kemampaman sumbangan kerajaan untuk KWAP.

Kajian mengesyorkan 8 inisiatif, 5 sedang dijalankan dan diketuai oleh KWAP:

Inisiatif	Status
i. Menyampaikan Pulangan mampan Pelaburan	Strategi pelaburan yang luas dikemukakan kepada Kementerian Kewangan
ii. Meningkatkan caruman Badan Berkanun dan Agensi Tempatan	Penglibatan dengan Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kerajaan yang akan dilaksanakan pada tahun 2014
iii. Pemindahan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan	Beberapa syarikat telah disenarai pendek
iv. Pemindahan tanah kerajaan	Beberapa tanah telah dikenal pasti
v. Pengambilalihan Bahagian Pasca Perkhidmatan, fungsi Jabatan Perkhidmatan Awam	Kerja-kerja kajian undang-undang, integrasi dan pelan transformasi telah bermula pada tahun 2013

B. Objektif Kewangan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Mencapai sasaran Pulangan Atas Pelaburan	a) Penanda aras: KDNK tahun 2013	a) Pulangan atas Pelaburan tahun 2013: 5.25% (sasaran rendah) 5.50% (sasaran asas) 5.87% (sasaran terbaik)	Mencapai Pulangan atas Pelaburan Kasar sebanyak 7.05% pada tahun 2013 melepas Pulangan atas Pelaburan Kasar sebanyak 6.84% pada tahun 2012 dan KDNK 4.7%
	b) Penanda aras khas (purata berwajaran dari penanda aras kesemua kelas aset)	b) Mengatasi penanda aras khas	Purata Pulangan atas Pelaburan Kasar 7 tahun: 6.85% setahun  Agregat Kadar Pulangan Berwajaran Masa: 10.03% Penanda aras bercampur: 7.39% Lebihan penanda aras: 2.64%  Pada 31 Disember 2013, terdapat keuntungan tidak nyata sebanyak RM2.9 bilion yang dibawa ke hadapan untuk kemampaman jangka panjang
2. Meningkatkan alokasi dan penggunaan aset antarabangsa	a) Peratusan alokasi aset antarabangsa dari keseluruhan saiz dana	a) Kadar minima 10%	9.45% daripada jumlah saiz dana yang telah digunakan untuk pelaburan antarabangsa:  i. Ekuiti: 3.39% ii. Pendapatan tetap: 1.74% iii. Hartanah: 3.96% iv. Ekuiti Persendirian: 0.36% (tidak termasuk ekuiti persendirian domestik)

## 026 LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2013

C. Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Melaksanakan strategi pelaburan baharu	a) Bilangan inisiatif operasi disiapkan seperti yang dikenal pasti di bawah amalan pelaburan baharu	a) Memperkenalkan sekurang-kurangnya lima (5) strategi pelaburan baharu pada 2013	<p>a) Strategi pelaburan yang dilaksanakan pada tahun 2013:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>i. Alokasi aset antarabangsa</b> Meningkatkan alokasi aset antarabangsa dari 10% ke 19% dengan infrastruktur ditambah sebagai kelas aset baharu</li> <li><b>ii. Pelaburan pendapatan tetap serantau</b> Selesai analisis untuk pasaran pendapatan tetap utama iaitu Thailand, Korea Selatan, Indonesia, Hong Kong (termasuk syarikat yang berpangkalan di China yang mengeluarkan daripada Hong Kong) dan Australia dan penubuhan pulangan penanda aras, pasukan pelaburan, infrastruktur utama dan keupayaan operasi</li> <li><b>iii. Pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap yang memberikan hasil tinggi</b> Melabur dalam beberapa bon korporat tidak dinilai, bon kekal dan sekuriti modal bank hybrid Kumpulan 1 (Basel III) dengan objektif untuk mendapatkan pulangan jangka panjang yang mampan tanpa menjelaskan risiko</li> <li><b>iv. Pelaburan dalam solusi pelaburan inovatif</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat kelulusan untuk melaksanakan Perjanjian pembelian semula dengan Institusi Kewangan</li> <li>• Menjalankan analisis viabiliti melabur dalam Nota berkaitan Kredit yang akan membentuk komponen penting untuk menyokong aktiviti pelaburan serantau dan domestik KWAP pada masa hadapan. Ia akan dibentangkan kepada Panel Pelaburan untuk kelulusan pada suku pertama 2014</li> </ul> </li> </ul>

C. Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Melaksanakan strategi pelaburan baharu (Bersambung)	a) Bilangan inisiatif operasi disiapkan seperti yang dikenal pasti di bawah amalan pelaburan baharu	a) Memperkenalkan sekurang-kurangnya lima (5) strategi pelaburan baharu pada 2013	<p>a) Strategi pelaburan yang dilaksanakan pada tahun 2013:</p> <p>v. <b>Ekuiti: saham domestik bermodal kecil</b> Menubuhkan dana permulaan (RM300 Juta) untuk melabur dalam saham-saham bermodal kecil domestik yang mempunyai kualiti yang diperlukan untuk menyerlah di pasaran untuk beberapa tahun akan datang dan menjana pulangan jangka panjang terbaik</p> <p>vi. <b>Ekuiti: model kuantitatif</b> Membangunkan strategi pelaburan yang mampan bagi ekuiti domestik menerusi inisiatif pemodelan kuantitatif seperti model untuk pemilihan saham dan model mereka portfolio</p> <p>vii. <b>Menambah pulangan untuk harta tanah sedia ada</b> Menjalankan usaha ke atas empat (4) harta tanah (2 di UK dan 2 di Australia) untuk membebaskan modal untuk tujuan pelaburan semula, meningkatkan pulangan ke atas modal dan melindungi nilai tukaran mata wang asing</p> <p>viii. <b>Membangunkan asas untuk mencapai objektif pelaburan jangka panjang KWAP:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengilhamkan prinsip pelaburan KWAP</li> <li>• Mewujudkan rangka kerja risiko pelaburan KWAP</li> </ul>

## 028 LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2013

C. Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
2. Menambahbaik amalan pelaburan	a) Bilangan inisiatif operasi yang disiapkan seperti yang dikenal pasti di bawah amalan pelaburan baharu	a) Memperkenalkan sekurang-kurangnya tiga (3) amalan pelaburan baharu pada tahun 2013	<p>Amalan pelaburan yang diperkenalkan pada tahun 2013:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menjalankan semakan utama (yang melibatkan seratus empat [104] perubahan) kepada Dasar &amp; Panduan Pelaburan</li> <li>ii. Memperkenalkan Hak Kuasa untuk menggalakkan kecekapan dan keberkesan dalam proses membuat keputusan</li> <li>iii. Menubuhkan bahagian khas risikan pasaran / strategi di bawah Unit Makro dalam Jabatan Strategi Portfolio</li> <li>iv. Memperkenalkan Polisi Pertukaran Mata Wang Asing dan Garis Panduan Perlindungan Nilai</li> <li>v. Membangunkan Pemodelan Aset Liabiliti Peringkat Tinggi (ALM) dan Portfolio didorong Liabiliti membina keupayaan dalam Jabatan Portfolio Strategi</li> <li>vi. Memulakan penyelidikan mendalam untuk pasaran antarabangsa - Asia Pasifik dan UK</li> </ul>
	b) Peratus cadangan pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan	b) Sekurang-kurangnya 90% cadangan pelaburan yang telah diluluskan Panel Pelaburan	95.8% daripada cadangan (70 dari 73 jumlah keseluruhan) telah diluluskan pada tahun 2013
3. Menambahbaik operasi dan amalan risiko pengurusan	a) Bilangan inisiatif operasi yang telah disempurnakan yang dikenalpasti di bawah "Menambahbaik operasi dan amalan risiko pengurusan"	a) Sekurang-kurangnya tujuh (7) pengurusan risiko operasi yang telah dilaksanakan pada tahun 2013	<p>Inisiatif pengurusan risiko dan operasi yang telah dilaksanakan pada tahun 2013:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Selesai proses pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat berdasarkan standard ISO/IEC 27001:2005</li> <li>ii. Memperluaskan skop ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti untuk memasukkan fungsi pengurusan caruman</li> <li>iii. Mewujudkan Jawatankuasa Sumber Manusia yang menumpukan perhatian terhadap strategi sumber manusia dan operasi dalam bidang tarikan dan perolehan modal insan, pengekalan dan pembangunan modal insan, pengurusan saraan dan lain-lain isu berkaitan sumber manusia</li> </ul>

C. Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
3. Menambahbaik operasi dan amalan risiko pengurusan (Bersambung)	a) Bilangan inisiatif operasi yang telah disempurnakan yang dikenalpasti di bawah "Menambahbaik operasi dan amalan risiko pengurusan"	a) Sekurang-kurangnya tujuh (7) pengurusan risiko operasi yang telah dilaksanakan pada tahun 2013	<p>Inisiatif pengurusan risiko dan operasi yang telah dilaksanakan pada tahun 2013:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Caruman <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Pematuhan dan Penguatkuasaan. Mempertingkatkan bilangan lawatan pematuhan dan penguatkuasaan ke empat puluh lapan (48) majikan pada tahun 2013</li> <li>• Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS): <ul style="list-style-type: none"> <li>ICMS telah mula digunakan</li> <li>Menjalankan bengkel di Sabah &amp; Sarawak untuk mewujudkan kesedaran dan penyesuaian</li> </ul> </li> <li>• Bayaran melalui Pemindahan Dana Elektronik (EFT) <ul style="list-style-type: none"> <li>Menggalakkan majikan untuk menggunakan kaedah EFT untuk mempercepatkan proses penerimaan caruman. Setakat 31 Disember 2013, lima puluh lapan (58) majikan telah membuat pembayaran melalui EFT</li> </ul> </li> <li>v. Membangunkan analisis risiko negara (melalui matrix) dan analisis senario makro</li> <li>vi. Menambahbaik fungsi pengurusan risiko kredit (termasuk analisis jurang dan pelan tindakan pemulihan) selari dengan perkembangan ke bon antarabangsa, nota berkaitan kredit, bon tidak dinilai, instrumen tidak didagang dan struktur yang semakin kompleks.</li> <li>vii. Menambahbaik pengurusan risiko pasaran dengan pelaksanaan sistem Risk Performance Strategy (RPS) pada tahun 2013</li> <li>viii. Menjalankan ulasan mengenai pendekatan KWAP terhadap pelaburan alternatif</li> <li>ix. Membangunkan ukuran risiko/ganjaran</li> </ul> </li> </ul>

## 030 LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2013

C. Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
3. Menambahbaik operasi dan amalan risiko pengurusan (Bersambung)	b) Peratus pematuhan terhadap perundangan / peraturan	b) 100% pematuhan	<p>b) Dua ketidakpatuhan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kelewatan pelantikan Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan yang diperlukan; dan</li> <li>ii. Penyeliaan dalam mendapatkan kelulusan untuk pelaburan dalam dana ekuiti persendirian tertentu kerana berbeza pendapat mengenai kelulusan yang diperlukan</li> </ul> <p>Kedua-duanya telah ditangani pada suku keempat 2013. Pada 31 Disember 2013 pematuhan adalah 100%</p>
	c) Peratus pemerhatian audit ditutup dalam masa yang ditetapkan	c) 100% penutupan	c) Pada 31 Disember 2013, satu (1) pemerhatian audit kekal terbuka dan tidak ditutup dalam tempoh yang ditetapkan iaitu penubuhan Kod Etika KWAP. Pengurusan sedang menyediakan Kod Etika dan dijangka lengkap menjelang akhir Mac 2014
	d) Pendapat oleh juruaudit berkanun	d) Sijil Audit berkelayakan untuk Penyata Kewangan	d) Sijil Audit berkelayakan untuk Penyata Kewangan diterima pada 7 Mac 2013
	e) Pendapat oleh Ketua Audit Negara berhubung dengan audit prestasi	e) Tiada penemuan penting yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dan semua penemuan tidak penting (bukan material) yang dibangkitkan dapat diselesaikan dalam tempoh enam (6) bulan	e) Tiada penemuan material yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara berkaitan Prestasi Audit untuk pelaburan ekuiti dijalankan pada 2012 (dibentangkan di Parlimen pada 2013). Semua penemuan bukan material yang dibangkitkan telah diselesaikan dalam masa enam (6) bulan

D. Objektif Pembelajaran dan Pembangunan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Setahun
1. Meningkatkan kapasiti dan keupayaan modal insan	a) Jangka masa siap	<p>a) Memuktamadkan tarikan modal insan, pengekalan dan ganjaran modal insan pada April 2013</p> <p>b) Melengkapkan audit modal insan dan analisis penilaian jurang menjelang Jun 2013</p> <p>c) Melengkapkan Rancangan Pembangunan Kerjaya Individu pada Oktober 2013</p>	<p>a) Diluluskan oleh Jawatankuasa Sumber Manusia pada 2 Julai 2013</p> <p>b) Diluluskan oleh Jawatankuasa Sumber Manusia pada 17 Disember 2013</p> <p>c) Enam (6) daripada sepuluh (10) kakitangan telah memulakan program</p>
2. Perancang pelapisan	a) Jangka masa siap	a) Membangunkan perancangan pelapisan untuk jawatan kritikal pada Disember 2013	a) Diluluskan oleh Jawatankuasa Sumber Manusia pada 2 Julai 2013
3. Pengekalan modal insan	a) Kadar pengekalan	a) 80% pengekalan modal insan dibawah program Rancangan Pembangunan Kerjaya Individu	a) 100% pengekalan

<b>D. Objektif Pembelajaran dan Pembangunan</b>	<b>Ukuran KPI</b>	<b>Sasaran Tahunan</b>	<b>Prestasi Setahun</b>
4. Pembelajaran dan pembangunan	a) Hari pembelajaran	a) Purata tujuh (7) hari bagi setiap kakitangan	<p>a) Purata 9.04 hari bagi setiap kakitangan</p> <p>Di samping itu, inisiatif-inisiatif berikut telah dijalankan:</p> <p><b>Program secara dalaman</b></p> <p>Tiga puluh tujuh (37) program secara dalaman telah dijalankan meliputi pelbagai topik dari ISO audit dalaman, pengabungan &amp; pengambilalihan, kesedaran risiko, komunikasi perniagaan dan program membina pasukan</p> <p>Sepuluh (10) kakitangan pengurusan (naib presiden ke atas) menghadiri kursus kepimpinan di pelbagai institusi perniagaan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• London Business School</li> <li>• Melbourne Business School</li> <li>• Harvard Business School (Alumni)</li> <li>• NUS Business School</li> <li>• ICLIF</li> </ul>

5. Inisiatif baharu berkaitan Sumber Manusia dilaksanakan pada tahun 2013:

<b>Inisiatif</b>	<b>Status</b>
i. Kawalan Kos  ii. Penambahbaikan kepada Pengrekrutan dan Penyumberan  iii. Program KWAP <i>Young Talent Acceleration</i>	<p>Melaksanakan inisiatif kawalan kos berbanding dengan pelaksanaan manfaat pekerja disemak semula yang melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Garis panduan mengenai Cuti Tahunan dibawa kehadapan yang dikaji semula</li> <li>• Menambahbaik proses tuntutan eluan makan</li> <li>• Mengkaji semula liputan berkenaan bersalin</li> <li>• Perlindungan perubatan bagi pasangan bekerja</li> </ul> <p>Keberkesanan peningkatan proses pemilihan untuk empat puluh lima (45) kakitangan baharu pada tahun 2013 melalui pelaksanaan dua (2) SOP baharu dan pengenalan penggunaan alat pengrekrutan baharu (berdasarkan web)</p> <p>Melancarkan program ini yang bertujuan untuk memupuk bakat muda dan berpotensi tinggi sebagai pemimpin masa depan</p>

## 032 LAPORAN KAD SKOR KORPORAT 2013

### Pelaburan Antarabangsa : Inisiatif Baharu Yang Dijalankan Pada 2013

Pelaburan Alternatif	
a. Ekuiti Persendirian (Antarabangsa)	Melabur di dalam empat (4) dana ekuiti persendirian
b. Hartanah (Antarabangsa)	Belian tiga (3) harta tanah antarabangsa: i. 88, Wood Street, London (GBP215 juta) ii. 747, Collins Street, Melbourne (AUD279 juta) (40% dimiliki oleh Lembaga Tabung Haji dan 60% dimiliki oleh KWAP) iii. 179, Turbot Street, Brisbane (AUD172 juta)
c. Ekuiti Antarabangsa	Melabur RM700 juta dalam ekuiti antarabangsa dengan RM300 juta diuruskan secara dalaman oleh KWAP dan selebih RM400 juta diurus oleh pengurus dana luaran
d. Pendapatan Tetap Antarabangsa	Melabur USD 100 juta dalam Bon Dollar Berdaulat Malaysia

# KAD SKOR KORPORAT 2014

<b>Objektif Pihak Berkepentingan</b>	<b>Ukuran KPI</b>	<b>Sasaran Tahunan</b>
1. Meningkatkan saiz dana	a) Peratus pertumbuhan dalam saiz dana	a) Meningkatkan saiz dana (pada kos) sebanyak 9.14% dari RM99.92 bilion ke RM109.05 bilion
2. Menyempurnakan penggabungan dengan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam	a) Jangka masa siap	a) Siap pada Disember 2014
3. Menjalankan kajian mengenai penubuhan dana yang patuh Syariah dan model operasinya	a) Jangka masa siap	a) Jun 2014
4. Meminda Akta Kumpulan Wang Persaraan (Akta 662) yang menggabungkan perubahan kepada peranan, tanggungjawab, penguatkuasaan caruman KWAP dan peruntukan pelaburan	a) Jangka masa siap	a) Jun 2014

<b>Objektif Kewangan</b>	<b>Ukuran KPI</b>	<b>Sasaran Tahunan</b>
1. Pencapaian sasaran pulangan atas pelaburan	a) Penanda aras: KDNK tahun 2014 b) Penanda aras khas (purata berwajaran bagi semua penanda aras kelas asset)	a) Pulangan atas pelaburan tahun 2014: 5.0% (sasaran rendah) 5.3% (sasaran aras) 5.6% (sasaran terbaik) b) Mengatasi penanda aras khas
2. Meningkatkan penggunaan pelaburan antarabangsa	a) Peratus alokasi asset antarabangsa yang digunakan daripada jumlah saiz dana	a) Penggunaan aset antarabangsa ditingkatkan dari 9.8% (sasaran tahun 2013) kepada 11.5% (sasaran tahun 2014)

## 034 KAD SKOR KORPORAT 2014

<b>Objektif Operasi</b>	<b>Ukuran KPI</b>	<b>Sasaran Tahunan</b>
1. Melaksanakan strategi pelaburan baharu	a) Bilangan inisiatif operasi disiapkan seperti yang dikenalpasti di bawah amalan pelaburan baharu	a) Sekurang-kurangnya enam (6) dari sebelas (11) strategi pelaburan baharu diperkenalkan pada tahun 2014
2. Menambahbaik amalan pelaburan	a) Bilangan inisiatif operasi disiapkan seperti yang dikenalpasti di bawah amalan pelaburan baharu  b) Peratus cadangan pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan	a) Sekurang-kurangnya empat (4) dari lapan (8) pelaburan baharu diperkenalkan pada tahun 2014  b) Sekurang-kurangnya 90% daripada cadangan pelaburan diluluskan oleh Panel Pelaburan
3. Menambahbaikkan amalan operasi	a) Bilangan inisiatif operasi yang siap seperti yang dikenal pasti dibawah "penambahbaikkan amalan operasi"  b) Peratus pematuhan kepada undang-undang / peraturan  c) Peratus pemerhatian audit ditutup dalam jangka masa yang ditetapkan  d) Pendapat dari juruaudit berkanun  e) Pendapat dari Ketua Audit Negara berhubung prestasi audit	a) Sekurang-kurangnya enam (6) daripada sembilan (9) inisiatif operasi yang dilaksanakan pada tahun 2014  b) 100% pematuhan  c) 100% penutupan  d) Sijil Audit berkelayakan untuk Penyata Kewangan  e) Tiada penemuan penting yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dan semua penemuan tidak penting (bukan material) yang dibangkitkan dapat diselesaikan dalam tempoh enam (6) bulan

<b>Objektif Pembelajaran &amp; Pembangunan</b>	<b>Ukuran KPI</b>	<b>Sasaran Tahunan</b>
1. Perancangan pelapisan	a) Jangka masa siap (pembangunan kecekapan kepimpinan)	a) Pemimpin masa depan dikenal pasti memenuhi tahap kecekapan kepimpinan KWAP pada Disember 2014
2. Tarikan dan pengekalan modal insan	a) Kadar pengekalan	a) 80% pengekalan modal insan* dibawah program Rancangan Pembangunan Kerjaya Individu
3. Pembelajaran dan pembangunan	a) Hari pembelajaran	a) Purata tujuh (7) hari setiap kakitangan

\* Modal insan: ditakrifkan sebagai mereka yang dikenal pasti di bawah kumpulan modal insan dan pelapisan KWAP Young Talents

# SISTEM PENGURUSAN CARUMAN BERSEPADU

**Selaras dengan aspirasi untuk menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi, Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) telah dibangunkan untuk pengurusan caruman persaraan daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agenzi lain.**



ICMS adalah satu sistem berdasarkan sesawang yang direka khas untuk KWAP, khusus untuk Jabatan Caruman. Objektif sistem ini adalah untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti jabatan dalam operasi harian, bagi membantu dalam memperkemas manual yang sedia ada dan proses sendiri ke arah pengurusan caruman persaraan yang bersepadu dan automatik bagi meningkatkan keberkesan dan kecekapan. Di samping itu, ICMS juga mengurangkan kesilapan manusia dalam proses operasi dan menyediakan ciri keselamatan dan ketepatan rekod caruman persaraan bertujuan digunakan untuk apa-apa analisis data yang berkaitan dengan pencen oleh Kerajaan pada masa hadapan.

ICMS mempunyai dua komponen - Portal sebagai pengantara antara KWAP dan pencarum; dan ICMS utama itu sendiri sebagai pengantara sebalik tabir, dimana data diproses dan direkodkan untuk laporan dan pengesahan. ICMS telah diaktifkan pada 1 Januari 2013, manakala Portal telah dilancarkan secara rasmi pada 30 Ogos 2013 oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato' Ahmad Husni bin Mohamed Hanadzlah.

Portal ICMS adalah satu platform yang menyediakan akses kepada majikan yang mencarum, untuk memindahkan data caruman secara atas talian melalui komputer, tablet atau peranti mudah alih. Ini dapat menghentikan keperluan untuk menyampaikan salinan asal dokumen untuk tujuan merekod dan risiko pemindahan lewat atau kehilangan data semasa proses pemindahan secara fizikal. Melalui Portal, majikan

dapat membuat transaksi seperti pendaftaran majikan atau pekerja, mengemaskini data individu pencarum atau pekerja, penyerahan data pembayaran caruman, permohonan pengembalian dan juga pertanyaan yang berkaitan caruman.

ICMS mempunyai hubungan antara muka (interface) dengan sistem perakaunan KWAP, Sistem Perakaunan Standard bagi Agensi Kerajaan (SAGA), di mana ia menyediakan pemindahan caruman data sistematis untuk laporan kewangan syarikat secara keseluruhan. Ciri yang paling penting dalam ICMS adalah langkah-langkah keselamatan yang menyeluruh merangkumi perlindungan kata laluan, enkripsi data, kebenaran kepada tahap akses dan jejak audit untuk melindungi integriti sistem.

Selaras dengan pelancaran ICMS, bengkel dan sesi latihan telah dijalankan untuk majikan yang mencarum di Malaysia Timur dan Barat untuk memperkenalkan ICMS dan menggalakkan majikan untuk menggunakan sistem sepenuhnya. Majikan diberi buku panduan dan latihan praktikal untuk membiasakan mereka menggunakan sistem untuk memastikan peralihan yang lancar daripada proses manual kepada penggunaan ICMS baharu ini.

Dengan pelancaran ICMS, Jabatan Caruman kini boleh memberi maklumat yang tepat pada masanya bagi tujuan caruman dan pelaburan. Kadar penggunaan oleh majikan setakat ini adalah 40%.

# HARTANAH DI DALAM PORTFOLIO KWAP




10 Gresham Street,  
London, UK

88 Wood Street,  
London, UK



20 Bridge Street,  
Sydney, Australia



747 Collins Street, >  
Melbourne, Australia



179 Turbot Street,  
Brisbane, Australia  
▼



▲  
737 Bourke Street,  
Melbourne, Australia

# PENDEDAHAN GLOBAL

**AMERIKA  
SYARIKAT**  
EKUITI PERSENDIRIAN  
PENDAPATAN TETAP

PENDEDAHAN  
PELABURAN  
GLOBAL  
**27**  
negara

**MEXICO**  
PENDAPATAN TETAP

**COLOMBIA**  
PENDAPATAN TETAP


**PERU**  
PENDAPATAN TETAP


**HUNGARY**  
PENDAPATAN TETAP

**POLAND**  
PENDAPATAN TETAP

**UNITED  
KINGDOM**  
EKUITI  
PENDAPATAN TETAP  
EKUITI PERSENDIRIAN  
HARTANAH

**BRAZIL**  
EKUITI PERSENDIRIAN  
PENDAPATAN TETAP





SEKSYEN  
**03**

A circular graphic featuring five concentric rings. The innermost ring is white, followed by four grey rings. A thick teal arc is positioned in the upper right quadrant, starting from the top and extending downwards. The text "SEKSYEN" is written above the number "03", which is displayed in large, bold, black font.

# PRESTASI KAMI

---

**042** Tinjauan Ekonomi 2013

**043** Prestasi Dana

**047** Prestasi Pelaburan

**068** Pengurusan Caruman

# TINJAUAN EKONOMI 2013

**Dalam tempoh separuh pertama tahun 2013, pasaran global menghadapi beberapa ketidaktentuan berikutan cadangan Rizab Bank Persekutuan AS pada Mei bahawa ia akan mula mengurangkan pembelian bon atau program pelonggaran kuantitatif dalam bulan-bulan mendatang.**

Tanpa jadual yang jelas mengiringi pengumuman penirusan pada Mei 2013, unsur ketidaktentuan dilihat dalam pasaran di seluruh dunia termasuk dalam kemunculan baharu pasaran mata wang dimana pelabur mengeluarkan wang mereka untuk mencari tempat yang dirasakan selamat yang lain.

Kebimbangan terhadap kadar pertumbuhan perlahaan negara China juga menambah kebimbangan terhadap ketidaktentuan dalam pasaran global, dengan anggaran bahawa pertumbuhan akan perlahaan pada tahun 2013 dengan penurunan tahunan ketiga berturut-turut dalam kadar perluasan dengan kebimbangan yang semakin meningkat seperti kenaikan kos pekerja dan alam sekitar yang memberikan tekanan kepada model pertumbuhan tradisional negara dengan perbelanjaan yang diterajui pelaburan.

Namun begitu, AS mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan semakin tahun berlalu, manakala Eropah mula menunjukkan tanda-tanda kemunculan dari kemelesetan beberapa tahun dan Jepun seolah-olah memberi harapan berdasarkan pengumuman dasar rangsangan dan pembaharuan struktur.

Dalam Tinjauan Ekonomi Dunia terbaru oleh International Monetary Fund bertarikh Oktober 2013, ekonomi AS diunjurkan berkembang sebanyak 2.6% pada tahun 2014 (2013: 1.6%) dan Zon Euro pula mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1.0% pada tahun 2014, selepas mengalami kemelesetan selama dua tahun berturut-turut. Ekonomi Jepun dijangka mempunyai pertumbuhan yang dicatatkan sebanyak 2.0% tahun lalu, yang dijangka akan kekal pada 1.2% pada tahun 2014, bergantung kepada kemajuan perancangan penyataan fiskal di bawah anak panah ketiga bagi dasar yang dipanggil Abenomics.

Di pasaran tempatan, Malaysia mencapai pertumbuhan KDNK yang agak baik iaitu sebanyak 5.1% pada suku keempat tahun 2013 berbanding dengan tahun lalu, melebihi kadar 5.0% yang dicapai pada suku ketiga 2013 dan disokong oleh permintaan domestik yang baik dan eksport yang bertambah baik. Suku keempat tahun 2013 yang menggalakkan

pertumbuhan KDNK yang telah disokong oleh perbelanjaan pengguna yang stabil dan pelaburan swasta yang kukuh di tengah-tengah pengukuhan fiskal selanjutnya. Bagi tahun ini pula, KDNK Malaysia berkembang 4.7% berbanding 5.6% pada tahun 2012, ia merupakan petunjuk daya tahan atas ekonomi didalam ketidaktentuan luaran yang berlarutan sepanjang tahun.

Meninjau tahun 2014, ekonomi Malaysia dijangka membina momentum daripada hujung tahun 2013. Malaysia terus menunjukkan asas yang kukuh di tengah-tengah persekitaran luar yang bertambah baik, ketika langkah komprehensif fiskal diumumkan dalam Bajet 2014 untuk menangani pelbagai kebimbangan yang diketengahkan di dalam penurunan oleh Fitch Rating mengenai tinjauan bagi ekonomi pertengahan tahun. Moody's Investor Services kemudiannya menaik taraf prospek bagi penarafan A3 Malaysia kepada positif daripada stabil, yang merupakan pencapaian yang memberangsangkan berikutan penurunan oleh Fitch pada awal tahun ini. Malah, dijangkakan pertumbuhan KDNK Malaysia mencapai unjurian KDNK dengan sasaran pertumbuhan rasmi sebanyak 5.0% kepada 5.5% pada tahun 2014.


Cabar utama kepada prospek tahun 2014 adalah termasuk Rizab Bank Persekutuan AS yang mengskalakan semula program pelonggaran kuantitatif dan kesan yang terjadi ke atas pasaran baharu muncul dan juga kesan berlarutan pengangguran dan pendapatan tidak berganjak di kebanyakan negara maju seperti di Zon Euro.


Walau bagaimanapun, umumnya bagi seluruh dunia, 2014 kelihatan akan menjadi tahun yang lebih baik daripada 2013 dari segi ekonomi. Pengguna di negara-negara maju harus mula muncul dari sikap berhati-hati dari beberapa tahun kebelakangan ini walaupun dijangka tidak akan dapat melupakan era kemelesetan dan penjimatan serta-merta. Di negara-negara membangun akan banyak bergantung kepada bagaimana mantapnya AS dalam meneruskan pemulihan, tetapi kelas pertengahan yang semakin berkembang dalam pasaran membangun akan terus berkembang dengan permintaan untuk barang pengguna dan perkhidmatan, yang akan menyokong ekonomi.

# PRESTASI DANA

Tahun 2013 merupakan tahun yang agak mencabar bagi KWAP disebabkan beberapa faktor luaran. Antara faktor utama yang mempengaruhi prestasi KWAP adalah Pilihanraya Umum 2013, penutupan Kerajaan AS dan langkah-langkah pelonggaran kuantitatif Rizab Persekutuan AS. Sehingga akhir 2013, saiz dana KWAP adalah sebanyak RM99.92 bilion, iaitu sekali lagi pertumbuhan memberangsangkan dengan pertumbuhan sebanyak 12.61% dibandingkan dengan RM88.73 bilion pada tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar kepada pertumbuhan dana ialah pendapatan pelaburan sebanyak RM6.66 bilion, diikuti caruman majikan dan caruman Kerajaan Persekutuan, masing-masing RM2.70 bilion dan RM1.50 bilion.


Dalam tempoh lima tahun, dana KWAP telah mencatat purata pertumbuhan sebanyak 13.96% setahun, dengan pendapatan pelaburan yang terus menerus menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan KWAP. Secara kumulatif pada tahun 2013, pendapatan daripada pelaburan adalah penyumbang tertinggi dengan 54.48% manakala caruman majikan adalah penyumbang kedua terbesar dengan kira-kira 29.14%. Sumbangan oleh Kerajaan Persekutuan merangkap baki 16.38%. Ia adalah amat penting bagi KWAP mencapai pertumbuhan aset yang mampan bagi membolehkan KWAP untuk mengurus liabiliti masa hadapan.






Pada 31 Disember 2013, sejumlah RM63.00 bilion atau 63.10% daripada dana dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap, RM31.96 bilion atau 32.00% dalam ekuiti dan RM4.89 bilion atau 4.90% dalam pelaburan alternatif. Di samping itu, RM11.86 bilion telah disalurkan kepada pengurus dana luaran bagi pelaburan dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Menjelang Disember 2013, 88.13% daripada dana diuruskan secara dalaman dan 11.87% telah diurus secara luaran. Pada tahun ini, KWAP meneruskan program peningkatan pelaburan antarabangsa yang meliputi kelas aset yang lebih luas, yang menyaksikan bahagian ini meningkat kepada RM9.72 bilion pada Disember 2013 daripada RM5.66 bilion pada tahun sebelumnya.

#### PENDAPATAN PELABURAN KASAR



Pada akhir Disember 2013, pendapatan pelaburan kasar terkumpul KWAP direalisasikan berjumlah RM6.66 bilion. Ini adalah peningkatan sebanyak RM0.91 bilion atau 15.83% berbanding dengan tahun sebelumnya RM5.75 bilion. Pelaburan dalam portfolio pendapatan tetap menyumbang bahagian terbesar iaitu RM2.65 bilion atau 39.72% daripada jumlah pendapatan, di mana RM1.49 bilion adalah daripada pinjaman dan Sekuriti Hutang Persendirian (SHP), RM0.93 bilion dari Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan RM0.23 bilion daripada pasaran wang. Peratusan pendapatan kedua terbesar diperolehi daripada pelaburan dalam ekuiti dengan jumlah RM2.25 bilion atau 33.85% daripada jumlah pendapatan. Baki 26.43% atau RM1.76 bilion disumbang oleh pelaburan alternatif.




Pulangan atas pelaburan kasar secara keseluruhan yang dicapai pada Disember 2013 adalah 7.05% iaitu 21 mata asas lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya sebanyak 6.84%. ROI kasar daripada pelaburan ekuiti persendirian mencatat pulangan tertinggi dengan 216.25%, diikuti oleh ekuiti domestik 7.69%, SHP dan Pinjaman 5.16%, SKM dan Bon Quasi serta pasaran wang masing-masing menyumbang 3.91% dan 3.08%. Di peringkat antarabangsa pula, pulangan atas pelaburan ekuiti dan pendapatan tetap direkodkan masing-masing pada 3.59% dan 5.18%.

Pulangan atas pelaburan hartaanah antarabangsa dicatat 5.09% pada Disember 2013.

Sejak penubuhan KWAP pada tahun 2007, KWAP telah mencatat pulangan atas pelaburan kasar dengan purata lebih daripada 6.0% setiap tahun. Prestasi cemerlang berjaya dicapai melalui penerapan strategi pelaburan berdisiplin dan secara berhati-hati mengikut Alokasi Aset Strategik yang selaras dengan objektif jangka panjang KWAP.

### PULANGAN PELABURAN BERSIH



Pendapatan bersih KWAP selepas mengambil kira kemasukan semula peruntukan bagi pengurangan, pengurangan nilai pelaburan dan perbelanjaan operasi berjumlah RM6.57 bilion. Dari segi peratusan, pulangan atas pelaburan bersih yang dicapai pada tahun 2013 adalah 6.97% atau 18 mata asas lebih tinggi berbanding dengan 6.79% yang dicapai tahun lalu.

#### JUMLAH PULANGAN

PRESTASI RELATIF PADA 31 DISEMBER 2013					
	Pulangan Portfolio (%)	Pulangan Penanda Aras (%)	Lebihan Prestasi/(Kurangan Prestasi) (%)	Penanda Aras	Pulangan Atas Pelaburan (%)
<b>Pelaburan Domestik</b>					
Ekuiti	15.34	11.39	3.95	FBM100	7.57
SKM & Bon Quasi	3.91	3.47	0.44	Quantshop MGS (All) Yield	3.91
SHP	5.41	3.85	1.56	Quantshop Corp (Medium) Yield	5.69
Pinjaman	4.47	3.97	0.5	Quantshop MGS (All) Yield + 50 mata asas	4.47
Pasaran Wang	3.08	3.22	(0.14)	3-Bulan KLIBOR	3.08
Ekuiti Persendirian <sup>1</sup>	T/B	T/B	T/B	ROI minima 10% setahun	361.82
<b>Pelaburan Antarabangsa</b>					
Ekuiti	16.71	28.81	(12.10)	MSCI All Country World Index	3.59
Pendapatan Tetap	4.38	4.32	0.06	JPM Global Aggregate Bond Index	5.18
Ekuiti Persendirian <sup>1</sup>	T/B	T/B	T/B	ROI minima 10% setahun	9.18
Hartanah <sup>1</sup>	T/B	T/B	T/B	ROI minima 5% setahun	5.09
<b>JUMLAH</b>	<b>10.03</b>	<b>7.22</b>	<b>2.81</b>		<b>7.05</b>

<sup>1</sup> Prestasi Ekuiti Persendirian dan Hartanah diukur dengan Kaedah Pulangan atas Pelaburan (ROI) dan bukan pulangan portfolio

Pada 31 Disember 2013, KWAP mencatatkan jumlah pulangan portfolio agregat 10.03% berbanding dengan penanda aras agregat 7.22%. Mandat domestik termasuk ekuiti dan portfolio pendapatan tetap telah mengatasi prestasi penanda aras masing-masing.

Bagi pelaburan antarabangsa, pencapaian pengurus adalah agak bercampur. Lima (5) daripada sembilan (9) portfolio antarabangsa kurang berprestasi berbanding penanda aras. Walau bagaimanapun, portfolio ini telah menyumbang bahagian penting sepanjang tahun dalam bentuk pulangan direalisasi terhadap prestasi keseluruhan KWAP.

# PRESTASI PELABURAN

## EKUITI

### Ringkasan Pasaran Malaysia

Tahun 2013 ternyata menjadi tahun yang menyenangkan bagi ekuiti Malaysia dengan pengukur pasaran utama, indeks FBMKLCI bermula pada 1,688.95 mata di awal tahun ini.

Ekuiti terus kekal tidak menentu pada sebahagian besar tahun 2013 kerana faktor-faktor luaran dan domestik yang terus mempengaruhi aliran dana asing dan tempatan. Pilihan raya umum ke-13 (pilihan raya) telah menguasai persekitaran tempatan pada suku pertama menyebabkan bursa tempatan tidak memberikan prestasi memberangsangkan berbanding negara-negara serantauanya. Selepas jatuh serendah 1,621.36 mata pada 18 Mac, pasaran mula meningkat lebih tinggi dengan meraih keuntungan kerana daya tarikan pemulihian ekonomi global.

Pasaran terus melonjak naik berikutan pengumuman keputusan pilihan raya yang ternyata menggalakkan untuk pelabur. Indeks telah diniagakan pada rekod intrahari yang tinggi sebanyak 1,826.22 mata sehari selepas keputusan pilihan raya diumumkan.

Aktiviti pengambilan untung, walau bagaimanapun, tidak bertahan lama selepas suku pertama kerana KDNK yang mengecewakan. Penyatuan pasaran berterusan hingga suku ketiga apabila Fitch menyemak semula unjuran penarafannya terhadap Malaysia daripada "stabil" ke "negatif". Keadaan menjadi lebih buruk apabila Kerajaan Pusat AS mula memberi isyarat untuk langkah pengurangan pelonggaran kuantitatif dengan menurunkan pembelian bon. Pelabur memberi reaksi negatif dengan melupuskan pegangan dalam bon dan ekuiti.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pembaharuan yang tegas oleh kerajaan untuk meningkatkan kewangan awam dan meletakkan ekonomi kembali ke landasan untuk pertumbuhan yang mampan telah memperbaharui keyakinan pelabur terhadap ekuiti Malaysia. Di samping itu, kebimbangan mengenai pengurangan pelonggaran kuantitatif Kerajaan Pusat AS perlahan-lahan reda.

Hasilnya, suku terakhir menyaksikan prestasi yang kukuh bagi FBMKLCI dengan indeks meningkat pada paras tertinggi pernah dicatatkan buat beberapa kali dibelakangi pelabur mula menetapkan kedudukan lebih awal daripada kemunculan 2014. Pertumbuhan lebih baik dari jangkaan KDNK negara pada suku ketiga 2013, disamping minat belian dalam saham-saham mewah terpilih membantu FBMKLCI untuk mencapai rekod penutup tinggi dengan 1,872.5 mata pada 30 Disember 2013. Indeks seterusnya ditutup dengan 1,866.96 mata pada hujung tahun dengan mencatatkan keuntungan sebanyak 10.50% bagi tahun 2013.

### Saiz Dana Pasaran

Dari segi nilai pasaran, jumlah pendekahan KWAP dalam ekuiti telah mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 17.37% kepada RM35.13 bilion sehingga 31 Disember 2013 daripada RM29.93 bilion pada awal tahun. Ekuiti domestik mewakili 90.09% daripada jumlah

pendekahan KWAP dalam ekuiti pada nilai pasaran, sementara baki 9.91% dilaburkan dalam ekuiti antarabangsa. Dari segi pembahagian antara ekuiti yang diuruskan secara dalaman berbanding luaran, 82.31% daripada jumlah pendekahan diuruskan secara dalaman oleh pengurus-pengurus portfolio ekuiti KWAP dan baki 17.69% disalurkan kepada pengurus dana luaran yang dilantik oleh KWAP.

### Pendapatan

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, pelaburan ekuiti KWAP mencatatkan jumlah pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM2.22 bilion, yang diterjemahkan kepada pendapatan atas pelaburan (ROI) sebanyak 7.25%. Sebahagian besar daripada pendapatan, iaitu 96.08%, telah disumbangkan oleh ekuiti domestik, manakala baki sebanyak 3.92% adalah hasil daripada ekuiti antarabangsa. Dalam perkembangan lain, ekuiti yang diuruskan secara dalaman membentuk 81.19% daripada jumlah pendapatan KWAP melalui pelaburan ekuiti manakala baki 18.81% adalah hasil dari pelaburan ekuiti yang disalurkan kepada pengurus dana luaran.

### PENGURUS DANA DALAMAN

#### Domestik


KWAP terus berhati-hati dalam pelaburannya dengan menggunakan kaedah saringan yang ketat dan proses penilaian syarikat-syarikat yang mempunyai asas yang kukuh dengan rekod pengurusan yang teguh, risiko pendapatan yang rendah, hasil dividen yang baik dan aliran tunai yang tinggi baik. Pendekatan sebegini telah terbukti menghasilkan prestasi yang baik apabila portfolio domestik yang diurus secara dalaman mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 14.63% seperti yang diukur oleh Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR). Pulangannya adalah lebih menggalakkan berbanding pulangan FBM100 sebanyak 11.39%. Dari segi pulangan direalisasikan, ekuiti domestik dalaman mencatatkan jumlah pendapatan direalisasikan sebanyak RM1.77 bilion atau bersamaan dengan 7.12%. Daripada jumlah pendapatan pelaburan, RM731.49 bilion atau 41.33% telah diperolehi melalui penjualan saham sementara baki RM1.04 bilion telah diperolehi daripada pendapatan dividen bersih daripada cukai.

#### Inisiatif 2013

Sebahagian daripada komitmen jangka panjang kami untuk membina portfolio yang mantap, menguntungkan dan mampan, inisiatif-inisiatif berikut telah dilaksanakan pada tahun 2013:

1. Menyesuaikan strategi kuantitatif dalam pelaburan ekuiti domestik yang menyokong strategi asas pelaburan yang sedia ada.
2. Mewujudkan dana baharu yang melabur dalam saham-saham bermodal kecil domestik.
3. Meningkatkan pelaburan dalam ekuiti patuh Syariah.
4. Meningkatkan pelaburan dalam ekuiti Antarabangsa.

Semua inisiatif di atas telah berjaya diselesaikan dan dilaksanakan pada tahun 2013.



### Antarabangsa

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, pelaburan ekuiti antarabangsa KWAP yang diuruskan secara dalaman mencatatkan jumlah pendapatan RM29.29 juta, yang diterjemahkan kepada pulangan atas pelaburan sebanyak 2.44%.

Pendapatan ini adalah hampir setara menyumbang kepada hasil daripada jualan saham dan dividen pendapatan. Daripada keseluruhan jumlah pendapatan pelaburan ekuiti antarabangsa, RM15.56 juta atau 53.12% telah diperolehi daripada jualan saham, sementara baki RM13.73 juta diperolehi dari pendapatan dividen.


Sebagai satu pasukan yang baharu ditubuhkan, beberapa inisiatif telah diambil untuk meningkatkan keupayaan kami. Mesyuarat dengan syarikat-syarikat bakal dilaburkan dan juga pembelajaran sektor secara mendalam telah dianjurkan secara berterusan. Selain itu, beberapa lawatan tapak ke negara-negara yang dilaburkan telah dilakukan secara teratur untuk memahami lagi struktur ekonomi serantau.

Secara amnya, pasaran ekuiti global menunjukkan prestasi yang cemerlang pada tahun 2013 dengan indeks utama barometer dunia, MSCI World mencatatkan keuntungan yang hebat sebanyak 24.10%. Walaupun pasaran saham Amerika Syarikat (AS) mencatat rekod tinggi baharu sepanjang tahun 2013, pasaran ditutup dengan keuntungan yang menakjubkan, dengan beberapa penganalisis berkata trend menaik ini akan berterusan pada tahun 2014. Dow Jones Industrial Average,


indeks utama penanda aras AS, melonjak hampir 27% dan S&P 500 melonjak hampir 30% pada tahun 2013. Ia sememangnya tahun yang terbaik untuk pasaran saham AS sejak tahun 1990-an dan trend ini juga dapat mengesahkan pemulihan daripada krisis kewangan 2008. Ia juga mencatatkan peningkatan peratusan indeks satu tahun terbaik dalam jangka masa lebih dari lima belas (15) tahun.

Sebaliknya, pasaran ekuiti Asia tidak sebaik pasaran ekuiti global. Ketidakstetuan ekonomi global, mata wang yang semakin lemah, hutang isi rumah yang tinggi, pertumbuhan KDNK perlahan, kadar inflasi yang semakin meningkat, dasar monetari yang tidak menggalakkan, bencana alam dan juga kemelut politik domestik, terus menjadikan pasaran ekuiti Asia pada tahun 2013. Namun, sokongan kukuh dari dana asing pada akhir tahun telah membantu indeks petunjuk pasaran, MSCI Asia ex-Japan untuk naik sehingga 0.46% pada tahun lalu. Thailand mencatat prestasi terburuk dengan kehilangan hampir 7% pada tahun 2013. Manakala New Zealand dan Australia masing-masing menguat keuntungan sebanyak 16% dan 15%.

Tahun 2014 dijangka menjadi lebih mencabar daripada 2013. Dow Jones melonjak hampir 27% pada tahun 2013 walaupun diselubungi keimbangan penutupan Kerajaan Pusat AS, prospek pemotongan bajet berlebihan dan kepastian mengenai perlakunya perlonggaran kuantitatif yang menirus. Kami percaya bahawa perubahan utama bagi pasaran ekuiti Asia ialah China. Plenum ketiga telah diterima baik oleh komuniti pelaburan. Walaupun KDNK China berkurangan pada tahun 2013, pihak berkuasa China yakin bahawa KDNK dapat dikekalkan melebihi 7.0% pada tahun 2014 disebabkan oleh beberapa pengembangan dalam dasar fiskal kewangan yang didalam perancangan. Berdasarkan laporan baru-baru ini oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan ekonomi global akan meningkat kepada 3.6% pada tahun 2014, daripada 2.9% pada tahun 2013. Oleh itu, kami sangat yakin bahawa pendapatan korporat Asia akan menjadi lebih baik pada tahun 2014.



### PECAHAN EKUITI ANTARABANGSA MENGIKUT SEKTOR 2013



### PENGURUS DANA LUARAN

#### Domestik

Pada 31 Disember 2013, jumlah dana pada nilai pasaran yang diuruskan oleh pengurus dana luaran domestik adalah sebanyak RM4.34 bilion, meningkat sebanyak 24% daripada RM3.5 bilion pada tahun 2012. Dari segi kadar, jumlah portfolio ekuiti diuruskan oleh pengurus dana luaran domestik sebanyak 4.2% daripada jumlah saiz dana KWAP iaitu sebanyak RM102.8 bilion. Daripada 8 pengurus dana luaran domestik, 3 pengurus telah diamanahkan dengan mandat pelaburan ekuiti Syariah manakala selebihnya adalah mandat konvensional.

#### Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik

pada 31 Disember 2013

Pengurus Dana Luaran Domestik	Tahun Penubuhan Dana
<b>Ekuiti Konvensional</b>	
CIMB-Principal Asset Management	1997
Nomura Asset Management	2007
Aberdeen Asset Management	2008
RHB Investment Management	2009
Kenanga Invest Berhad	2011
<b>Ekuiti Syariah</b>	
i-VCAP Management Sdn Bhd	2011
CIMB Principal Islamic	2012
AmsIslamic Asset Management	2012

KWAP telah mengadakan pertemuan dengan setiap pengurus dana luaran pada setiap suku tahun bagi memastikan penyampaian prestasi pengurus dana luaran dan pematuhan operasi. Dalam proses itu, kami mengambil peluang untuk belajar dengan memerhati dan seterusnya mencontohi amalan perniagaan terbaik yang diguna pakai oleh peserta industri yang berwibawa. Sepanjang tahun ini, 40 mesyuarat suku tahunan telah diadakan, biasanya pada awal setiap suku tahun. Sebagai salah satu daripada inisiatif berterusan KWAP untuk lebih banyak dana di urus secara luaran untuk seluruh mandat yang berbeza pada masa depan, Request for Proposal (RFP) telah dihantar kepada syarikat-syarikat pengurusan aset tempatan dan luar negara untuk menjemput mereka yang mempunyai rekod yang baik untuk berada di Panel Pengurus Dana Luaran KWAP yang diluluskan. Pada 31 Disember 2013, pengurus dana luaran ekuiti domestik KWAP mencatatkan agregat pendapatan direalisasi sebanyak RM360.9 juta, mewakili purata pulangan atas pelaburan sebanyak 10.94% berdasarkan kos. Agregat pendapatan direalisasikan daripada keuntungan modal sebanyak RM238.6 juta, pendapatan dividen sebanyak RM111.0 juta dan baki RM11.3 juta daripada pendapatan faedah.

#### Antarabangsa

Pada tahun 2013, pelaburan luaran dalam ekuiti antarabangsa KWAP boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pelaburan di Asia dalam dua mandat yang berbeza, dan yang lain adalah pelaburan dalam ekuiti UK, melalui mandat yang aktif. Mandat pasif untuk Asia diuruskan oleh State Street Global Advisors (SSGA) manakala mandat aktif diuruskan oleh Franklin Templeton, kedua-dua mula urusan dengan modal awal sebanyak USD100.0 juta. Dana pasif diukur rujuk dengan melalui MSCI Asia indeks Semua Negara kecuali Jepun yang dikesan secara meluas manakala yang aktif mengikut penanda aras terhadap Asia Pasifik kecuali Jepun. Pelaburan dalam ekuiti APEX dijangka meningkat kerana lebih banyak tugas yang diberikan kepada pengurus baharu, termasuk ekuiti aktif APEX Syariah.

Untuk membantu KWAP dalam pemilihan pengurus baharu, perunding antarabangsa terkenal telah melibatkan diri untuk menyediakan KWAP dengan prestasi yang terbaik dalam industri yang bersesuaian dengan profil dan pulangan risiko KWAP. Dengan menggunakan perunding, KWAP boleh berkongsi pengalaman mereka yang luas, pengetahuan dan pangkalan data komprehensif bagi pengurus dana antarabangsa. KWAP juga telah bertemu dengan pengurus portfolio antarabangsa secara tetap, sebagai salah satu inisiatif kami untuk membina pengkalan data kami. KWAP juga mengadakan semakan setiap suku tahun dengan pengurus yang ada untuk memantau prestasi portfolio dan juga kajian semula pelaburan dan prospek pasaran.

#### Senarai Pengurus Dana Luaran Antarabangsa

pada 31 Disember 2013

Pengurus Dana Luaran Antarabangsa	Tahun Penubuhan Dana
State Street Global Advisors (USD)	2011
Prima Ekuiti (UK) Limited (GBP)	2012
Franklin Templeton (USD)	2013

## PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

### Latar Belakang

30 April 2013 menandakan ulang tahun penubuhan Prima Ekuiti (UK) Limited (Prima Ekuiti). Berpusat di Berkeley Square House di tengah-tengah kawasan Mayfair – satu kawasan tengah tradisional dana lindung nilai London – pejabat ini telah beransur-ansur membangunkan keupayaan KWAP untuk melengkapkan strategi pelaburan asing berterusan dan juga untuk meningkatkan pendedahan antarabangsa KWAP.

Sebagai satu penerokaan asing pertama KWAP, Prima Ekuiti telah disuntik dengan GBP100 juta pada 1 Mei 2012 untuk dilaburkan dalam pasaran ekuiti UK. Tambahan GBP50 juta telah disuntik pada 4 Januari 2013 manakala satu lagi GBP50 juta dikeluarkan pada 16 April 2013, melengkapkan jumlah GBP200 juta yang pada asalnya diperuntukkan untuk pelaburan ekuiti UK.

Prima Ekuiti juga telah bersiap sedia, sepanjang separuh kedua tahun 2013, untuk menguruskan mandat baharu dalam bentuk pelaburan ekuiti Eropah kecuali UK. Mandat baru menandakan proses semula jadi bagi syarikat itu dan hendaklah juga melengkapkan strategi KWAP untuk mengambil kesempatan daripada pemulihian di rantau ini dan juga untuk mempelbagaikan portfolio di luar negara.

Menyediakan tenaga kerjanya bagi peranan dan mandat pelaburan yang bertambah, Prima Ekuiti telah sentiasa memastikan tenaga kerjanya menerima pendedahan secukupnya melalui persidangan pelaburan antarabangsa dan seminar. Pada tahun 2013, kakitangan Prima Ekuiti telah menghadiri Barclays 2013 Select Investment Series, Citigroup Global Perspective Conference, Credit Suisse Pan European Conference, JPMorgan Year Ahead Macro Seminar termasuk lawatan luar ke Norway dan New York.

Sebagai anak syarikat milik penuh KWAP, Prima Ekuiti akan terus mempertingkatkan pengumpulan pelaburan dan maklumat kewangan, menggunakan kepakaran tempatan dalam latihan dan pendedahan antarabangsa dan pengalaman, yang mana semuanya memainkan peranan penting untuk membantu KWAP menjadi sebuah dana persaraan yang benar-benar global.

### Tinjauan Pasaran United Kingdom

2013 dimulakan dengan keimbangan kerajaan Amerika Syarikat (AS) akan lebih ke ‘tebing fiskal’ pada bulan Januari, ia boleh membawa kepada kelalaian teknikal kerajaan persekutuan AS terhadap hutangnya, memastikan krisis besar dalam pasaran kewangan global. Krisis yang berakhir dengan pengumpulan sementara siling hutang, hanya untuk AS mempunyai masalah yang lebih serius dengan keingkaran lewat tahun ini. Krisis di Eropah telah mengurang secara perlahan, tetapi dengan kadar hasil bon kerajaan periferal tinggi, kebanyakan pelabur kekal berhati-hati. Pilihan raya umum di Itali telah menyebabkan kebuntuan, yang akhirnya dipecahkan oleh gabungan parti pakatan. Sementara itu, krisis hutang telah melanda Cyprus, menghantar gelombang kejutan di seluruh pasaran kewangan. Tetapi peristiwa ini telah mendorong pembuat dasar Eropah untuk mempercepatkan pembaharuan struktur, termasuk penubuhan Mekanisme Resolusi Tunggal yang akhirnya berpersetujuan pada bulan Disember.

Bank-bank pusat juga aktif dan menjadi dominan sepanjang 2013. Bank Pusat Eropah, sebagai tindak balas terhadap krisis di Eropah, telah mengurangkan kadar dasar utama dan kadar deposit. Sementara itu, harapan yang tinggi di Jepun berikutan ketibaan Shinzo Abe dan dasar-dasar beliau yang turut digelar “Abenomics”. Gabenor Bank of Japan baharu juga mengumumkan program pembelian bon kerajaan yang besar. Pada bulan Mei, tumpuan diberikan semula ke AS apabila Rizab Persekutuan telah mengejutkan pasaran dengan membayangkan bahawa program pelonggaran kuantitatif yang tirus di belakangi bukti bahawa ekonomi AS telah pulih pada kadar yang lebih cepat daripada yang dijangkakan. Ini mencetuskan kemarahan yang menirus, yang sebahagian besarnya telah dikuasai pasaran kewangan. Pasaran mula memberi harga bukan sahaja pengurangan bagi pembelian baharu, tetapi juga kadar faedah yang meningkat, jauh lebih awal daripada apa yang Rizab Persekutuan inginkan. Sementara itu, bank-bank pusat yang lain telah mencuba sedaya upada untuk tidak bergandingan dengan pendirian AS yang sedikit agresif. Gabenor Bank of England baharu, Mark Carney memperkenalkan buat pertama kali di UK bimbingan ke hadapan, dan memilih untuk menggunakan kadar pengangguran sebanyak 7% sebagai had apabila mempertimbangkan kenaikan kadar faedah. Bank of England memberi ramalan tersirat bahawa kadar faedah akan kekal dipertahankan dengan baik hingga ke 2016. Malangnya, pasaran tidak percaya ramalan ekonomi UK dapat berkembang lebih pesat daripada yang dijangkakan dan kejatuhan pesat dalam kadar pengangguran telah membuat pembuat dasar terkejut. Hasilnya, kadar hasil kerajaan UK meningkat dengan lebih agresif daripada apa yang dihasilkan Perbendaharaan AS.

Menjelang September, pelabur dapat menyesuaikan diri dengan tanggapan pelonggaran kuantitatif AS menirus, tetapi pengurus Rizab Persekutuan Ben Bernanke mengejutkan pasaran sekali lagi dengan mengekalkan kadar pembelian, membawa kebimbangan mengenai kenaikan kadar hasil Perbendaharaan AS dan kesan ke atas pasaran perumahan. Walau bagaimanapun, data makro AS terus mengejut secara menaik dengan bacaan yang tinggi dari petunjuk ke hadapan, dan terus menjatuhkan kadar pengangguran. Akhirnya, Rizab Persekutuan tidak membuat keputusan untuk memulakan penirusan dalam mesyuarat pada Disember, dan mengurangkan pembelian sebanyak AS\$10 bilion dengan menjadi AS\$75 bilion sebulan. Langkah oleh bank pusat AS diiringi oleh kenyataan yang memberi impak sedikit dalam usaha untuk mengurangkan jangkaan kenaikan kadar faedah.


Melihat seluruh pasaran ekuiti, 2013 merupakan tahun yang mempunyai risiko berpanjangan. Pasaran maju telah mengatasi prestasi pasaran baharu muncul 2013 sebagai tanda-tanda menunjukkan bahawa negara-negara maju bermomentum positif manakala pasaran baharu muncul perlahan.


### Ulasan Portfolio

Di Prima Ekuiti, pengurusan aset adalah perniagaan utama dan kewujudan nilai jangka panjang adalah matlamatnya.


Pada 31 Disember 2013, portfolio Prima Ekuiti di UK meningkat sebanyak 17.16% kepada GBP227.01 juta berbanding Indeks UK FTSE100 yang naik 16.12% sejak penubuhan portfolio ini. Portfolio ekuiti yang terukir, bagaimanapun, memberi pulangan 25.90% sejak penubuhan portfolio ini. Prestasi adalah hasil langsung daripada pendekatan melabur secara berhati-hati dan berdisiplin yang diterima pakai oleh pengurus portfolio. Pendekatan cara melabur ini telah memastikan nilai aset bersih portfolio (NAB) secara konsisten kekal di atas 1.0. Pada 31 Disember 2013, portfolio NAB UK adalah sebanyak 1.08.

**PORTFOLIO PRIMA EKUITI UK (SEJAK DITUBUHKAN)**





Daripada jumlah GBP227.01 juta, 95.4% telah dilaburkan dalam ekuiti, 0.9% dalam deposit wang manakala baki 3.7% dalam bentuk tunai.



Portfolio telah berjaya mencapai pendapatan pelaburan kasar sebanyak kira-kira GBP9.0 juta atau pulangan atas pelaburan tahunan sebanyak 6.2% pada 31 Disember 2013.

Salah satu daripada pembangunan keupayaan, Prima Ekuiti telah melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan proses pelaburan termasuk mewujudkan sistem pemeriksaan hak milik untuk pemilihan saham dan pangkalan data penyelidikan. Mesyuarat tetap dengan peserta industri dan syarikat-syarikat pelaburan dan juga mesyuarat strategi suku tahun juga telah dijalankan untuk mengikuti idea-idea pelaburan dan juga untuk mengemaskini strategi portfolio dan prestasi.

## PENDAPATAN TETAP


### Prestasi Pendapatan Tetap Menyeluruh

2013 adalah tahun yang tidak menentu untuk pasaran pendapatan tetap, jelas dapat dibahagi kepada dua bahagian. Pada mulanya, tahun 2013 telah bermula dengan kadar yang baik, dengan hasil pada rekod yang rendah dan aliran yang disokong baik. Kecairan berterusan dengan kadar faedah kekal rendah berikutan masalah ekonomi yang berpanjangan di Jepun dan Eropah. Walau bagaimanapun, pasaran bon telah dilanda suatu kejutan pada Mei 2013 selepas Pengerusi Pusat AS mula-mula menyebut mengenai penirusan program pembelian bon bulanan (pelonggaran kuantitatif III), membuat Pasaran Baharu Muncul terutama Asia menjunam. Pelonggaran Kuantitatif III yang menirus membuatkan aliran modal ke dalam Pasaran Baharu Muncul tidak tentu hal, pada bulan Jun 2013, kelihatan rekod aliran keluar dari Pasaran Baharu Muncul, telah memaksa ramai pengurus dana untuk mengurangkan kedudukan dan pergerakan ke arah tempoh yang singkat. Keluk hasil menurun curam di pasaran hutang di kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia. Dalam separuh kedua tahun 2013, ramai pelabur kekal di garisan tepi, menghabiskan banyak masa memikirkan mengenai Pelonggaran Kuantitatif III Pusat AS yang menirus dan bagaimana kerajaan AS akan mengendalikan penutupan pejabat kerajaannya disamping isu-isu hutangnya yang mencapai tahan siling.

Di sebalik segala cabaran, KWAP telah menjalankan beberapa inisiatif dalam mencari alpha aktif, peningkatan hasil dan kepelbagaiannya lain. KWAP sedang dalam perancangan untuk melancarkan mandat yang baharu diluluskan untuk melabur di pesisiran luar. Infrastruktur, sumber dan keupayaan telah dipertingkatkan pada tahun 2013 sebagai persediaan untuk melancarkan mandat pelaburan serantau menjelang akhir suku pertama 2014. Sebagai permulaan, KWAP akan melabur ke dalam ekonomi serantau utama iaitu Korea Selatan, Indonesia, Thailand, China, Hong Kong dan Australia dalam mata wang utama dan tempatan. Selain itu, KWAP juga secara aktif meningkatkan pelaburan dalam pasaran pesisiran luar melalui pengurus dana luaran. Di dalam pasaran domestik, KWAP menggunakan pakai pendekatan pelaburan oportunitis dalam melabur untuk menghasilkan instrumen pendapatan tetap yang lebih tinggi, seperti bon korporat tak dinilai, bon kekal dan sekuriti modal hibrid Kumpulan 1 (Basel III) dengan pelaburan baharu berjumlah RM1.3 bilion. Selain itu, KWAP akan terus mengharungi keluk hasil untuk mendapatkan pulangan pelaburan yang lebih tinggi dengan risiko pada tahap yang minimum.

Mengenai produk, KWAP telah mendapat kelulusan untuk melabur dalam Nota Kredit Berkaitan (CLN), Pelaburan Matawang Berganda (DCI) dan Perjanjian Belian Balik (PETRONAS Dagangan) bagi meningkatkan kecairan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Bon. KWAP telah mendapat kelulusan untuk melabur dalam transaksi deposit *Negotiable Instrument Deposit Certificate* (NIDC) dan transaksi deposit Islamik yang menggunakan konsep Tawarruq dan komoditi Murabahah dan Deposit Wakala sebagai salah satu produk kewangan dan pelaburan Islam berasaskan prinsip-prinsip Syariah. Selain daripada menguruskan dana secara dalaman, KWAP telah melantik dua pengurus pendapatan tetap luaran yang baharu bagi menguruskan portfolio sukuk global. Pengurus dana luaran pendapatan tetap menggunakan data perakaunan kustodian luaran selaras dengan dasar perakaunan KWAP.

Di dalam persekitaran yang semakin mencabar, prestasi pelbagai segmen aset untuk aset pendapatan tetap adalah membanggakan. Pulangan atas pelaburan secara menyeluruh yang dicapai bagi kelas aset pendapatan tetap pada 31 Disember 2013 adalah 4.41%, jauh lebih tinggi daripada hasil SKM 10 tahun dengan purata 3.653%. Selain itu, profil tempoh (risiko kadar faedah) daripada portfolio pendapatan tetap secara keseluruhan adalah lebih tinggi daripada SKM 10 tahun yang biasa. Secara individu, pendapatan bagi bon korporat pada 31 Disember 2013 melonjak kepada RM802.40 juta daripada RM678.88 juta pada tahun sebelumnya manakala pulangan atas pelaburan dilihat rendah pada kadar 5.7% daripada 6.1% tahun sebelumnya, mengatasi Quantshop Corp (Medium) Yield dengan 167 mata. Sekuriti Kerajaan dan bon kerajaan memberi pulangan pendapatan sebanyak RM930 juta, berbanding RM966 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Walaupun pulangan atas pelaburan terus menirus kepada 3.9% daripada 4.8% pada tahun sebelumnya, pulangan atas pelaburan telah melepas Quantshop MGS All Yield dengan 44 mata. Prestasi pulangan atas pelaburan portfolio pengurus dana luaran domestik adalah pada 5.37% daripada 6.3% pada tahun lalu, disebabkan oleh persekitaran hasil rendah yang kukuh dan peluang perdagangan besar yang berkurangan. Prestasi pulangan atas pelaburan bagi pengurus dana luaran antarabangsa menokok lebih tinggi sedikit kepada 4.46% daripada 3.55% ketika keadaan prestasi tidak menentu dalam portfolio kerajaan G7. Pulangan atas pelaburan pinjaman telah susut kepada 4.47% daripada 5.14% pada tahun 2012 kerana beberapa pinjaman telah ditebus awal dibelakangi oleh keadaan pembiayaan yang mudah dan perluasan pinjaman yang lebih banyak dalam tempoh tersebut. Dari segi nominal, ia mencatatkan pendapatan yang meningkat sebanyak RM524 juta daripada RM458 juta pada tahun 2012. Pulangan atas pelaburan pasaran wang meningkat kepada 3.1% daripada 2.6% peningkatan pengeluaran interim dan baki penutup lebih rendah.




Sumber: Bloomberg

### PENGURUS DANA DALAMAN

#### Sekuriti Hutang Swasta (SHP)

Pada tahun 2013 pasaran kredit masih didorong oleh lebihan kecairan yang terjadi kerana program pelonggaran kuantitatif (QE) yang diterima pakai oleh beberapa bank pusat di dunia terutama Amerika Syarikat. Hasil dalam pasaran kredit kekal rendah pada separuh pertama tahun 2013, membawa lebihan tahap 2012. Walau bagaimanapun berita bahawa bank pusat AS berkemungkinan untuk mengurangkan program pelonggaran kuantitatif telah menakutkan pasaran lalu menyebabkan hasil naik menyeluruh. Tindak balas kemudian mula berkurangan apabila pelabur menyedari pasaran telah meninggikan harga dalam berita. Walau bagaimanapun, hasil mula naik mendadak sekali lagi pada akhir tahun ini kerana bank pusat AS mula mengurangkan program meningkatkan kecairan pada suku keempat tahun 2013.


Pegangan portfolio kredit KWAP (pada nilai pasaran) susut kepada RM13.98 bilion, berbanding RM14.62 bilion pada tahun 2012. Sebab utama penurunan ini adalah portfolio yang tidak melabur secara agresif pada tahun 2013 disebabkan oleh bekalan kertas kredit kurang dan juga persekitaran hasil yang lebih rendah. Bagi tahun 2013, portfolio yang dijual atau ditebus adalah RM1.5 billion kertas berbanding pembelian baharu sebanyak RM1.1 billion.



\* Berdasarkan nilai pasaran pada 31 Disember 2013




Pendapatan bagi portfolio meningkat pada tahun 2013 kepada RM802 juta daripada RM678 juta pada tahun 2012 kerana portfolio tersebut dapat merealisasikan sepenuhnya pendapatan daripada pembelian yang dibuat pada akhir 2012. Keuntungan modal daripada jualan dan penebusan awal meningkat daripada RM54.3 juta pada tahun 2013 berbanding RM38.2 juta pada tahun 2012. Pulangan atas pelaburan untuk portfolio jatuh kepada 5.7% pada tahun 2013 berbanding 6.1% pada tahun 2012 seiring dengan hasil yang rendah dan persekitaran kadar faedah untuk kebanyakan masa pada tahun 2013. Portfolio ini tidak dapat menggantikan kertas berhasil tinggi yang matang sebagai hasil dalam kedua-dua pasaran utama dan sekunder yang kekal rendah sepanjang 2013.



\* Berdasarkan nilai pasaran 31 Disember 2013

Dalam meneruskan langkah, bagi tahun 2014, ketika pemuliharaan ekonomi kekal tidak berbahaya, kecairan seolah-olah menjadi tumpuan utama untuk tema pasaran kewangan. Rejim kadar faedah yang rendah, adalah hasil langsung daripada kecairan yang berlebihan, tidak mungkin dapat bertahan lama dalam tahun akan datang. Kami meramalkan hasil akan terus meningkat lagi apabila para pelabur meneruskan harga lebih tirus dalam program QE III pada masa akan datang. Persekitaran kredit dijangka terus kekal stabil dengan bekalan kertas baharu meningkat sedikit dibelakangi oleh keadaan ekonomi makro yang bertambah baik dan tahap hasil yang wajar. Berlatar belakangkan persekitaran ini, portfolio harus memberi tumpuan kepada pengurusan tempoh untuk hasil naik disamping masih mengekalkan kualiti kredit untuk memelihara modal.



\* Berdasarkan nilai pasaran pada 31 Disember 2013


### **Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Kuasi Kerajaan**

Perdagangan tidak menentu untuk sekuriti kerajaan kerana hasil meningkat secara mendadak pada bulan Julai dan Ogos 2013 kerana spekulasi bahawa Bank Pusat AS akan mula mengurangkan program pembelian bon pada bulan September 2013. Ini menyebabkan jualan sementara dari Pasaran Baharu Muncul ke dalam Perbendaharaan AS. Walau bagaimanapun, aliran keluar berbalik pada akhir bulan September selepas kedatangan bajet Kongres AS mengabur sentimen. Walaupun kerajaan yang ditutup telah dibuka semula pada 17 Oktober 2013 dan mengancam kepada kemungkiran hutang kerajaan berjaya dielakkan, Kongres telah mengambil pakai pembakaian sementara waktu.

Di pasaran tempatan pula, kadar hasil SKM meningkat sederhana ketika pengumuman penirusan, spekulasi mengenai penirusan adalah harga di awal November 2013 apabila hasil telah naik mendadak lebih daripada 50 mata asas. Saiz SKM dan Instrumen Pelaburan Kerajaan (IPK) kasar adalah lebih tinggi sebanyak RM96.9 bilion untuk tahun 2013 berbanding RM94.0 bilion pada tahun 2012. Walaupun penerbitan kasar agak banyak, pasaran SKM dan IPK kekal disokong oleh kecairan domestik yang mencukupi. Pegangan asing dalam SKM dan IPK kekal kukuh pada 45.1% walaupun aliran keluar disebabkan oleh masalah penirusan QE III dan keimbangan defisit bajet yang besar. Kerajaan Malaysia telah berjanji untuk meletakkan ekonomi negara di atas landasan pertumbuhan yang mampan dan melaksanakan langkah-langkah bertujuan untuk mengurangkan defisit negara, suatu langkah yang telah dijangka secara meluas oleh pasaran.

Jualan pelaburan dalam sekuriti Kerajaan (SKM, IPK dan bon kerajaan yang seumpamanya) pada 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM25.01 bilion berbanding RM22.31 bilion pada akhir tahun 2012. Pendapatan pelaburan kasar pada 31 Disember 2013 jatuh sebanyak 3.66% kepada RM930.8 juta berbanding angka tahun lalu pada RM966.2 juta disebabkan persekitaran yang lebih rendah pada separuh pertama 2013 dan kecairan yang lebih tegas selepas hasil melonjak naik separuh kedua tahun 2013. Portfolio ini juga mencatatkan ROI 3.91% pada 31 Disember 2013 disokong oleh tempoh 6.02 tahun berbanding pulangan atas pelaburan tahun lalu pada 4.8%. Pulangan atas pelaburan semasa mengatasi penanda aras Quantshop MGS All Yield sebanyak 3.9% pada 44 mata asas.

#### PENDAPATAN PORTFOLIO SKM DAN KUASI KERAJAAN




#### Pinjaman

Pada tahun 2013, aset terkumpul dalam pinjaman meningkat sebanyak RM2.93 bilion atau 28.50% kepada RM13.21 bilion pada tahun 2013. Peningkatan portfolio pinjaman adalah disebabkan oleh pinjaman jangka panjang baharu yang dijamin oleh Kerajaan atau entiti berkaitan kerajaan.

#### PROFIL KEMATANGAN PINJAMAN PADA 31 DISEMBER 2013



Sejumlah RM524.74 juta pendapatan dijana dari pelaburan ini. Ia adalah RM67.07 juta atau penambahan 14.68% berbanding tahun sebelumnya. Kadar pulangan atas pelaburan adalah pada 4.47%, melebihi penanda aras Quantshop MGS All Yield (ditambah 50 mata asas) dengan 50 mata asas. Portfolio pinjaman terdiri dari 12.85% daripada Alokasi Aset Strategik KWAP.



Sebagai langkah ke hadapan, KWAP akan terus memaksimumkan pulangan atas pelaburan dengan membina struktur pinjaman dan terma yang memihak kepada KWAP, dengan mengambil kira kenaikan kadar faedah pada tahun-tahun akan datang. Dalam usaha untuk mengurangkan risiko ingkar, KWAP akan terus memantau dengan meneliti semua peminjam melalui lawatan tapak dan lawatan ke syarikat dari masa ke semasa.


#### **Pasaran Wang**

Jumlah baki pelaburan pasaran wang KWAP adalah sebanyak RM7.16 bilion pada 31 Disember 2013, turun 8.21% daripada RM7.80 bilion pada awal tahun, mengekalkan pegangan tunai yang mencukupi untuk pertimbangan operasi harian dan pengeluaran bagi pelaburan kelas aset yang lain. Ini juga sejajar dengan rancangan alokasi aset strategik kami di mana kuantum pelaburan pasaran wang disasarkan kepada tahap optimum sebanyak 2.0%.

Sebahagian besar daripada pelaburan itu di dalam deposit jangka masa pasaran wang, diikuti dengan Floating Rate Negotiable Instrument of Deposit (FRNID), Negotiable Instrument of Deposit (NID), Negotiable Instrument of Deposit Certificate (NIDC) dan Commercial Paper (CP), dalam kedua-dua istilah konvensional dan Islam. Tempoh adalah antara semalam dan lima (5) tahun. Pendapatan kasar yang dijana daripada pelaburan pasaran wang pada tahun 2013 adalah RM230.16 juta, kira-kira 30.9% lebih rendah berbanding pendapatan kasar yang diterima pada tahun 2012 sebanyak RM333.31 juta. Ini adalah disebabkan oleh pelaburan pasaran wang sebanyak RM7.8 bilion setakat 31 Disember 2012.

#### **PENGURUS DANA LUARAN**

Pada 31 Disember 2013, jumlah dana yang disalur luar pada kos yang diuruskan oleh pengurus dana pendapatan tetap luaran adalah sebanyak RM2.2 bilion yang menyumbang kepada 2.2% daripada saiz dana KWAP secara keseluruhan. Dari segi pendedahan geografi, 72% daripada aset luaran diurus dan dilabur dalam pasaran bon domestik dan baki 28% yang dilaburkan di peringkat global dengan pengurus dana luaran.



### Domestik

Pada 31 Disember 2013, jumlah dana pada kos yang diuruskan oleh pengurus dana luaran domestik adalah sebanyak RM1.57 bilion, peningkatan sebanyak 28% daripada RM1.23 bilion tahun lalu. Jumlah portfolio pendapatan tetap yang diuruskan oleh pengurus dana luaran domestik menyumbang 2.5% daripada pelaburan pendapatan tetap secara keseluruhan. Pada 31 Disember 2013, pengurus dana pendapatan tetap luaran domestik mencatatkan agregat pendapatan direalisasi sebanyak RM75.2 juta pulangan atas pelaburan dengan purata sebanyak 5.4%.

### Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik pada 31 Disember 2013

Domestik	Tahun Pelancaran Dana
CIMB-Principal Asset Management Berhad	2006
AmlInvestment Management Sdn Bhd	2007
Hwang Investment Management Berhad*	2011
KAF Fund Management Sdn Bhd	2012

\* Dahulu dikenali sebagai HwangDBS Investment Management Berhad

Dalam menjalankan proses pemantauan KWAP, mesyuarat prestasi telah diadakan dengan semua pengurus dana luaran dan lawatan audit telah dijalankan di pejabat mereka. Sepanjang tahun ini, enam belas (16) mesyuarat suku tahunan, empat (4) lawatan tahunan dan satu (1) lawatan pematuhan telah dijalankan untuk memantau pematuhan mereka dengan prosedur kawalan dalaman yang berkaitan dan amalan perniagaan terbaik dengan mengambil kira aktiviti perdagangan sehari-hari dan operasi pejabat pertengahan dan pentadbiran.

### Antarabangsa

Dari segi pelaburan di luar negara, pendedahan pelaburan yang diuruskan pengurus pendapatan tetap dana luaran adalah sebanyak USD200.0 juta (RM614.0 juta). Apabila portfolio bon kerajaan dalam dan luaran digabung, aset pendapatan tetap secara keseluruhan bagi pelaburan luar pesisiran menyumbang 1.7% daripada saiz dana KWAP di nilai pasaran pada 31 Disember 2013. Had AlokaSI Aset Strategik baharu untuk pendapatan tetap antarabangsa ditetapkan pada 5.0% untuk akhir 2017. Pada 31 Disember 2013, pengurus dana pendapatan tetap luaran antarabangsa mencatatkan agregat pendapatan direalisasi daripada USD8.7 juta (kira-kira RM27.4 juta) iaitu pulangan atas pelaburan purata sebanyak 4.4%.

### Senarai Pengurus Dana Luaran Antarabangsa pada 31 Disember 2013

Antarabangsa	Tahun Pelancaran Dana
CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd	2011
AmlIslamic Fund Management Sdn Bhd	2011
PIMCO Asia Pte Ltd	2011

KWAP telah menjalankan beberapa perbincangan berkaitan pelaburan atau perkara-perkara operasi berkaitan, termasuk lawatan ke tapak di premis pengurus dana, dalam memastikan pematuhan kepada syarat-syarat kontrak serta memahami amalan terbaik perniagaan. Sebagai salah satu daripada proses pemantauan, perbincangan atas talian juga kerap dijalankan untuk mengkaji semula pelaburan terkini dan tinjauan dari perspektif mereka. Penilaian prestasi portfolio sentiasa diadakan pada setiap suku tahun untuk memastikan sasaran pendapatan mereka dipenuhi. Sepanjang tahun ini, dua belas (12) mesyuarat suku tahunan, tiga (3) audit pematuhan dan dua (2) audit *due diligence* dijalankan untuk memerhatikan pematuhan mereka dengan prosedur kawalan dalam yang berkaitan.

#### Pengurus Dana Luaran Domestik

16 Mesyuarat Suku Tahun

4 Lawatan Tahunan

1 Lawatan Pematuhan

#### Pengurus Dana Luaran Antarabangsa

12 Mesyuarat Suku Tahun

3 Lawatan Tahunan

2 Lawatan Due Diligence


Salah satu daripada inisiatif berterusan unit untuk mempelbagaikan pulangan portfolio pengurus dana luaran dan gaya pelaburan, *Request for Proposals* (RFP) telah dijalankan pada tahun ini yang disertai oleh beberapa pengurus dana bon tempatan. Berdasarkan penilaian, dua (2) pengurus dana luaran yang baharu telah diluluskan untuk menguruskan portfolio Sukuk Global.

## PELABURAN ALTERNATIF

### Gambaran Menyeluruh Ekuiti Persendirian

Aktiviti perjanjian ekuiti persendirian surut dengan aliran yang sering tidak dapat dijangka, pada 2013 dengan pelabur ekuiti persendirian bergerak tangkas menunjukkan keupayaan mereka untuk meninjau dan mengeksplorasi keadaan pasaran.


Dari aspek membuat perjanjian, terdapat beberapa tawaran telah diselesaikan pada tahun 2013, namun hanya dua (2) yang mendahului USD20 bilion, seperti belian kuasa mega Hilton Hotel oleh Blackstone berjumlah USD27.6 bilion dan perswastaan Dell Computer oleh pengasasnya Michael Dell dan Silver Lake Partners pada USD24.9 bilion dan hampir tiada yang melebihi USD5 bilion. Menurut Preqin, 75% daripada tawaran belian ekuiti persendirian pada tahun 2013 adalah pelaburan bermodal kecil (tawaran kurang daripada USD250 juta dari segi saiz). Tetapi jumlah tawaran tidak menggambarkan jumlah sebenar pelbagai cabaran yang terpaksa ditempuhi untuk memenuhi tawaran. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa tawaran semakin kompleks dan sukar untuk dilaksanakan dan aset yang menarik mendapat perhatian ramai dan dengan itu menaikkan lagi penilaian.



Sumber: Preqin

### Penjanaan Dana dan Aset Kurang Kecairan dalam Ekuiti Persendirian

Menurut Preqin, pada tahun 2013 separuh daripada modal yang dibangkitkan bagi pembelian kuasa ekuiti persendirian lebih kepada dana-dana besar. Ia adalah kali pertama sejak 2008 dana-dana mega (ditakrifkan mempunyai aset melebihi USD4.5 bilion dan dana ini telah menjana USD114 bilion pada tahun 2008, kira-kira separuh daripada jumlah yang terkumpul) telah menguasai separuh pasaran. Daripada USD169 bilion yang dijana oleh 145 belian kuasa tahun lepas, USD85 bilion adalah jumlah dana-dana mega. Pada tahun 2012, apabila sebanyak USD95 bilion dijana, dana terbesar menerima USD30 bilion, kira-kira 32% daripada jumlah keseluruhan. Peralihan ini datang ketika kebangkitan dalam dana keseluruhan tahun lalu, selepas beberapa tahun aktiviti diredakan. Ini mewujudkan keadaan “perlu ada dan tiada” lebih ketara, dimana institusi pelabur menumpukan banyak peningkatan ke dana-dana mega semasa membuat aktiviti menjana dana sebagai suatu cabaran untuk pelabur ekuiti persendirian lain.



Sumber: Preqin

Disebalik kesan krisis kewangan global, aset dibawah pengurusan bagi industri ekuiti persendirian terus berkembang dalam tempoh lima tahun yang lalu. Walaupun jumlah Aset Kurang Kecairan telah menurun sedikit sepanjang tempoh tersebut, ia masih kekal pada tahap yang tinggi, hampir kepada aras USD1 trillion, dengan nilai tidak direalisasikan semakin meningkat setiap tahun.


#### **Tinjauan Serantau**

Setakat ini, Amerika Utara adalah rantaui yang paling pesat menjalankan aktiviti ekuiti persendirian, dimana nilai agregat urus niaga meningkat 10% pada tahun 2013 berbanding dengan 2012. Walaupun dilanda ketidaktentuan pada awal tahun, sekitar kemelut hutang siling AS, GPs mendapat keyakinan dengan harapan pertumbuhan berterusan pada tahun ini, walaupun perlahan dan tidak mengagumkan. Dalam keadaan dunia yang dilanda masalah lebih mendalam, pelabur melihat AS sebagai benteng keselamatan dan keamanan.

Eropah masih mengalami kelesuan ekonomi dengan pasaran ekuiti persendirian berpandukan perjanjian lemah walaupun selama ini adalah seperti tradisi bagi Eropah untuk menjadi salah satu pasaran paling kukuh dalam industri. Walaupun begitu, ia mampu menarik peningkatan sebanyak 6% daripada nilai agregat urus niaga yang dilakukan pada 2013 berbanding dengan 2012. Aktiviti perjanjian beli bertahan dengan baik di utara Eropah, seperti Jerman dan Scandinavia, di mana ekonomi tetap teguh, dan juga di UK, di mana kekuatan pound sterling telah berjaya membuat sebahagian besar pelaburnya tidak terjejas dengan kekecohannya Zon Euro.

**NILAI AGREGAT EKUITI PERSENDIRIAN BERSANDARKAN TAWARAN MENGIKUT WILAYAH, 2006 HINGGA 2013**

**NAT (USD Bilion)**



Sumber: Prequin

Lonjakan pasaran baharu muncul di Asia selama sedekad sudah dapat dijangkakan dengan tesis pelaburan yang mudah tetapi teguh. Pertumbuhan KDNK yang teguh dan stabil telah menolak nilai-nilai aset yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kebergantungan terhadap kebolehpercayaan pertumbuhan KDNK di rantau ini telah diuji dengan ketara pada tahun 2013. Asia menyaksikan penurunan sebanyak 28% dari nilai agregat tawaran dilakukan pada tahun 2013 berbanding dengan 2012.

2013 juga menampakkan peralihan berterusan kepada pasaran yang lebih terbuka untuk pembelian semula, kerana beberapa pemilik perniagaan lebih bersedia untuk menyerahkan kawalan untuk menjamin pelaburan ekuiti persendirian dan juga untuk meraih faedah yang boleh ditawarkan oleh ekuiti persendirian dalam meningkatkan lagi pertumbuhan perniagaannya.


### Gambaran keseluruhan infrastruktur

Pada tahun 2013, infrastruktur telah diperkenalkan sebagai kelas sub-aset baharu di KWAP yang terletak di dalam kelas aset ekuiti persendirian, di bawah Pelaburan Alternatif. Infrastruktur adalah satu pelaburan alternatif dengan ciri-ciri tersendiri dan ia terletak diantara kelas ekuiti persendirian dan hartanah didalam spektrum risiko-pulangan.

Pelaburan infrastruktur adalah menarik kepada pelabur institusi seperti dana persaraan kerana ia adalah pelaburan jangka panjang yang dapat menandingi tempoh liabiliti pencen yang panjang. Di samping itu, aset-aset infrastruktur yang dikaitkan dengan inflasi boleh melindung nilai liabiliti dana pencen dengan kepekaan untuk meningkatkan inflasi.

### Penjanaan Dana dan Aset Kurang Kecairan dalam Infrastruktur

Secara keseluruhan, 2013 menyaksikan 47 dana infrastruktur berjaya ditutup dengan penjanaan sebanyak USD38 bilion; jauh lebih tinggi daripada USD29 bilion yang dijana pada tahun 2012. Saiz purata dana infrastruktur tidak tersenari yang ditutup pada tahun 2013 adalah USD872 juta, ia juga lebih tinggi daripada USD647 juta saiz purata dana pada tahun 2012 dan yang tertinggi sejak 2007.



Sumber: Preqin

Sebanyak 68% daripada modal pada tahun 2013 di jana melalui dua (2) dana infrastruktur: Brookfield Infrastructure Fund II menjana USD7 bilion dan EIG Energy Fund XVI menjana USD6 bilion. 54% daripada dana yang ditutup pada tahun 2013 mencapai atau melebihi saiz sasaran berbanding 40% pada tahun 2012, memberi isyarat permintaan yang lebih tinggi dan juga keyakinan oleh pelabur institusi.

## 10 DANA INFRASTRUKTUR TERBESAR DAN FOKUS GEOGRAFI

Dana	Pengurus	Saiz Dana (juta)	Tarikh Tutup Akhir	Fokus Lokasi
Brookfield Infrastructure Fund II	Brookfield Asset Management	7,000 USD	Okt-13	Global
EIG Energy Fund XVI	EIG Global Energy Partners	6,000 USD	Dis-13	Global
Macquarie European Infrastructure Fund IV	Macquarie Infrastructure and Real Assets (MIRA)	2,750 EUR	Mei-13	Eropah
EQT Infrastructure II	EQT Funds Management	1,925 EUR	Jan-13	Eropah, Amerika Utara
AXA Infrastructure Generation III	Ardian	1,450 EUR	Mac-13	Eropah
Stonepeak Infrastructure Partners	Stonepeak Infrastructure Partners	1,650 USD	Okt-13	Amerika Utara
Urban Construction Fund	Suzhou International Development Venture Capital Holding	10,000 CNY	Apr-13	China
BTG Pactual Brazil Infrastructure Fund II	BTG Pactual	1,380 USD	Ogo-13	Brazil, Amerika Selatan
IFC Global Infrastructure Fund	IFC Asset Management Company	1,200 USD	Okt-13	Global
Actis Energy III	Actis	1,150 USD	Dis-13	Pasaran baharu muncul

Sumber: Preqin

### Tinjauan Serantau

Amerika Utara dilihat sebagai sebuah rantau di mana keseimbangan antara kerajaan dan pelabur persendirian semakin bergerak kearah memihak kepada pelabur. Pada umumnya, peraturan-peraturan adalah menggalakkan (atau sekurang-kurangnya adil) kepada pelabur dan ianya bertambah baik. Ruang pasaran pertengahan di Amerika Utara terus menjadi menarik.

Eropah sehingga 2013 pada umumnya tidak menguntungkan. Skop terlalu banyak terletak pada kerajaan, sama ada melalui sektor kawal selia ketat dengan potensi peningkatan sedikit atau melalui kebergantungan kepada subsidi.

Pasaran infrastruktur Asia pula, memberi cabaran yang berbeza dari segi risiko kawal selia dan politik yang mencabar. Pasaran Asia adalah yang paling menarik bagi aset baharu dan tidak dikawal, dimana risiko tambahan mencukupi untuk mengimbangi potensi pulangan yang lebih tinggi.

### Pelaburan Dana Ekuiti Persendirian

Pada 31 Disember 2013, KWAP telah melabur didalam lapan belas (18) dana ekuiti persendirian dan mengekalkan dua (2) pelaburan ekuiti persendirian secara langsung. Jumlah pelaburan ekuiti persendirian KWAP berjumlah RM816.23 juta atau 0.79% daripada jumlah saiz dana KWAP dan 2.0% di dalam lingkungan Alokasi Aset Strategik (SAA) yang diluluskan.

Bagi tahun 2013, KWAP telah menumpukan usaha untuk mempelbagaikan portfolio ekuiti persendirian. Langkah mempelbagaian ini memberi tumpuan kepada segi geografi dan juga strategi dana. Oleh itu, pada 31 Disember 2013, KWAP telah melabur dalam empat (4) dana ekuiti persendirian yang baharu. Dana-dana tersebut adalah Acon Equity Partners III LP (Acon III), Affinity Asia Pacific Fund IV, Stonepeak Infrastructure Fund, LP (Stonepeak) dan Nordic Capital VIII (Nordic Capital).

Hasil langsung daripada usaha mempelbagaikan dana ekuiti persendirian KWAP, KWAP telah berjaya meraih kejayaan baharu dalam portfolio ekuiti persendirian, iaitu komitmen North American PE Fund (Acon III) yang pertama, komitmen dana belian kuasa Asia yang pertama (Affinity IV), komitmen North American Infrastructure Fund yang pertama (Stonepeak) dan komitmen pembelian kuasa besar Eropah yang pertama (Nordic Capital).

### Pelaburan Ekuiti Persendirian Langsung

Sehingga 31 Disember 2013, KWAP mengekalkan dua (2) pelaburan ekuiti persendirian langsung di Malaysia.


Pelaburan ekuiti persendirian langsung menjana jumlah pendapatan sebanyak RM1,605.86 juta dengan pulangan atas pelaburan sebanyak 216.3%. Daripada jumlah pendapatan, 98.2% telah diperolehi daripada dividen yang luar biasa yang diterima daripada salah satu daripada syarikat-syarikat pelaburan langsung dan bakinya adalah daripada dana ekuiti persendirian.

## PELABURAN ALTERNATIF

### Tinjauan Pasaran Hartanah


#### Global

Pelaburan langsung hartanah komersial telah mencatatkan kira-kira USD366 bilion bagi jumlah transaksi pada suku ketiga tahun 2013, peningkatan 21% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2012. Jumlah pelaburan setahun bagi tahun 2013 dijangka melebihi USD500 bilion (Rajah 1). Penggiat utama bagi pasaran utama pada suku ketiga tahun 2013 adalah AS dengan USD55.0 bilion, diikuti UK pada USD18.5 bilion dan Jepun dengan USD8.7 bilion. Aktiviti pelaburan dalam Eropah bagi tahun 2013 dijangka melebihi USD161 bilion yang dicatatkan pada tahun 2012, didorong oleh tiga pasaran iaitu UK, Jerman dan Perancis<sup>1</sup>. London adalah sebuah bandar yang mencatatkan pelaburan komersial langsung tertinggi dengan pelaburan melebihi kira-kira USD24 billion, diikuti oleh New York USD16 billion dan Tokyo USD15 billion (Rajah 2).



Sumber: Jones Lang LaSalle Oktober 2013

**RAJAH 2: PELABURAN HARTANAH KOMERSIL LANGSUNG BAGI BANDARAYA TERTINGGI PADA TAHUN 2013**




Sumber: Jones Lang LaSalle Oktober 2013

### Australia


Pejabat CBD Australia menyaksikan peningkatan dalam kadar kekosongan daripada 8.4% pada Januari 2013 kepada 10.1% pada bulan Julai 2013. Prestasi terbaik adalah Perth yang didorong komoditi dengan -12,504 meter perseggi ruang pejabat pada bulan Julai 2013 dengan kadar kekosongan sebanyak 6.9% (Rajah 3). Sydney ketinggalan di belakang dengan 8.9% kadar kekosongan dan -26,984 meter perseggi penyerapan. Melbourne merekodkan kadar kekosongan sebanyak 9.8% pada bulan Julai 2013 dengan penyerapan sebanyak -3,655 meter perseggi<sup>2</sup>. Peningkatan keseluruhan kadar kekosongan adalah disebabkan oleh kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi daripada 3.8% pada suku kedua 2012 kepada 2.4% pada suku kedua 2013 yang mempunyai kesan langsung kepada permintaan untuk ruang pejabat. Pada suku ketiga 2013, pelaburan asing dalam hartanah komersial di Australia menyumbang kepada AUD2.7 bilion atau 53% daripada jumlah pelaburan<sup>3</sup> (Rajah 4).

**RAJAH 3: KADAR KEKOSONGAN CBD AUSTRALIA**



Sumber: Property Council of Australia

**RAJAH 4: PELABURAN DOMESTIK BERBANDING ASING (AUD Bilion)**




Sumber: DTZ Research

<sup>2</sup> Australian Property Council Office Market Report July 2013


<sup>3</sup> DTZ Research Investment Market Update Australia Q3 2013

**UK**

Secara keseluruhan kadar kekosongan pejabat di UK ialah 12%, kurang dibandingkan dengan 12.7% tetapi masih melebihi purata 10 tahun sebanyak 10.7%. Purata hasil pejabat utama di pasaran kecil kawasan Central London iaitu City dan West End pada suku ketiga tahun 2013 adalah 4.75% dan 3.75% (Rajah 5). Central London mencatatkan peningkatan dalam pelaburan dari £2.7 bilion pada suku kedua 2013 ke £4.8 bilion pada suku ketiga 2013. Pada suku ketiga 2013, pelabur antarabangsa menyumbang 45% daripada jumlah transaksi di Central London, di mana pelabur Asia adalah yang paling menonjol, iaitu 25% daripada jumlah keseluruhan (Rajah 6).



Sumber: Jones Lang LaSalle




Sumber: CBRE

**Malaysia**

Bangunan pejabat di Kuala Lumpur mencatatkan kadar kekosongan purata kira-kira 15% pada suku ketiga 2013. Ini berlaku walaupun terdapat peningkatan yang ketara dalam tahun ini untuk kadar penyerapan bersih kepada 1.5 juta meter persegi pada suku ketiga daripada 1.0 juta meter persegi pada suku kedua, peningkatan dalam penyerapan bersih diimbangi dengan bekalan tambahan (Rajah 7). Pejabat sedia ada menunjukkan peningkatan saham sebanyak 1% bagi suku ke suku dari 67.8 juta meter persegi kepada 68.3 juta meter persegi. Sewaan kekal pada purata RM6.13 setiap meter persegi antara suku kedua dan suku ketiga 2013. Begitu juga dengan nilai modal purata adalah stabil pada RM838 setiap meter persegi dengan saluran bekalan kira-kira 1.4 juta meter persegi untuk baki tahun 2013 dan 10 juta meter persegi dari 2014 ke 2016, sewaan dijangka berada di bawah tekanan (Rajah 8).


- <sup>4</sup> Jones Lang LaSalle UK Office Market Outlook Q2 2013
- <sup>5</sup> Jones Lang LaSalle The Central London Market Q3 2013
- <sup>6</sup> CBRE Research Central London Property Market Review Q3 2013
- <sup>7</sup> DTZ Property Times Kuala Lumpur Q3 2013

**RAJAH 7: KADAR PENYERAPAN BERSIH PEJABAT METER PERSEGI (JUTA) DAN KADAR KEKOSONGAN**



Sumber: DTZ Research

**RAJAH 8: PERANCANGAN PEMBANGUNAN PEJABAT, METER PERSEGI (JUTA)**



Sumber: DTZ Research

### Prestasi

Pada 31 Disember 2013, jumlah pelaburan KWAP dalam harta tanah antarabangsa berjumlah RM4.08 bilion atau 3.96% daripada jumlah saiz dana KWAP dan berada di dalam rangkuman pelaburan harta tanah antarabangsa yang diluluskan di dalam Alokasi Aset Strategik (SAA) sebanyak 6.0%. Penggunaan dana itu adalah untuk belian bangunan pejabat 737 Bourke Street di Melbourne, bangunan ASX 20 Bridge Street di Sydney, 747 Collins Street di Melbourne, 179 Turbot Street di Brisbane, bangunan pejabat 10 Gresham Street di London dan 88 Wood Street di London.

Salah satu daripada harta tanah milik KWAP, 88 Wood Street di London telah memenangi beberapa anugerah pada tahun 2013. Anugerah-anugerah tersebut adalah ROSPA Gold Award, Clean City Gold Award, Flower in the City - Atrium Trophy, City in Bloom - Silver Award Buidling dan juga Building Security Accreditation.

Sehingga Disember 2013, enam (6) harta tanah menjana pendapatan tunai bersih sebanyak RM154.55 juta. Purata hasil bersih tahunan bagi empat (4) aset Australia untuk tahun 2013 adalah sebanyak 6.1% manakala hasil bersih tahunan bagi aset UK adalah pada 5.7%.

# PENGURUSAN CARUMAN

## CARUMAN

**Salah satu fungsi KWAP adalah untuk menguruskan sumbangan pence n yang diremit oleh majikan mengikut Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12/2008 mengenai Dasar dan Prosedur Pelantikan secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Kekal. Seperti yang ditetapkan oleh Akta, majikan yang terdiri daripada badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi dikehendaki membayar caruman pence n kepada KWAP bagi kakitangan yang telah diberi status pence n oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain daripada caruman oleh majikan, KWAP juga menerima bahagian kerajaan dari agensi-agensi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan lain-lain.**

Pada tahun 2013, KWAP menerima sejumlah RM4.19 bilion, merangkumi caruman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.5 bilion, terimaan bahagian Kerajaan sebanyak RM1.76 bilion dan caruman majikan yang berjumlah RM0.93 bilion.

## CARUMAN MAJIKAN

Kutipan caruman majikan pada tahun 2013 adalah RM929.47 juta.

### Pecahan caruman majikan:

KATEGORI MAJIKAN	RM (Juta)
Badan Berkanun	750.66
Pihak Berkuasa Tempatan	174.30
Agensi	4.51

## TERIMAAN BAHAGIAN KERAJAAN

Terimaan bahagian kerajaan yang diremit kepada KWAP oleh KWSP, LTAT, JPA dan organisasi kerajaan yang lain pada tahun 2013 adalah RM1.76 bilion.

AGENSI KERAJAAN	RM (Juta)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,301.69
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	423.07
Jabatan Perkhidmatan Awam & Lain-lain Agensi	36.61

## STATISTIK MAJIKAN DAN AHLI-AHLI MENCARUM

### Bilangan Majikan yang Mencarum:

MAJIKAN	2013	2012	2011	2010	2009
Badan Berkanun	194	184	181	176	175
Pihak Berkuasa Tempatan	149	149	149	148	145
Agensi	162	280	271	244	218
<b>Jumlah</b>	<b>505</b>	<b>613</b>	<b>601</b>	<b>568</b>	<b>538</b>

### Bilangan Ahli yang Mencarum:

MAJIKAN	2013	2012	2011	2010	2009
Badan Berkanun	116,641	106,278	96,881	90,789	86,421
Pihak Berkuasa Tempatan	43,325	38,798	36,349	34,924	34,497
Agensi	594	779	825	671	654
<b>Jumlah</b>	<b>160,560</b>	<b>145,855</b>	<b>134,055</b>	<b>126,384</b>	<b>121,572</b>

**20 PENCARUM TERTINGGI**

BIL.	MAJIKAN	RM (Juta)
1	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	105.26
2	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	57.87
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	47.96
4	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	35.83
5	Universiti Putra Malaysia (UPM)	33.07
6	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	31.44
7	Universiti Malaya (UM)	28.62
8	Universiti Sains Malaysia (USM)	26.00
9	Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	25.18
10	Universiti Utara Malaysia (UUM)	19.00
11	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	18.37
12	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	17.73
13	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	17.42
14	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	15.38
15	Lembaga Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur (LPP)	14.93
16	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	11.71
17	Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA)	11.63
18	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	10.89
19	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	10.65
20	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	10.45

**MAJIKAN BAHARU YANG BERDAFTAR DENGAN KWAP PADA TAHUN 2013**

BIL.	MAJIKAN	TARIKH DAFTAR	KATEGORI
1	International University Of Malayan Wales Sdn Bhd	3 Januari 2013	Agensi
2	Jabatan Ketua Menteri (Sabah)	29 Januari 2013	Agensi
3	Pertubuhan Peladang Kawasan Endau	14 Februari 2013	Agensi
4	Labuan Halal Hub Sdn Bhd	15 Februari 2013	Agensi
5	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan	20 Februari 2013	Badan Berkunun
6	The Association Of Natural Rubber Producing Countries	14 Mac 2013	Agensi
7	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	8 April 2013	Badan Berkunun
8	1Malaysia For Youth	9 April 2013	Agensi
9	VE Intellitech Sdn Bhd	15 April 2013	Agensi
10	University College Of Technology Sarawak	16 April 2013	Agensi
11	Yayasan Pelajaran Mara	17 April 2013	Agensi
12	International Institute Of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia	9 Mei 2013	Agensi
13	Cybersecurity Malaysia	20 Mei 2013	Agensi
14	Pengelola Bijaya Diraja KDYMM Sultan Pahang	22 Mei 2013	Agensi
15	Perak Investment Management Centre	12 Jun 2013	Agensi
16	Al Hijrah Media Corporation	12 Jun 2013	Agensi
17	Perbadanan Kota Buku	13 Jun 2013	Agensi
18	Panorama Langkawi Sdn Bhd	25 Jun 2013	Agensi
19	Perak Industrial Resources Sdn Bhd	10 Julai 2013	Agensi
20	Majlis Sukan Negeri Selangor	15 Julai 2013	Agensi
21	Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn Bhd	31 Julai 2013	Agensi
22	Jabatan Ketua Menteri Melaka	2 September 2013	Agensi
23	Persatuan Bolasepak Negeri Johor	30 September 2013	Agensi
24	Komatra Sajian Sdn Bhd	9 Oktober 2013	Agensi
25	Sinergi Perdana Sdn Bhd	9 Oktober 2013	Agensi

## 070 PENGURUSAN CARUMAN

BIL.	MAJIKAN	TARIKH DAFTAR	KATEGORI
26	Ekuiti Nasional Berhad	11 Oktober 2013	Agensi
27	Syarikat Prasarana Negara Berhad	17 Oktober 2013	Agensi
28	Putra Business School	24 Oktober 2013	Agensi
29	Perbadanan Pr1ma Malaysia	30 Oktober 2013	Agensi
30	Southeast Asian Ministers Education (SEAMEO SEN)	13 November 2013	Agensi
31	Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB)	15 November 2013	Badan Berkunun
32	Institut Seni Malaysia Melaka	10 Disember 2013	Agensi
33	Akademi Pengurusan Yapeim Sdn Bhd	12 Disember 2013	Agensi
34	Putrajaya International Convention Centre Sdn Bhd	13 Disember 2013	Agensi
35	Kolej Poly-Tech Mara Sdn Bhd	17 Disember 2013	Agensi

### BAYARAN BALIK

Pelbagai jenis permohonan bayaran balik telah dibuat dan dibayar balik kepada KWSP, JPA, majikan dan individu. Pada tahun 2013, KWAP telah meluluskan 4,830 permohonan bayaran balik berjumlah RM11.6 juta.

#### Butiran Bayaran Balik:

TAHUN	2013	2012	2011	2010	2009
Bilangan Permohonan	4,830	3,725	4,801	4,087	3,403
RM (Juta)	11.60	9.39	13.20	11.26	10.57

### PENGIRIMAN CARUMAN PENCEN MELALUI PINDAHAN DANA ELEKTRONIK/PINDAHAN TELEGRAF (EFT/TT)

Salah satu daripada inisiatif Jabatan Caruman bagi 2013 adalah pengiriman wang caruman pencen melalui Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Pindahan Telegraf (TT) diperkenalkan. Sambutan yang diterima daripada majikan adalah amat menggalakkan kerana ia meningkatkan kecekapan dengan mempercepatkan pembayaran caruman. Hasilnya, sebanyak 61 majikan telah menggunakan pengiriman caruman pencen mereka melalui EFT/TT pada tahun 2013 berjumlah RM12.12 juta.

## SISTEM PENGURUSAN CARUMAN BERSEPADU (ICMS)

Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) telah dilaksanakan pada tahun 2013 untuk mentadbir keseluruhan pengurusan caruman pencen. Ia menggantikan fungsi-fungsi operasi yang sebelum ini dilakukan secara manual dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya jabatan dalam memastikan ketepatan dan integriti data caruman.

### Bengkel dan Latihan ICMS

Beberapa bengkel dan sesi latihan ICMS telah dijalankan pada tahun 2013 untuk menggalakkan dan mendidik majikan menggunakan sistem yang baharu diperkenalkan ini. Tumpuan telah diberikan kepada majikan baharu yang mendaftar dengan KWAP pada tahun 2013.

#### Bengkel dan Latihan ICMS dijalankan pada tahun 2013:

BIL	LOKASI	JUMLAH MAJIKAN	JUMLAH PESERTA
1	Sabah	31	58
2	Sarawak	49	67
3	Kuala Lumpur	16	39
	<b>Jumlah</b>	<b>96</b>	<b>164</b>


## LAWATAN PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN

Objektif lawatan pematuhan dan penguatkuasaan diadakan untuk memastikan jumlah pematuhan oleh semua majikan dalam meremit caruman pencen kepada KWAP seperti yang ditetapkan dalam Akta 239 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12/2008 melalui Dasar dan Prosedur Pelantikan peminjaman, pertukaran sementara dan Kekal.

Semasa lawatan, aktiviti-aktiviti yang dilakukan termasuk mengesahkan dokumen, sesi taklimat dan perbincangan dengan majikan untuk menyelesaikan pelbagai isu berkaitan pengurusan caruman. Peluang juga diambil untuk mewujudkan kesedaran di kalangan majikan mengenai sistem ICMS yang baharu dilaksanakan. Sejumlah 48 majikan telah dilawati pada 2013.

#### Lawatan Pematuhan dan Penguatkuasaan dijalankan pada tahun 2013:

NEGERI	BULAN LAWATAN	BILANGAN MAJIKAN YANG DILAWATI
Johor	April 2013	14
Kedah dan Pulau Pinang	Mei 2013	5
Kedah dan Perlis	Jun 2013	11
Sabah	Oktober & Disember 2013	18
<b>Jumlah</b>		<b>48</b>

A circular progress bar consisting of five concentric rings. The outermost ring is divided into four equal sectors. Two adjacent sectors are filled with a bright green color, while the other two are grey. A horizontal dotted line extends from the right side of the innermost circle, passing through the center of the green segments.

SEKSYEN

**04**

# LAPORAN OPERASI PERNIAGAAN

---

**074** Budaya Prestasi Tinggi

**079** Laporan Pencapaian Operasi 2013

# BUDAYA

## PRESTASI TINGGI



### PEMILIHAN DAN PEREKRUTAN

**Objektif perekрут KWAP adalah untuk merekrut bakat yang berkompetensi terbaik dan mempunyai tahap motivasi bagi menyokong pertumbuhan perniagaan KWAP. Kami percaya bahawa gabungan bakat yang baik dan persekitaran kerja KWAP dapat menyokong pembangunan tenaga kerja sebagai motivasi untuk melakukan yang terbaik.**


Pada tahun 2013, usaha perekрут telah dilakukan secara meluas bagi memenuhi objektif perekрут. Selain daripada bergantung kepada iklan kerja, agensi pengambilan dan rujukan, KWAP juga aktif merekrut bakal-bakal calon melalui media sosial seperti LinkedIn.

Satu lagi inisiatif yang diambil pada tahun 2013 adalah pemeriksaan pengesahan rekrut baharu. Sebagai salah satu daripada keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), Sumber Manusia telah mula memeriksa sejarah kredit dan pengesahan maklumat peribadi atas calon-calon yang disenarai pendek untuk perekruit. Tujuan pemeriksaan ini adalah untuk memastikan bahawa KWAP merekrut bakat yang mempunyai tahap integriti dan profesionalisme yang tinggi.

Pada 31 Disember 2013, jumlah tenaga kerja KWAP adalah sebanyak 207 orang, iaitu peningkatan besar sejak mula ditubuhkan dahulu dengan hanya 26 tenaga kerja.




#### TABURAN TENAGA KERJA MENGIKUT JANTINA



● Umur < 30 ● Umur 31 - 40 ● Umur 41 - 50 ● Umur Melebihi 50

#### TABURAN TENAGA KERJA MENGIKUT KELAYAKAN




● Pasca Sarjana/  
Pemegang CFA

● Ijazah/  
Kelayakan  
Profesional

● Diploma

● Sijil

#### TABURAN TENAGA KERJA MENGIKUT BIDANG KEPAKARAN




● Pelaburan

● Fungsi Sokongan

● Sokongan Operasi

#### PECAHAN ETNIK




● Cina

● India

● Melayu

● Lain-lain

#### TABURAN TENAGA KERJA MENGIKUT JANTINA



● Lelaki ● Perempuan

#### MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN

Bagi tahun 2013, Pengurusan telah memperuntukkan RM1.5 juta khusus untuk inisiatif dan aktiviti latihan dan pembangunan tenaga kerja. Daripada jumlah tersebut, 31% daripada peruntukan latihan tahunan KWAP telah dibelanjakan untuk program Kepimpinan dan Pengurusan, 39% daripada bajet latihan digunakan untuk peringkat Pengurusan Pertengahan dan peruntukan selebihnya digunakan untuk Pengurusan Tertinggi, Pengurusan Tengah dan kakitangan Sokongan.

#### MEMBINA PASUKAN DAN 'WALK HUNT' 2013

Program membina pasukan dianggap sebagai aktiviti "wajib" setiap tahun di kalangan kakitangan KWAP. Selain daripada membina hubungan yang lebih kukuh dan kerjasama yang lebih baik di kalangan tenaga kerja, program tersebut digunakan sebagai suatu platform untuk memberi motivasi kepada tenaga kerja dan memberi semangat baharu untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih baik dengan menanam sikap kerja yang positif, mengukuhkan kepercayaan di kalangan tenaga kerja, merapatkan jurang antara jabatan dan pada masa yang sama menggalakkan semangat kekitaan terhadap organisasi.


Tahun ini, program Membina Pasukan telah membuat sedikit perbezaan dengan memperkenalkan acara baharu iaitu *Walk Hunt*, ianya adalah kombinasi antara mencari harta karun dan *Amazing Race*. Ianya adalah aktiviti berjalan kaki sepanjang 8km disamping menyelesaikan petunjuk dan mencari barang, peserta dikehendaki untuk berjalan 75% daripada masa yang ditetapkan dan bergantung kepada pengangkutan awam untuk baki 25% daripada masa aktiviti tersebut. Ini sebenarnya menguji semua cadangan objektif yang telah ditetapkan untuk keseluruhan acara.

#### KELAS KEMBALI KE ASAS BAHASA INGGERIS


Kelas Kembali ke Asas Bahasa Inggeris telah diperkenalkan sebagai satu program pembangunan untuk tenaga kerja eksekutif dan bukan eksekutif di KWAP. Program yang lebih dikenali sebagai B2B English adalah program latihan dalaman yang direka bentuk, dibangunkan dan disampaikan oleh "Guru Bahasa Inggeris" KWAP sendiri dari Unit Pembelajaran & Pembangunan di Jabatan Sumber Manusia. Peserta dikehendaki untuk menduduki ujian penempatan dipanggil English Diagnostic Test untuk menentukan tahap Bahasa Inggeris mereka. Kelas meliputi asas-asas Bahasa Inggeris iaitu Tatatabahasa, Perbendaharaan Kata dan Penulisan Mudah yang telah dijalankan dalam sesi 2 jam sepanjang 12 minggu. Peserta digredkan berdasarkan latihan mingguan, tugas dan ujian akhir termasuk pembentangan ringkas selama 5 minit.

## 076 BUDAYA PRESTASI TINGGI


HARI LATIHAN MENGIKUT KATEGORI TENAGA KERJA




PERBELANJAAN LATIHAN MENGIKUT KATEGORI TENAGA KERJA



HARI LATIHAN MENGIKUT KATEGORI PROGRAM



PERBELANJAAN LATIHAN MENGIKUT KATEGORI PROGRAM



## BAKAT DAN PENGURUSAN GANJARAN

### PROGRAM KWAP YOUNG TALENT CAREER ACCELERATION

Pasaran kewangan Malaysia menjadi lebih berdaya saing dan berpelbagai dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Dalam usaha untuk kekal berdaya saing, KWAP menitikberatkan pembangunan tenaga kerja melalui Program Perancangan Pewarisan KWAP.


Sebagai salah satu daripada inisiatif Program Perancangan Pewarisan KWAP, Program *KWAP Young Talent Career Acceleration* (KYT-CAP) telah dilancarkan pada tahun 2013 dengan tujuan untuk membentuk tenaga kerja yang serba boleh dan berkemampuan (peringkat eksekutif muda) untuk fungsi atau pakar peningkatan kerjaya serta membentuk kecekapan kepimpinan mereka ke arah berperanan dalam kepimpinan masa hadapan dan kebertanggungjawaban.

Program KYT-CAP menyediakan peluang peningkatan kemahiran berstruktur melalui pelbagai pendekatan dan pendedahan meluas seperti penggiliran kerja dalam organisasi, penglibatan dalam projek-projek dan tugas, penempatan sementara ke organisasi luar, latihan kemahiran insaniah dan fungsi.

Pelan penempatan tenaga kerja berkebolehan adalah berdasarkan kesediaan pekerja dan tahap keupayaan dari segi kepakaran, pengetahuan serta minat mereka dalam bidang masing-masing.

### FOKUS UNTUK MEMBANGUNKAN TENAGA KERJA SERBA BOLEH





#### PERKHIDMATAN DAN OPERASI SUMBER MANUSIA

##### SISTEM MAKLUMAT SUMBER MANUSIA

Sebagai salah satu daripada usaha berterusan untuk menguruskan fungsi sumber manusia dengan cekap dan berkesan, sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia yang sedia ada (HRMIS) telah dinaik taraf pada 2013. Salah satu ciri yang penting dalam penaik tarafan HRMIS tersebut adalah modul eAsset, aplikasi perkhidmatan sendiri baharu untuk kakitangan mengisi dan mengemukakan pengisyrian aset mereka secara atas talian.

# LAPORAN PENCAPAIAN OPERASI 2013

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2013
AKAUN DAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN	<ol style="list-style-type: none"><li><b>Pembayaran melalui Pindahan Dana Elektronik (EFT)</b> Membolehkan KWAP membuat Pindahan Dana Elektronik (EFT) bagi pembayaran berkaitan dengan operasi untuk kecekapan operasi. Hasilnya, proses pembayaran dan penyesuaian bank telah dibuat dengan lebih cepat dan proses pentadbiran berkaitan dengan pengendalian cek secara fizikal telah dikurangkan dengan ketara.</li><li><b>Sistem Pengesanan Aset Tetap</b> Membolehkan KWAP mengesan dan menyelaras setiap aset tetap dengan cekap dan berkesan. Hasilnya, penyelarasan adalah lebih cepat dan pemantauan yang berkesan bagi barang aset tetap KWAP.</li><li><b>Kajian semula Dasar dan Garis Panduan Kewangan (FPG)</b> Membolehkan KWAP menambahbaik Dasar dan Garis Panduan Kewangan (FPG) untuk digunakan oleh semua jabatan dalam KWAP. Hasilnya, semua jabatan berpandukan FPG yang terkini dan dipertingkatkan untuk kecekapan operasi.</li></ol>
<b>PADA MASA AKAN DATANG</b>	
	<ol style="list-style-type: none"><li><b>Kajian Piawaian Prosedur Operasi (SOP)</b> Mengkaji semula semua Piawaian Prosedur Operasi (SOP) bagi tujuan penambahbaikan.</li><li><b>Pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan (FRS)</b> Memulakan pelaksanaan berfasa Piawaian Laporan Kewangan (FRS) untuk KWAP bagi menggantikan piawaian perakaunan Private Entities Reporting Standards (PERS ) yang masih digunakan.</li></ol>

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2013
KUSTODIAN	<p><b>1. Pematuhan, Audit dan Peraturan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 100% pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan.</li> </ul> <p><b>2. Penambahbaikan Proses-Proses Kerja</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengkaji semula proses kerja semasa dan diselaras mengikut amalan terbaik. Aktiviti penambahbaikan termasuk mengkaji struktur jabatan, penggiliran kerja, perbincangan dengan jabatan-jabatan berkaitan, menyemak dan membentang SOP baharu kepada pihak pengurusan.</li> <li>• Mengkaji semula dan mengemaskini Dasar dan Garis Panduan Pelaburan dengan Had Arah Kuasa KWAP.</li> <li>• Bekerjasama dengan kustodian luaran untuk menangani pelbagai isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan dana dan perkhidmatan aset.</li> </ul> <p><b>3. Mesyuarat Dengan Pihak Berkepentingan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membangunkan pelan kesinambungan perniagaan dan berjaya menjalankan pelbagai ujian untuk memastikan operasi kustodian berjalan lancar sekiranya berlaku gangguan / bencana.</li> <li>• Melawat kustodian yang dilantik KWAP - BNY Mellon dan Citibank – dan menjalankan semakan perkhidmatan.</li> <li>• Melawat pengurus dana luaran yang dilantik KWAP untuk memahami operasi pejabat sokongan dan mendapat maklum balas terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh kustodian yang dilantik KWAP.</li> </ul> <p><b>4. Kerjasama dengan kustodian global dan pihak luar berkaitan dari segi pembelajaran dan inisiatif pertumbuhan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dengan kerjasama Jabatan Sumber Manusia, latihan diselaraskan dengan pihak luar seperti BNY Mellon, Citibank, JP Morgan, Deutsche Bank , HSBC , ICBC China, OMGEO dan banyak lagi. Antara lain, latihan meliputi pelbagai topik termasuk hak kustodian dan penyelesaian pelaburan, perakaunan dana, sekuriti pinjaman &amp; pemberian pinjaman, pertukaran matawang asing dan pengurusan tunai.</li> <li>• Menyelaraskan program latihan 2 hari di Citibank Kuala Lumpur berkenaan kustodian, penyelesaian pelaburan, perakaunan dana, pertukaran matawang asing dan pengurusan tunai.</li> </ul> <p><b>5. Pelaburan Antarabangsa KWAP</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuka akaun dalaman dan luaran yang diuruskan KWAP dengan kustodian global di pelbagai pasaran antarabangsa.</li> <li>• Perbincangan dengan kustodian global mengenai peluang-peluang pelaburan di China (Pasaran Pesisiran &amp; Pesisiran Luar). Ia termasuk pemahaman permohonan QFII dan undang-undang dan peraturan-peraturan pasaran di China.</li> <li>• Menjemput kustodian global untuk memberi taklimat kepada jabatan-jabatan KWAP mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan pasaran antarabangsa. Tiga (3) sesi taklimat telah dijalankan meliputi pelbagai pasaran seperti Taiwan, India, Indonesia, Thailand, Australia, Korea Selatan, Brazil, dan lain-lain.</li> <li>• Menghadiri Seminar Khidmat Aset BNY Mellon di Singapura.</li> </ul> <p><b>PADA MASA AKAN DATANG</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan semua operasi kustodian mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan.</li> <li>• Fokus kepada keupayaan pembangunan termasuk penambahbaikan yang berterusan ke atas proses kerja, pemahaman undang-undang dan peraturan-peraturan pasaran dan amalan terbaik pasaran dalam menyediakan perkhidmatan kustodian.</li> <li>• Memperkuuhkan kawalan operasi dan meningkatkan kecekapan dengan memanfaatkan teknologi.</li> <li>• Bekerjasama sesama jabatan dan dengan jabatan-jabatan lain bagi mencapai matlamat yang sama dan hasil yang lumayan.</li> </ul>

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2013
<b>TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menjayakan Latihan Pemulihan Bencana secara langsung meliputi Sistem Bersepadu Pengurusan Dana Pelaburan (IFIMS) dan memperluaskan skop latihan secara langsung untuk memasukkan Sistem Pengurusan Bersepadu Caruman (ICMS) baharu. Tahun ini skop meliputi pengembangan dan pelaksanaan replikasi tepat masa dalam talian untuk pelayan fail. Masa pemulihan pelayan dikurangkan daripada enam (6) jam ke hanya beberapa minit.</li> <li>Peralatan akhir hayat terpilih digantikan dan seni bina rangkaian dipertingkatkan untuk mengurangkan risiko gangguan operasi yang disebabkan oleh kegagalan peralatan legasi (Suis &amp; IPS).</li> <li>Melaksanakan sepenuhnya sistem ICMS dan Risiko Strategi Prestasi (RPS) iaitu “RPS Day 2” yang memberi tumpuan kepada meningkatkan ukuran Prestasi Perniagaan.</li> <li>Membangunkan lebih 20 permintaan dan keperluan perniagaan baharu untuk penukaran dan penambahbaikan sistem untuk pelbagai sistem [IFIMS, ICMS, SAGA (sistem perakaunan), HRMIS (sistem HR), Microsoft SharePoint (portal internet dan intranet)].</li> <li>Melaksanakan kawalan melalui sistem Pengurusan Alat Peranti (MDM), sebagai salah satu amalan Keselamatan dan Tadbir Urus.</li> <li>Melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan telah disyorkan untuk tujuan penganugerahan pensijilan standard ISO/IEC 27001:2005 pada Disember 2013.</li> </ol>
PADA MASA AKAN DATANG	
	<p>Jabatan Teknologi Maklumat (Jabatan IT) akan terus bekerja bersama dengan unit-unit perniagaan untuk melaksanakan sistem automasi dan tambahan untuk meningkatkan kecekapan dan ketepatan operasi.</p> <p>Apabila KWAP memperluaskan kepelbagaiannya dan pasaran serantau, Jabatan IT dan perniagaan akan memulakan projek secara meluas untuk menambah baik Sistem Pengurusan Pelaburan Dana Bersepadu (IFIMS).</p> <p>Di samping itu, Jabatan IT akan bekerjasama dengan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan untuk mengenal pasti dan pelancaran sistem untuk meningkatkan Risiko Kredit. Jabatan IT akan meneroka peluang-peluang untuk menggunakan analisis data bersama-sama dengan semua pengguna perniagaan.</p> <p>Satu lagi projek yang merangkumi seluruh organisasi yang Jabatan IT akan bekerjasama secara rapat dengan Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat akan memulakan adalah menambah baik sistem kolaborasi Microsoft SharePoint untuk meningkatkan kerjasama dan meningkatkan kecekapan dan ketangkasan operasi.</p>

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2013
AUDIT DALAMAN	<p><b>1. Pelan Audit Dalaman Untuk Tahun 2013</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyempurnakan tugas audit mengikut pelan audit dalaman yang telah diluluskan bagi tahun 2013.</li> <li>Memperkuuh tenaga kerja Audit Dalaman untuk memenuhi tugas-tugas audit.</li> <li>Berjaya memasang sistem Audit Command Language (ACL), sebuah sistem komputer teknik audit untuk membantu proses kajian audit.</li> </ul> <p><b>2. Penglibatan Pihak Berkepentingan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengambil bahagian dalam latihan Pemuliharan Bencana KWAP sebagai pemerhati bebas.</li> <li>Membuat lawatan ke bank kustodian KWAP, Citibank di Kuala Lumpur dan Pengurusan Dana Luaran, AmlInvest untuk memahami proses mereka dalam melaksanakan kajian <i>due diligence</i> dengan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan.</li> <li>Mengeluarkan buletin Audit Dalaman untuk semua kakitangan KWAP yang mengandungi artikel berkaitan Tadbir Urus, Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.</li> </ul>
PADA MASA AKAN DATANG	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terus memenuhi dan mencapai Pelan Audit Dalaman bagi tahun 2014.</li> <li>Menyertai inisiatif-inisiatif utama KWAP sebagai pemerhati bebas atau penasihat bagi perkara-perkara berkaitan kawalan dalaman.</li> <li>Terus meningkatkan kecekapan Juruaudit Dalaman dalam bidang Pelaburan Kewangan dan kemahiran pengauditan.</li> </ul>

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2013
<b>PENYELESAIAN PELABURAN</b>	<p>1. Meneruskan usaha untuk menambah baik dan meningkatkan keupayaan RENTAS untuk menyokong pembayaran dan penjelasan antara negeri, dana pelbagai mata wang dan kemudahan penyelesaian sekuriti ke arah pengurangan kos dan memastikan kemuktamadan penyelesaian merentas sempadan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ujian berjaya dilakukan ke atas penyelesaian matawang USD dengan bank penyelesaian yang dilantik</li> <li>• Berjaya menyertai Ujian Menyeluruh Industri Tekanan RENTAS.</li> <li>• Berjaya menguji naik taraf, sambungan dan konfigurasi e-PKI (Pengenalan Kunci Peribadi) dari 1024 bits ke 2048 bits dalam RENTAS/iLink di Pengeluaran dan Pusat Pemulihan Bencana.</li> </ul> <p>2. <b>Kesediaan jabatan untuk pengembangan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa KWAP ke pasaran baru dan juga pengasingan Portfolio Syariah dan bukan Syariah.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan kecekapan dan pengetahuan kakitangan mengenai kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan pasaran antarabangsa dan juga program penempatan dengan organisasi pengurusan aset di luar negara.</li> <li>• Membangunkan SOP baharu untuk Prima Ekuiti (UK) Limited, pelaburan ekuiti antarabangsa (Asia Pasifik Kecuali Jepun Portfolio) dan sekuriti pendapatan tetap antarabangsa.</li> </ul>
<b>PADA MASA AKAN DATANG</b>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan Sistem Patuh SWIFT untuk Pelbagai Mata Wang RENTAS baharu dengan STP Gateway Pelanggan Penuh/Sistem Bahagian Hadapan yang menyediakan keupayaan STP bagi kedua-dua transaksi IFTS dan SSDS. Ia menyediakan penyelesaian pelbagai mata wang dengan OSI (Institusi Penyelesaian Daratan), depositori sekuriti pelbagai mata wang dan juga pautan penyelesaian atas talian masa nyata dengan depositori antarabangsa berpusat sekuriti (ICSD) seperti Euroclear.</li> <li>• Meningkatkan kesediaan jabatan untuk Portfolio baharu KWAP iaitu Pendapatan Tetap Asia, Dana Euro Ekuiti dan Sekuriti Peminjaman &amp; Pinjaman - Perjanjian Belian Balik (SBL - REPO).</li> <li>• Melaksanakan sistem OMGEO, suatu sistem penyelesaian automatik untuk mempercepatkan penjelasan dan penyelesaian perdagangan, penyambungan lancar dan saling beroperasi dengan pihak lain, dan bertindak balas mengikut perubahan keadaan pasaran dan peraturan.</li> <li>• Menyokong pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan (IFRS) dalam organisasi.</li> </ul>

**SEKSYEN**

**05**

# TADBIR URUS KORPORAT

---

**086** Pengurusan Risiko

**102** Penyata Tadbir Urus

**110** Penyata Kawalan Dalamam


# PENGURUSAN RISIKO

## TINJAUAN

Dalam perjalanan untuk mencapai aspirasi seperti yang dinyatakan dalam Misi dan Visi KWAP, ia diperakui bahawa persekitaran perniagaan sentiasa berubah dalam pelbagai bentuk ancaman dan peluang. Dalam apa jua bentuk, KWAP bertekad untuk maju ke hadapan, mengurus ancaman dan merebut peluang-peluang yang bersesuaian untuk menambah dan memelihara nilai. Ini dicapai melalui mekanisme yang berbeza termasuk penggunaan pendekatan “Pengurusan Risiko Menyeluruh (ERM)” yang digunakan dalam suasana strategi secara menyeluruh dalam pengurusan yang direka untuk mengenal pasti peristiwa yang mungkin memberi kesan kepada entiti, dan menguruskan risiko dalam rangkuman risiko sehingga memberikan kepastian berkaitan pencapaian objektif KWAP.

## STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO

Struktur Pengawasan ERM KWAP



Lembaga bertanggungjawab atas pengawasan dan pengurusan risiko KWAP. Melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Lembaga mengekalkan tanggungjawab keseluruhan untuk pengawasan risiko dalam KWAP.

Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko termasuk menyemak dan memastikan kesempurnaan dasar pengurusan risiko dan prosedur pengurusan risiko, mengkaji pendedahan risiko dan memastikan infrastruktur, sumber dan sistem sedia ada dilaksanakan bagi aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

Ahli Lembaga juga disokong oleh Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab untuk memberi penilaian bebas mengenai kecukupan dan kebolehpercayaan proses-proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman, dan juga pematuhan kepada polisi risiko dan keperluan pangawalseliaan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif berfungsi sebagai satu platform di mana semua perkara berkaitan risiko yang dikemukakan oleh unit operasi dan pelaburan dipertimbangkan dan ditangani. Isu-isu tersebut kemudiannya dikemaskini kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko untuk makluman dan keputusan, jika perlu.

Fungsi pengurusan risiko bebas dan risiko kawalan yang berdedikasi, iaitu Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan dan Jabatan Audit Dalaman bertanggungjawab memastikan rangka kerja pengurusan risiko dan dasar-dasar yang diluluskan dilaksanakan dan dipatuhi. Mereka juga bertanggungjawab untuk mengendalikan proses pengurusan risiko dengan unit-unit operasi termasuk mengenalpasti, menilai, mengawal dan memantau.

Di barisan hadapan, unit operasi bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko dalam operasi mereka. Mereka bertanggungjawab untuk memastikan semua aktiviti harian yang dilakukan dalam rangka kerja yang mantap dan mematuhi dasar-dasar, prosedur dan had yang diluluskan.

### RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO & DASAR

Bagi memudahkan pelaksanaan Pengurusan Risiko Menyeluruh, KWAP telah menggunakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh yang disokong oleh Dasar Pengurusan Risiko Menyeluruh. Pendekatan Pengurusan Risiko Menyeluruh adalah sejajar dengan Standard Pengurusan Risiko ISO 31000:2009 dan didokumenkan secukupnya. Berikut adalah struktur bidang utama Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh:



KWAP juga telah membangunkan pengurusan risiko rangka kerja kecil untuk risiko utama, contohnya Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit. Rangka kerja kecil yang dibangunkan secara modular untuk memberi peruntukan saksama bagi pengasingan, kedalaman dan kejelasan risiko utama. KWAP mempunyai fleksibiliti untuk membangunkan rangka kerja kecil baharu bagi menangani risiko-risiko lain, jika perlu. Risiko lain yang tidak dikategorikan risikonya secara meluas (jika ada) ditangani apabila membangunkan profil risiko korporat. Pengurusan risiko tersebut sering dilaksanakan melalui program-program pengurangan risiko yang kemudiannya dilaksanakan dengan sewajarnya oleh KWAP.

## PENGURUSAN RISIKO OPERASI


Risiko operasi adalah risiko kerugian yang timbul daripada proses dalaman yang tidak mencukupi atau gagal, tenaga kerja dan sistem atau peristiwa-peristiwa luaran. Melalui Laporan Kejadian Risiko Operasi, KWAP mampu untuk mengesan dan merakam peristiwa kehilangan atau kejadian yang hampir terjadi yang berlaku di dalam operasi perniagaan KWAP. Ia juga berfungsi sebagai saluran bagi mana-mana jabatan berkaitan untuk bekerjasama berusaha ke arah menangani isu-isu risiko yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang dilaporkan dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan.

Pada tahun 2013, tiada Laporan Kejadian Risiko Operasi dilaporkan yang memberi kesan kerugian operasi KWAP kerana majoriti kejadian telah diperbetulkan secara tepat pada masanya. Laporan Kejadian Risiko Operasi dilaporkan termasuk dalam kategori peristiwa risiko berikut:


1. Pelanggan, produk dan amalan perniagaan
2. Pelaksanaan, penyampaian dan pengurusan proses
3. Gangguan perniagaan dan kegagalan sistem

Dalam menangani Kejadian Risiko Operasi yang dilaporkan, langkah-langkah proaktif telah diambil seperti menjalankan kaji selidik ke atas proses-proses utama untuk memasukkan kawalan baharu dengan peranan yang jelas dan tanggungjawab bagi pihak yang terlibat.

**JUMLAH LAPORAN KAJIAN RISIKO OPERASI YANG DILAPORKAN (TAHAP IMPAK)**



**JUMLAH LAPORAN KAJIAN RISIKO OPERASI YANG DILAPORKAN (JENIS)**



## Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan adalah salah satu keutamaan KWAP. Sepanjang 2013, KWAP telah meneruskan pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dan bahagian yang dikenal pasti di mana penambahbaikan boleh dibuat untuk mengurangkan risiko gangguan operasi yang teruk kepada keupayaan dan kecekapan dalaman.

Salah satu aktiviti utama adalah Latihan Pemulihan Bencana di mana keupayaan KWAP telah diuji untuk memulihkan semula fungsi-fungsi kritikal dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pada tahun 2013, KWAP telah berjaya menjalankan lebih daripada dua (2) komponen utama dan empat (4) komponen khusus semasa latihan pemulihan bencana dijalankan di tapak alternatif yang dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan. Latihan Pemulihan Bencana secara langsung yang dianggap kritikal bagi KWAP telah berjaya di jalankan pada tahun 2013. Latihan yang dijalankan memerlukan fungsi kritikal yang telah dikenalpasti untuk melakukan secara langsung di Pusat Pemulihan Bencana KWAP dan apabila siap dipulih kembali ke pejabat utama di Menara Yayasan Tun Razak. Semasa latihan, tenaga kerja KWAP yang berkhidmat sebagai ahli Pasukan Kesinambungan Perniagaan telah ditugaskan dan digegaskan untuk melaksanakan pemulihan fungsi kritikal dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kejayaan DRE yang dibuat secara langsung adalah satu pencapaian besar bagi KWAP dalam memastikan fungsi yang teguh dan strategi latihan pemulihan bencana yang terkini.

## PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi memainkan peranan yang lebih penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh sifat dan saiz kerugian kewangan dan kehilangan reputasi yang timbul daripada keingkaranaan pematuhan. Pematuhan berfungsi sebagai pihak bebas yang mengenalpasti, menilai, menasihat, memantau dan melaporkan risiko pematuhan termasuk risiko sekatan undang-undang atau peraturan, kerugian kewangan, atau kerugian kepada reputasi organisasi yang berkemungkinan terpaksa ditanggung akibat kegagalan mematuhi semua undang-undang, peraturan-peraturan, kod tatalaku dan piawaian atau amalan yang baik.

Objektif utama pematuhan adalah untuk mengekalkan reputasi KWAP supaya kedudukan kompetitif, reputasi dan nilai bersama bukan sahaja dikekalkan, malah dipertingkatkan. Bagi mencapai matlamat ini, misi asas KWAP adalah untuk mengukur dan mengurus risiko pematuhan organisasi untuk memenuhi keperluan semua pihak berkepentingan dengan berkesan. Risiko Pematuhan dalam KWAP ditakrifkan sebagai risiko gangguan di dalam model perniagaan organisasi, reputasi dan keadaan kewangan daripada kegagalan untuk memenuhi undang-undang dan peraturan-peraturan, dasar dan keperluan pihak yang berkepentingan. Bagi memenuhi keperluan ini, Rangka Kerja Pematuhan

yang telah dilaksanakan pada tahun 2010; di mana ia juga membentuk fungsi pematuhan. Dalam menguruskan pelancaran Rangka Kerja Pematuhan, Pematuhan telah menerima pakai model Tiga Barisan Pertahanan dalam mengurus risiko pematuhan di KWAP.

Tiga barisan model pertahanan telah diterima pakai oleh KWAP untuk rangka kerja kawalan dalam dalam konteks pengurusan risiko, tadbir urus korporat dan pengawasan risiko. Secara fungsi, pengurusan atasan dan barisan hadapan membentuk baris pertahanan pertama terhadap risiko pematuhan. Sebaliknya, mereka adalah orang-orang utama yang bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan bahawa tatacara aktiviti perniagaan mereka yang dilakukan dalam dasar-dasar yang diluluskan. Selain daripada itu, Pegawai Perhubungan Pematuhan telah dilantik di setiap jabatan untuk bertindak sebagai pusat rujukan dalam mana-mana isu-isu ketidakpatuhan dan memastikan bahawa jabatan mereka sentiasa dimaklumkan jika ada pelaksanaan dasar-dasar dan garis panduan. Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan membentuk barisan kedua pertahanan. Fungsi pematuhan mempunyai peranan penting dalam struktur kawalan mereka. Ini termasuk membantu perniagaan untuk menjangka keperluan dasar kawal selia atau polisi dalaman, meneliti dan menilai potensi risiko pematuhan dan memastikan perniagaan peka dalam melaksanakan tanggungjawab secara hari ke hari. Barisan ketiga pertahanan ialah audit dalaman yang menjalankan ulasan *ex-post* bebas dan kerap bagi keseluruhan kawalan dalaman organisasi serta risiko dan pematuhan kepada keperluan pengawalseliaan.

#### **Skop Pematuhan**

##### a) Pematuhan Kawal Selia

Ia meliputi peraturan-peraturan dan garis panduan dimana KWAP terikat untuk mematuhi Akta Parlimen berkaitan, ketetapan Menteri Kewangan dan garis panduan berkaitan dengan badan-badan pengawal seliaan seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Pemilihan pematuhan pengawal seliaan tertakluk kepada unit operasi yang berkaitan pada peringkat transaksi atau operasi, jika terdapat potensi pelanggaran pematuhan hendaklah dikenalpasti terlebih dahulu sebelum ia berlaku. Pendekatan proaktif telah diterima pakai sebagai pengawal seliaan kepatuhan bukanlah suatu pilihan.

##### b) Pematuhan Dalaman

Ini meliputi pematuhan kepada dasar dan garis panduan, sebagai contoh, Dasar dan Garis Panduan Pelaburan, Had Kuasa Budi Bicara dan Piawaian Prosedur Operasi. Pendekatan jabatan dalam memastikan pematuhan dalaman dapat dikekalkan melalui kawalan had risiko dalam sistem pelaburan dan kawalan proses operasi yang diterima pakai dalam Piawaian Prosedur Operasi.

#### **Proses pematuhan**

Aktiviti-aktiviti pematuhan saling berkaitan rapat dengan perkembangan pematuhan di peringkat global, keperluan undang-undang sedia ada serta dasar dan prosedur KWAP. Carta berikut menunjukkan proses pematuhan dan pendekatan am yang diambil dalam pengurusan risiko pematuhan.



#### **Nilai Pematuhan**

Apabila model perniagaan berubah, teknologi baru muncul dan peningkatan kelas asset pelaburan baharu di tengah-tengah tumpuan sengit pada kecekapan operasi, KWAP tidak pernah lebih terdedah kepada apa-apa kepelbagaiannya risiko. Dalam hal ini, Lembaga dan Pengurusan Kanan KWAP telah melanjutkan sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi mengerakkan pematuhan kepada barisan hadapan. Mereka telah melakukan ini dengan mewujudkan nada dari atas, dengan erti kata lain, mematuhi segala peraturan-peraturan dan mengambil kira kelakuan beretika. Semua tenaga kerja KWAP menyedari bahawa Lembaga dan Pengurusan Kanan mesti mengambil pendirian tanpa kompromi jika amanah itu dilanggar. Unit Pematuhan semakin menjadi titik rujukan penting dan penasihat bagi inisiatif strategik utama yang diusahakan KWAP. Penembusan berkesan budaya pematuhan yang betul ke dalam semua unit perniagaan dan operasi telah meningkatkan kehadiran umum penting dan memudahkan lagi pengesahan awal risiko pematuhan. Ini menyebabkan tindakan pengurangan risiko pematuhan yang lebih cepat dijalankan. KWAP mengakui bahawa budaya pematuhan yang kukuh adalah asas bagi amalan pematuhan yang baik dan ia adalah penting dijadikan sifat intrinsik organisasi.

### PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai potensi yang peminjam atau pihak yang gagal untuk memenuhi tanggungjawab kewangan mengikut termasuk yang dipersejuaui. KWAP sebagai pemain aktif dalam pendapatan tetap tempatan dan pasaran wang dengan penglibatan dalam kedua-dua pasaran utama dan sekunder memerlukan dasar risiko kredit yang kukuh untuk menguruskan risiko ini. Amalan terbaik industri dipupuk melalui pengemaskinian dasar dan proses risiko kredit berterusan. Tujuan pengurusan risiko kredit adalah untuk memastikan pendedahan risiko kredit berada di tahap yang boleh diterima pakai dan untuk memastikan pulangan yang bersesuaian dengan risiko yang diambil. Rangka Kerja Risiko Kredit dan Garis Panduan Risiko Kredit telah diperkenalkan pada KWAP untuk memformalkan fungsi risiko kredit yang meliputi pengurusan risiko kredit, penilaian risiko dan pemantauan.

PENGURUSAN RISIKO KREDIT EFEKTIF					
Risiko Portfolio					
Risiko Counterparty	Risiko Penerbit	Risiko Tertumpu	Analisa Kredit	Penilaian Dalaman	Risiko Kredit
Garisan panduan Had Counterparty	Had Penarafan Minima SHP	Penilaian Had Portfolio SHP	Analisa Kuantitatif dan analisa Kualitatif untuk menentukan kelayakan kredit	Model pemarkahan kredit untuk SHP, pinjaman dan counterparty tiada penarafan	Penilaian terhadap SHP dan pinjaman setiap tahun
Pendedahan Pelaburan Kumpulan	Had Penerbit Pemerhatian Penarafan Negatif SHP	Had Portfolio Pinjaman Had Pinjaman Tunggal			


Terdapat beberapa had risiko kredit yang telah dilaksanakan dalam menguruskan pendedahan kredit KWAP seperti yang ditunjukkan seperti yang tertera seterusnya.

Had kredit berstruktur sama ada untuk menyekat pendedahan risiko terhadap kelas aset tertentu atau kelas aset kecil atau menyekat pendedahan untuk satu entiti atau penerbit.


Di samping itu, beberapa langkah telah mencetuskan tindakan pengurusan mengkaji semula kedudukan dan risiko yang diiringi.



### PORTFOLIO PENDAPATAN TETAP PADA 31 DISEMBER 2013



### JENIS ASET DAN SUMBANGAN KEPADA RISIKO




Carta di atas menunjukkan kedudukan KWAP dalam instrumen pendapatan tetap di mana 70.87% adalah dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Bon Kuasi Kerajaan, Perbendaharaan dan Pinjaman yang merupakan instrumen kualiti kredit yang tinggi. Subset menunjukkan pendedahan Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) di mana kualiti kredit purata berwajarnya portfolio adalah AA.

### PENGURUSAN RISIKO PASARAN


Risiko pasaran KWAP berkaitan dengan risiko kerugian yang terhasil daripada perubahan negatif dalam nilai pegangan aset yang timbul daripada pergerakan dalam kadar pasaran atau harga. Carta seterusnya menunjukkan kategori risiko asas di bawah risiko pasaran. Pemandu utama dalam risiko pasaran KWAP terutamanya Risiko Kadar Faedah, Risiko Ekuiti, Risiko Mata Wang dan Risiko Penyebaran Kredit.

Terdapat tiga (3) kelas aset utama yang KWAP melabur termasuk 76.73% risiko yang disumbangkan adalah dari ekuiti, diikuti dengan 19.09% dalam pendapatan tetap dan 4.18% dalam pelaburan alternatif.


### PENGHURAIAH RISIKO PADA DISEMBER 2013




Satu langkah utama Risiko Pasaran yang digunakan dalam KWAP adalah Nilai-pada-Risiko (VaR). KWAP kini mengukur VaR sebagai kerugian yang paling buruk yang mungkin boleh berlaku pada 5% kebarangkalian, sepanjang tempoh perdagangan 10 hari. Secara keseluruhan, VaR KWAP pada purata 1.48% daripada nilai pasaran dana. Dalam erti kata lain, untuk tempoh 2 minggu, terdapat kebarangkalian 95% bahawa KWAP tidak akan hilang lebih daripada 1.48% daripada nilai pasaran dana akibat risiko pasaran.



KWAP juga mengukur ketidaktentuan portfolio, yang didefinisikan sebagai kepelbagaian ramalan perubahan portfolio bagi tempoh masa 1 tahun, berdasarkan 1 Sisihan Piawai (atau kebarangkalian 68%). Secara purata, ketidaktentuan portfolio KWAP adalah  $\pm 4.52\%$ . Model ini meramalkan bahawa portfolio boleh meningkatkan atau mengurangkan nilai sebanyak 4.52% dalam masa satu (1) tahun. Semakin tinggi angkanya, semakin tidak menentu portfolio menjadi, oleh itu nilai portfolio menjadi lebih berisiko.




Analisis kami meningkatkan pemantauan dan pemahaman ketidaktentuan portfolio dengan menambah dengan langkah-langkah pulangan risiko seperti Nisbah Sharpe seperti di carta seterusnya.





Nisbah Sharpe KWAP adalah pada 1.46% pada bulan Disember 2013. Secara keseluruhannya, portfolio KWAP dapat menambah nilai dengan 146 mata atas berbanding kadar bebas risiko 3 bulan KLIBOR.

#### Pendedahan Risiko Ekuiti

Secara purata portfolio ekuiti adalah 34.18% daripada jumlah nilai pasaran. Secara keseluruhan, VaR ekuiti KWAP pada purata 3.74% daripada nilai pasaran portfolio ekuiti, iaitu penurunan portfolio sebanyak 3.74% daripada nilai portfolio dalam tempoh 2 minggu dengan mengandaikan 95% tempoh keyakinan.




*Tracking error* (juga dikenali sebagai risiko aktif) adalah ukuran sisihan daripada tanda aras; dana indeks itu akan mempunyai *tracking error* hampir sifar, manakala portfolio yang diurus secara aktif biasanya akan mempunyai *tracking error* yang lebih tinggi. *Tracking error* bagi portfolio ekuiti KWAP telah menurun sejak awal tahun ini dan berada pada 2.17% pada bulan Disember 2013.




Analisis korelasi adalah langkah pemerhatian pergerakan portfolio dengan penanda aras manakala Beta menganggarkan kuantum pergerakan tersebut.

Korelasi untuk menanda aras (FBM100) adalah agak tinggi bagi keseluruhan tahun dengan purata 0.971 manakala Beta adalah pada purata 0.911. Korelasi dan beta yang terletak hampir kepada 1 menunjukkan bahawa KWAP mempunyai portfolio pertahanan dan adalah kurang ketidaktentuan berbanding penanda aras.



Carta seterusnya menunjukkan pendedahan sektor ekuiti KWAP berbanding indeks FBM100. Pada akhir tahun Disember 2013, sektor utama *overweight* tiga (3) tertinggi adalah produk perindustrian, perladangan dan REIT, manakala sektor utama *underweight* tiga (3) tertinggi adalah perdagangan/perkhidmatan, kewangan dan IPC.




### *Ujian Tekanan ke atas Ekuiti*

KWAP juga menjalankan ujian tekanan untuk portfolio secara berkala pada pelbagai senario berdasarkan kejadian terdahulu dan pada masa hadapan. Keputusan disemak, dianalisis dan dinilai untuk memberi gambaran terhadap kelemahan portfolio.

Berdasarkan senario tekanan berganda yang telah dijalankan, 5 keputusan senario paling teruk telah disusun mengikut magnitud. Senario kes terburuk bagi portfolio ekuiti jika terjadinya kemerosotan magnitud yang sama seperti Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997 akan berlaku sekali lagi. Portfolio berpotensi untuk kehilangan 52.38% daripada nilainya. Magnitud terkecil daripada 5 senario paling teruk adalah potensi Krisis Kewangan Global yang terbaru berulang lagi, iaitu ketika tempoh volatiliti dari bulan Julai 2008 hingga Januari 2009. Ini akan menyebabkan kerugian potensi nilai sebanyak 23.74%

### *Pendedahan Pendapatan Tetap*

Portfolio pendapatan tetap (SKM/IPK dan SHP) adalah 53.60% daripada jumlah nilai pasaran portfolio dan pasaran wang sebanyak 7.31%. Secara keseluruhan, VaR pendapatan tetap KWAP pada purata 1.20% nilai pasaran portfolio pendapatan tetap.




Tempoh perubahan menggunakan konsep kadar faedah dan harga bon yang bergerak dalam arah yang bertentangan. Ia digunakan untuk menentukan kesan perubahan 100 mata asas (1%) dalam kadar faedah ke atas harga portfolio bon.

Secara purata, pegangan KWAP dalam kedua-dua SKM/IPK dan SHP melebihi tempoh perubahan bagi penanda aras masing-masing pada 5.95 berbanding penanda aras Quantshop MGS All Index pada 5.46 dan SHP pada 6.07 berbanding penanda aras Quantshop Corp (Medium) dengan penanda aras 4.42.


Ini bermakna jika kadar berubah dengan kadar 100 mata asas, nilai portfolio akan berubah kira-kira 5.95% untuk SKM dan 5.46% bagi SHP.

Ini juga bermakna pegangan portfolio yang lebih panjang tempohnya adalah lebih sensitif kepada perubahan kadar faedah berbanding penanda aras.

### DOMESTIK BERBANDING PENANDA ARAS DENGAN TEMPOH BERUBAH BAGI SKM & BON QUASI KERAJAAN TAHUN 2013




### DOMESTIK BERBANDING PENANDA ARAS DENGAN TEMPOH BERUBAH BAGI SHP TAHUN 2013




**MGS dan Kuasi - Bon Kerajaan**


Profil kematangan SKM dan Bon Kuasi Kerajaan adalah lebih kepada sederhana (1-3 tahun) dan tempoh matang jangka panjang (>10 tahun), sama dengan baki profil kematangan penanda aras. Sebagai sebuah dana persaraan dengan liabiliti jangka panjang, selera risiko secara beransur-ansur berkembang ke tempoh yang lebih lama, tetapi perhatian juga diberi kepada kadar faedah bergerak dan menyesuaikan strategi secara dinamik.

**KWAP BERBANDING PENANDA ARAS BAGI SKM PADA DISEMBER 2013****Sekuriti Hutang Persendirian (SHP)**

Profil kematangan SHP KWAP condong ke arah sederhana (1-3 tahun) dan tempoh matang jangka panjang (>10 tahun), berbanding dengan baki profil kematangan penanda aras, yang memberi tumpuan kepada 3-5 tahun tempoh matang. Ini bermakna KWAP sebagai dana pencegah mempunyai fokus berbeza tentang profil kematangan pegangan berbanding penanda aras pegangan jangka sederhana.


**KWAP BERBANDING PENANDA ARAS BAGI SHP PADA DISEMBER 2013**

Secara tiga (3) tahun berterus *tracking error* portfolio tetap luaran kekal stabil pada 1.14 and 1.54%.

**JUMLAH TRACKING ERROR BAGI PENDAPATAN TETAP DALAMAN**


### TRACKING ERROR BAGI SHP DAN BUKAN SHP DALAMAN

Tracking Error (%)



### JUMLAH TRACKING ERROR PENDAPATAN TETAP LUARAN

Tracking Error (%)



### Tekanan Ujian Pendapatan Tetap

KWAP juga secara berkala menjalankan ujian tekanan bagi menguji portfolio SKM dan SHP yang diuruskan secara dalaman pada tahun 2013.

Scenario paling buruk bagi SKM adalah kehilangan sebanyak 3.017% daripada nilainya kerana bank-bank pusat seperti Bank Pusat Eropah dan Bank of England mengurangkan lagi kadar faedah mereka dan merangsang ekonomi mereka dengan pelonggaran kuantitatif pada bulan Januari hingga Mac 2013.

Bagi SHP, sekiranya kadar faedah sebanyak 50 mata asas dan 100 mata asas adalah selari, portfolio ini mungkin mengalami kerugian sebanyak 2.92% ke 5.76%.

### Pelaburan Alternatif

Pelaburan KWAP dalam hartanah antarabangsa adalah di Australia dan United Kingdom. Pelaburan ini bersifat jangka panjang dengan tujuan utama untuk mendapatkan aliran pendapatan sewaan. Risiko berkaitan dengan kepelbagaiannya dan kematangan perjanjian pajakan dan dikurangkan melalui pengurusan harta secara aktif.

### Hartanah (Antarabangsa)

Pendedahan pelaburan kami dalam harta tanah antarabangsa di Australia dan United Kingdom. Hartanah tersebut dilaburkan terutamanya untuk meraih hasil sewaan dan adalah bersifat jangka panjang, oleh itu risiko ini berstruktur berbanding dengan urus niaga. Selain terdedah kepada pergerakan dalam harga harta tanah, pengurusan pajakan sewaan adalah penting untuk mengekalkan aliran pendapatan yang stabil.

### Dana Ekuiti Persendirian (Domestik dan Antarabangsa), dan Pelaburan Langsung (Domestik)

Pada Disember 2013, KWAP mempunyai 0.82% pendedahan dalam dana ekuiti persendirian dan ekuiti persendirian, di mana 0.38% daripada jumlah dana ekuiti persendirian dilaburkan dalam mata wang asing.

Pengurusan risiko dana ekuiti persendirian biasanya tertumpu kepada penilaian sebelum pelantikan pengurus dana dan strategi pelaburan mereka, dengan mengambil kira strategi ekuiti persendirian kami dan sasaran kematangan. Aktiviti selepas pelantikan tertumpu kepada pengurusan risiko operasi dan pemantauan dana itu sendiri dan potensi risiko untuk kemungkinan terjadinya hapus kira atau kerugian.


### Produk Derivatif dan Berstruktur

Pelbagai kontrak derivatif juga digunakan untuk mengurus pendedahan risiko pasaran. Pada tahun 2013, 0.97% daripada jumlah dana yang pada 30 Disember 2013 yang dilaburkan dalam instrumen Julat Akruan.


Beliau kini bertugas sepenuh masa di Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Terengganu. Jawatan yang disandang oleh beliau dalam majlis ialah sebagai Penolong Pegawai Tadbir (T).

Selain menyandang jawatan Presiden CUEPACS, beliau juga merupakan Ahli Majlis Kongres CUEPACS, Naib Pengurus, MBK Am/Sokongan, Wakil CUEPACS dalam NLAC, Kementerian Sumber Manusia. Selain dari CUEPACS, beliau juga memegang jawatan Presiden ANULAE sejak tahun 2007.





**ENCIK WAN KAMARUZAMAN BIN WAN AHMAD**

*Ketua Pegawai Eksekutif*

*Ex-Officio (Dilantik berkuatkuasa 2 Mei 2013)*

Encik Wan Kamaruzaman telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada 2 Mei 2013. Beliau kini merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah i-VCAP Management Sdn Bhd dan memegang jawatan pengarah dalam Valuecap Sdn Bhd, Malakoff Corporation Berhad dan anak syarikat KWAP di London, Prima Ekuiti (UK) Limited.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus Besar, Jabatan Perbendaharaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejak Oktober 2007. Beliau memulakan kerjaya di Malayan Banking Berhad sejak 1981, kebanyakannya di Jabatan Perbendaharaan dengan dua penempatan di luar negara di Hamburg, Jerman sebagai Ketua Peniaga dan Pengurus Perbendaharaan di London, United Kingdom. Selepas meninggalkan Maybank, Encik Wan Kamaruzaman berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah dengan beberapa syarikat dalam Kumpulan Affin.

Encik Wan Kamaruzaman memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dalam bidang Analisis Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.

## ENCIK CHEAH TEIK SENG

*Wakil Sektor Swasta*

*(Terma berakhir 1 Mac 2013)*

Encik Cheah Teik Seng telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010.

Beliau adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Malayan Banking Berhad dan juga kini merupakan pengarah di dalam syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengurus Mayban Ventures Sdn Bhd, Mayban-JAIC Capital Management Sdn Bhd, Mayban Ventures Capital Company Sdn Bhd, Mayban Agro Fund Sdn Bhd, Mayban-JAIC Management Ltd serta Pengarah Maybank Investment Bank Berhad.

Beliau juga merupakan Pengarah beberapa syarikat ekuiti persendirian di Hong Kong, China dan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dua dana lindung nilai.





**DATO' HAJI OMAR BIN HAJI OSMAN**

*Wakil Pencarum*

*(Bersara pada 19 Disember 2013)*

Dato' Haji Omar bin Osman telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2013.

Beliau sebelum ini merupakan Presiden CUEPACS sehingga persaraan beliau pada 19 Disember 2013.

## DATO' AZIAN MOHD NOH

*Ketua Pegawai Eksekutif*

*Ex-Officio*

(Bersara pada 19 Mac 2013)

Dato' Azian Mohd Noh telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP sejak ianya diperbadankan pada tahun 2007 dan telah bersara pada 19 Mac 2013.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dengan pengkhususan dalam jurusan Perakaunan dari Universiti Malaya dan Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat.



## PANEL PELABURAN: AHLI DAN PROFIL



### TAN SRI DR MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH

*Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan  
Pengerusi*

Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah telah dilantik semula sebagai Pengerusi Lembaga dan Panel Pelaburan pada 1 Mac 2013.



### CIK CHE ZAKIAH BINTI CHE DIN

*Wakil Bank Negara Malaysia*

Cik Che Zakiah binti Che Din telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2013.

Beliau kini merupakan Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, Bank Negara Malaysia. Sebelum ini, beliau adalah Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Peraturan Institusi Kewangan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.



### **PUAN SITI ZAUYAH BINTI MOHD DESA**

*Wakil Kementerian Kewangan  
(Dilantik pada 1 Mac 2013)*

Puan Siti Zauyah Md Desa telah dilantik sebagai Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2013.

Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Modal dan Aktuari, Kementerian Kewangan. Beliau kini ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, Malaysia Debt Ventures Berhad, Johor Corporation, Amanah Raya Berhad dan Syarikat Prasarana Negara Berhad. Beliau berkhidmat dengan Kementerian Kewangan selama 23 tahun dalam pelbagai jawatan sejak tahun 1989 seperti Timbalan Setiausaha (Ekonomi), Pelaburan, MOF (Inc) & Penswastaan; Timbalan Setiausaha (Infrastruktur), Pelaburan, MOF (Inc) & Penswastaan; Ketua Seksyen (Pembiayaan Luar), Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan & Aktuari dan Ketua Penolong Setiausaha (Unit Multilateral), Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan & Aktuari. Beliau juga merupakan Penasihat dan Sekretariat untuk delegasi Malaysia ke tugas antarabangsa dari tahun 1998 hingga 2007; Penasihat Pengarah di Bank Pembangunan Asia, Manila dari 2003 hingga 2006 dan Penasihat Khas bagi perkara-perkara IDB Islamik Perdagangan Pembiayaan Perbadanan daripada 2007 hingga 2008.

Beliau berkelulusan MBA Perbankan Antarabangsa (Senarai Lembaga Pengarah) dari University of Manchester, United Kingdom , BSc (Hons) Ukur Bahan dari University of Reading, United Kingdom dan GCE 'Tahap Satu' dari Aston College, Wrexham, Wales, UK. Beliau juga memiliki Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).



### **DATO' MOHAMMED AZLAN BIN HASHIM**

*Wakil Sektor Swasta*

Dato' Mohammed Azlan bin Hashim dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Mac 2013.

Beliau merupakan Pengurus D & O Green Technologies Berhad, SILK Holdings Berhad dan pengarah IHH Healthcare dan Scomi Group Berhad. Beliau turut merupakan ahli Lembaga Pengarah dalam pelbagai organisasi kerajaan dan pertubuhan berkaitan bukan kerajaan termasuk Khazanah Nasional Berhad dan Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Panel Pelaburan KWSP.

Dato' Azlan memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Monash University, Australia dan berkelayakan sebagai Akauntan Bertauliah (Australia). Beliau adalah seorang Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants, Australia, Ahli Malaysian Institute of Accountants, Fellow Institut Pengarah Malaysia, Fellow Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators dan Ahli Kehormat Institut Juruaudit Dalam Malaysia.



### **ENCIK CHEAH TEK KUANG**

*Wakil Sektor Swasta*

Encik Cheah Tek Kuang dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2013.

Beliau kini merupakan Timbalan Pengerusi dan Pengerusi bukan eksekutif AmBank (M) Berhad, Amlnvestment Bank dan Amlslamic Bank Berhad. Beliau juga memegang jawatan ahli Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad, IOI Corporation Berhad.UMW Oil & Gas Corporation Berhad, AmFraser International Pte Ltd Singapore, AmFraser Securities Pte Ltd Singapore, PT AmCapital Indonesia serta Pengerusi Berjaya Sports Toto Bhd. Beliau juga merupakan Pengerusi Silih Ganti Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya.



### **DATUK ABDUL FARID BIN ALIAS**

*Wakil Sektor Swasta*

*(Dilantik pada 1 Oktober 2013)*

Datuk Abdul Farid bin Alias telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Oktober 2013.

Beliau kini adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, berkuat kuasa 2 Ogos 2013. Beliau memulakan kerjaya dalam Kumpulan Maybank dalam Aseambankers pada tahun 1992 dan memperluaskan kerjayanya dalam perbankan pelaburan dan pasaran modal dengan institusi multinasional seperti Schroders dan JP Morgan, dan juga dengan Malaysian International Merchant Bankers dan Khazanah Nasional Berhad, sebagai Pelaburan Pengarah dari 2005 hingga 2008 untuk Khazanah Nasional Berhad. Sejak menyertai semula Maybank pada 1 Januari 2010, beliau telah memegang jawatan sebagai Ketua Perniagaan Antarabangsa dan kemudiannya Timbalan Presiden dan Ketua Perbankan Global (sebelum ini dikenali sebagai Perbankan Borong Global).

Beliau berkelulusan dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat pada tahun 1990 dengan Ijazah B.Sc dalam Perakaunan dari Universiti Denver, Amerika Syarikat pada tahun 1991 dengan MBA dalam Kewangan. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan Harvard Business School pada tahun 2013.



### **ENCIK WAN KAMARUZAMAN BIN WAN AHMAD**

*Ketua Pegawai Eksekutif*

*Setiausaha*

*(Dilantik berkuatkuasa 2 Mei 2013)*

Encik Wan Kamaruzaman telah dilantik sebagai setiausaha Panel Pelaburan pada 2 Mei 2013.



### **DATUK NOZIRAH BINTI BAHARI**

*Wakil Kementerian Kewangan*

*(Terma berakhir pada 28 Februari 2013)*

Datuk Nozirah binti Bahari telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010.

Beliau adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kewangan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dalam Pengajian Bandar dari Universiti Sains Malaysia dan telah menghadiri beberapa kursus pengurusan kanan seperti Program Pembangunan Kepimpinan Global yang dianjurkan oleh International Centre of Leadership in Finance (ICLIF) dan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Amerika Syarikat.



**DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR**

*Wakil Sektor Swasta*

*(Letak Jawatan pada 4 Mei 2013)*

Dato' Sri Abdul Wahid Omar telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2013.

Beliau telah meletak jawatan pada 4 Mei 2013 selepas pelantikan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



**DATO' AZIAN MOHD NOH**

*Ketua Pegawai Eksekutif*

*Setiausaha*

*(Bersara pada 19 Mac 2013)*

Dato' Azian binti Mohd telah dilantik sebagai setiausaha Panel Pelaburan sejak ianya diperbadankan pada tahun 2007 dan telah bersara pada 19 Mac 2013.

# JAWATANKUASA LEMBAGA: AHLI DAN PROFIL

## JAWATANKUASA AUDIT



dari kiri ke kanan

Dato' Azmi bin Abdullah (Pengerusi), Dato' Sri Idrus bin Harun, Dato' Siow Kim Lun, Dato' Dr. Gan Wee Beng

## JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO



dari kiri ke kanan

Dato' Muhammad bin Ibrahim (Pengerusi), Dato' Siow Kim Lun, Dato' Mohammed Azlan bin Hashim, Dato' Dr. Gan Wee Beng,  
Encik Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad


**JAWATANKUASA IMBUHAN****dari kiri ke kanan**

Dato' Sri Idrus bin Harun (Pengerusi), Dato' Siow Kim Lun, Dato' Mohammed Azlan bin Hashim, Encik Cheah Tek Kuang, Dato' Haji Omar bin Haji Osman, Encik Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad

**JAWATANKUASA PEROLEHAN****dari kiri ke kanan**

Dato' Mat Noor bin Nawi (Pengerusi), Dato' Sri Idrus bin Harun, Dato' Yeow Chin Kiong, Encik Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad

# CARTA ORGANISASI



# JAWATANKUASA EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL



dari kiri ke kanan

- |   |  |  |
|---|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1. Ahmad Norhisham bin Hassan</b><br/>Ketua Pegawai Pelaburan</li> <li><b>2. Nik Amlizan binti Mohamed</b><br/>Pengarah Jabatan Ekuiti</li> <li><b>3. Zalman bin Ismail</b><br/>Pengarah Jabatan Pelaburan Alternatif</li> <li><b>4. Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad</b><br/>Ketua Pegawai Eksekutif</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li><b>5. Nazaiful Affendi bin Zainal Abidin</b><br/>Pengarah Jabatan Strategi Portfolio</li> <li><b>6. Khairul Azwa bin Kamalul Bahrin</b><br/>Pengarah Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan</li> <li><b>7. Tursina binti Yaacob</b><br/>Pengarah Jabatan Penyelidikan</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li><b>8. Ambalagam R. Marappan</b><br/>Pengarah Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan</li> <li><b>9. Md. Saffi bin Nadzir</b><br/>Pengarah Jabatan Caruman</li> <li><b>10. Tai Kim Fong</b><br/>Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat</li> </ol> |
|---|--|--|

## JAWATANKUASA PELABURAN DAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH: AHLI DAN PROFIL

### JAWATANKUASA PELABURAN

1. Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad
2. Ahmad Norhisham bin Hassan
3. Nik Amlizan binti Mohamed
4. Zalman bin Ismail
5. Khairul Azwa bin Kamalul Bahrin
6. Nazaiful Affendi bin Zainal Abidin

### JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO MENYERULUH

1. Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad
2. Ahmad Norhisham bin Hassan
3. Md. Saffi bin Nadzir
4. Nik Amlizan binti Mohamed
5. Tursina binti Yaacob
6. Nazaiful Affendi bin Zainal Abidin
7. Khairul Azwa bin Kamalul Bahrin
8. Tai Kim Fong

# KAKITANGAN UTAMA

## NAMA PENUH:

Ahmad Norhisham bin Hassan

## JAWATAN:

Ketua Pegawai Pelaburan

## JABATAN:

Pejabat Korporat

## TANGGUNGJAWAB:

Bertanggungjawab membangunkan strategi pelaburan.

## PENGALAMAN BEKERJA:

Beliau mempunyai lebih daripada dua puluh tahun pengalaman dalam pendapatan tetap. Sebelum menyertai KWAP, beliau berpengalaman dalam perbendaharaan di bank tempatan dan KWSP. Jawatan terakhir beliau adalah Pengurus Pasaran Modal Hutang di Hong Leong Islamic Bank Berhad.

Menjadi penceramah dalam persidangan tempatan dan antarabangsa.

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:

Sarjana (Kewangan), Western Michigan University, Amerika Syarikat.

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Western Michigan University, Amerika Syarikat.

## KEAHLIAN JAWATANKUASA / PELANTIKAN:

Lembaga Pengarah untuk Jambatan Kedua Sdn. Bhd.

Ahli bersekutu Persatuan Pasaran Kewangan (ACI - Malaysia)

Ahli bersekutu HBSACM (Alumni Harvard Business School Club Malaysia)

## NAMA PENUH:

Md Saffi bin Nadzir (K.M.N)

## JAWATAN:

Pengarah

## JABATAN:

Jabatan Caruman

## TANGGUNGJAWAB:

Bertanggungjawab meningkatkan saiz dana dengan memaksimumkan penerimaan caruman dan menguatkuasakan pematuhan kepada Akta Pencen yang berkaitan.

## PENGALAMAN BEKERJA:

Beliau mempunyai lebih dua puluh lima tahun pengalaman sebagai akauntan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat dalam beberapa jabatan kerajaan dan Badan Berkanun.

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:

Sarjana, Pentadbiran Perniagaan Universiti Utara Malaysia

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan, Universiti Teknologi MARA

## KEAHLIAN JAWATANKUASA / PELANTIKAN:

Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia

## NAMA PENUH:

Nik Amlizan binti Mohamed

## JAWATAN:

Pengarah

## JABATAN:

Jabatan Ekuiti

## TANGGUNGJAWAB:

Bertanggungjawab merangka strategi untuk memaksimumkan pulangan bagi pelaburan ekuiti dalam parameter risiko yang diberi dan menerajui penubuhan subsidiari KWAP - Prima Ekuiti (UK) Limited di London.

## PENGALAMAN BEKERJA:

Mempunyai dua puluh tahun pengalaman dalam pasaran ekuiti. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat di bank-bank tempatan dan jawatan terakhir beliau adalah Ketua Jabatan Ekuiti di RHB Asset Management Sdn. Bhd.

Menjadi penceramah dalam persidangan tempatan dan antarabangsa.

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:

Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi, Claremont McKenna College, Amerika Syarikat.

## KEAHLIAN JAWATANKUASA / PELANTIKAN:

Ahli Lembaga Pengarah Valuecap Sdn. Bhd.

Ahli Jawatankuasa Pelaburan iVCAP Management Sdn. Bhd.

Ahli Lembaga Prima Ekuiti (UK) Limited

**NAMA PENUH:**

Zalman bin Ismail

**JAWATAN:**

Pengarah

**JABATAN:**

Jabatan Pelaburan Alternatif

**TANGGUNGJAWAB:**

Bertanggungjawab memaksimumkan pulangan jangka panjang melalui pelaburan dalam ekuiti persendirian dan harta tanah tempatan dan luar negara.

**PENGALAMAN BEKERJA:**

Mempunyai sembilan belas tahun pengalaman dalam penarafan kredit, pembangunan penyelidikan ekuiti dan perniagaan harta tanah, kesihatan dan industri komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Strategi dan Pembangunan Perniagaan untuk Sime Darby Property Berhad. Beliau juga adalah Ketua Pengurusan Nilai dan Ketua Perhubungan Pelabur bagi Kumpulan Sime Darby.

**LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:**

Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Kewangan (Kepujian: Magna Cum Laude), Eastern Michigan University, Amerika Syarikat.

**KEAHLIAN JAWATANKUASA / PELANTIKAN:**

Tiada

**NAMA PENUH:**

Tursina binti Yaacob

**JAWATAN:**

Pengarah

**JABATAN:**

Jabatan Penyelidikan

**TANGGUNGJAWAB:**

Bertanggungjawab mengetuai penganalisis ekuiti dalam penilaian syarikat dan sektor untuk mengenal pasti peluang pelaburan serta menyokong keputusan alokasi aset dan pembinaan portfolio.

**PENGALAMAN BEKERJA:**

Mempunyai lebih daripada lima belas tahun pengalaman sebagai Penganalisa Penyelidikan bahagian jualan meliputi pelbagai sektor di landskap global serta Malaysia. Sektor pengkhususan termasuk minyak & gas, utiliti, telekomunikasi, produk pengguna, automotif, komoditi dan industri kewangan Islam.

Menjadi penceramah dan ahli panel di persidangan tempatan dan antarabangsa, seminar dan forum mengenai topik-topik yang berkaitan dengan ekonomi global dan pelbagai aspek industri Islam.

**LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:**

Menghabiskan Program Profesional Kewangan Islam Bertaullah di INCEIF.

Sarjana (Pengurusan Strategik), Universiti Teknologi Malaysia.

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi Kewangan, Coventry University, UK.

**KEAHLIAN JAWATANKUASA / PELANTIKAN:**

Tiada

**NAMA PENUH:**

Nazaiful Affendi bin Zainal Abidin

**JAWATAN:**

Pengarah

**JABATAN:**

Jabatan Strategi Portfolio

**TANGGUNGJAWAB:**

Bertanggungjawab membentuk, mengkaji dan menyelia Alokasi Aset Strategik KWAP dan membantu Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pegawai Pelaburan dalam menyelidik, membangun dan mencadangkan tahap strategi dana pelaburan yang berkait rapat untuk mengoptimumkan pulangan KWAP dan pengimbangan risiko mengambil kira faktor-faktor kuantitatif, kualitatif dan makro-ekonomi.

**PENGALAMAN BEKERJA:**

Mempunyai lebih tujuh belas tahun pengalaman dalam pasaran modal termasuk peranan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pendedahan dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau bekerja dengan Suruhanjaya Sekuriti berikutnya tugas awal dengan beberapa institusi, swasta dan berkaitan kerajaan, termasuk konglomerat multinasional serta bank pelaburan tempatan.

Sebelum menjawat jawatan sekarang, beliau berkhidmat sebagai pakar ekonomi KWAP.

Menjadi penceramah dalam persidangan tempatan dan antarabangsa.

**LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:**

Menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan Ke-4 ASEAN yang diadakan pada bulan Jun dan Julai 2011.

Sarjana Kewangan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Kewangan / Ekonomi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

**KEAHLIAN JAWATANKUASA / PELANTIKAN:**

Tiada

**NAMA PENUH:**

Khairul Azwa bin Kamalul Bahrin

**JAWATAN:**

Pengarah

**JABATAN:**

Jabatan Pengurusan Risiko & Pematuhan

**TANGGUNGJAWAB:**

Bertanggungjawab dalam Pengurusan Risiko merangkumi Risiko Pelaburan, Risiko Operasi, Kesinambungan Perniagaan dan Pematuhan.

**PENGALAMAN BEKERJA:**

Beliau mempunyai lebih dua puluh tahun pengalaman dalam pengurusan risiko dan perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau mengamalkan pengurusan risiko dalam pelaburan beberapa bank komersial tempatan dan asing. Sebelum mendalami pengurusan risiko pada awal kerjayanya, beliau menimba pengalaman berharga sebagai peniaga mata wang proprietari semasa Krisis Kewangan Asia.

Beliau juga mewakili KWAP sebagai penceramah dalam persidangan tempatan dan antarabangsa.

**LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:**

Sarjana Pengurusan, University of Wales, Cardiff, UK

Ijazah LL.B (Kepujian), University of Liverpool, UK

Pengurus Risiko Kewangan (FRM), Persatuan Profesional Risiko Global

**KEAHLIAN JAWATANKUASA / PELANTIKAN:**

Tiada

## 140 KAKITANGAN UTAMA

**NAMA PENUH:**

Tai Kim Fong

**JAWATAN:**

Pengarah

**JABATAN:**

Teknologi Maklumat

**TANGGUNGJAWAB:**

Bertanggungjawab merangka strategi kepimpinan dan pengurusan fungsi Teknologi Maklumat (IT) KWAP untuk menyokong keperluan perniagaan.

**PENGALAMAN BEKERJA:**

Beliau mempunyai lebih dua puluh lima tahun pengalaman IT dalam Industri Kewangan. Pengalaman beliau termasuk pelan strategik IT, infrastruktur dan pembangunan Pemulihan Bencana. Sebelum menyertai KWAP, beliau adalah Ketua Kumpulan IT di MIDF Berhad.

Menjadi penceramah dalam persidangan tempatan.

**LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:**

Pakar Bertauliah Kesanimbungan Perniagaan (BCM Institute).

Associate Malaysian Alliance of Corporate Directors (MACD).

COBIT Foundation.

Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Komputer & Ekonomi) Iowa State University, Amerika Syarikat.

**KEAHLIAN JAWATANKUASA / PELANTIKAN:**

Tiada

**NAMA PENUH:**

Ambalagam R. Marappan

**JAWATAN:**

Pengarah

**JABATAN:**

Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan

**TANGGUNGJAWAB:**

Bertanggungjawab memastikan perancangan yang berkesan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti KWAP dari segi pentadbiran, kewangan dan perakaunan dan menyediakan laporan tepat pada masa untuk pihak berkuasa berkaitan

**PENGALAMAN BEKERJA:**

Beliau mempunyai lebih tiga puluh tahun pengalaman sebagai akauntan. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat dalam beberapa bahagian dan cawangan di Jabatan Akauntan Negara sekitar semenanjung Malaysia.

**LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:**

Sarjana (Kewangan dan Pengajian Antarabangsa), Universiti Malaya.

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Perakaunan, Universiti Malaya.

**KEAHLIAN JAWATANKUASA / PELANTIKAN:**

Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.


Ahli bersekutu HBSACM (Alumni Harvard Business School Club Malaysia)

No.	Nama	Jawatan	Pencapaian Akademik
<b>EKUTI</b>			
1	Nozaimi Mohd Nasir	Naib Presiden	Bachelor of Accountancy, University of Exeter, UK
2	Muzafar Ibrahim bin Abdul Muttalip	Naib Presiden	Bachelor of Accountancy (Hons), MARA Institute of Technology Certificate of Company Secretarial Practice, IUB Chartered Accountant, Malaysian Institute of Accountants (MIA)
3	Mohamad Shafik b. Badaruddin	Naib Presiden	MBA (Finance), Graduate School of Management, Universiti Putra Malaysia B.A. (Hons) Syariah & Economics, University of Malaya
4	Mohd Isa bin Ibrahim	Naib Presiden	MBA Applied Finance & Investment, Universiti Kebangsaan Malaysia BBA Finance, Universiti Teknologi MARA
<b>PENJELASAN PELABURAN</b>			
1	Dr. Amirah Muhammad Nor	Naib Presiden	PhD, Universiti Teknologi MARA, MBA (Accountancy), University of Malaya Advanced Diploma in Accountancy, MARA Institute of Technology Chartered Accountant, Malaysian Institute of Accountant (MIA)
<b>SUMBER MANUSIA</b>			
1	Siti Ilmiah Ramli	Naib Presiden	LL.B (Hons), University of London, CLP
<b>PRETASI PERNIAGAAN</b>			
1	Azizan Abdul Rahman	Naib Presiden	Bachelor Science in Business Administration, University of Hartford
<b>PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN</b>			
1	Muhamad Hafiz Abas	Naib Presiden	Master in Business Administration (Finance), IIUM, Bachelor Science in Business Administration (Finance & Economics), New York University
<b>AUDIT DALAMAN</b>			
1	Shariz Puteh	Naib Presiden	Bachelor of Arts (Accounting & Finance), Essex University, UK

142 **KAKITANGAN UTAMA**

No.	Nama	Jawatan	Pencapaian Akademik
<b>PENDAPATAN TETAP</b>			
1	Ahmad Zahir Mohd Tabri	Naib Presiden	Bachelor Science of Business Administration (Management Science), University of Illinois at Urbana-Champaign
2	Md Hayrani bin Mireso	Naib Presiden	MBA (Finance), International Islamic University Malaysia B.A. (Hons) Accounting, Universiti Kebangsaan Malaysia Chartered Accountant, Malaysian Institute of Accountant (MIA)
3	A.Fadil bin Abdul Majid	Naib Presiden	B.A. (Hons) Accounting, IIUM Chartered Accountant, Malaysian Institute of Accountant (MIA)
4	Afizah binti Mustafa	Naib Presiden	MBA, Universiti Utara Malaysia B.Acct (Hons), Universiti Utara Malaysia Chartered Accountant, Malaysian Institute of Accountant (MIA)
<b>CARUMAN</b>			
1	Mazrina Mohd Mokhtar	Naib Presiden	LLB Law, Polytechnic of East London
<b>AKAUN DAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN</b>			
1	Najihah Mohamed Norwi	Naib Presiden	CPA Australia Bachelor of Business (Accounting and Finance), Monash University Caulfield Campus
2	Tan Mee Choo	Naib Presiden	B.A. (Hons) Accountancy, University of Malaya
<b>PELABURAN ALTERNATIF</b>			
1	Norani Mustapha	Naib Presiden	Master of Real Estate, University of Malaya, Bachelor Science (Hons) in Estate Management, Northumbria University at Newcastle
2	Saifulbahri Hassan	Naib Presiden	Master of Management, IIUM, Bachelor of Arts (Economics), University of Missouri-Kansas City, USA
<b>STRATEGIK PORTFOLIO</b>			
1	Addy Zulkifly bin Suhut	Naib Presiden	MBA (Finance), International Islamic University Malaysia B.Sc Economics, University of London
2	Sendi anak Tan	Naib Presiden	CFA, Level 1 B.Sc Economics, London School of Economics, UK

No.	Nama	Jawatan	Pencapaian Akademik
<b>UNDANG-UNDANG DAN KESETIAUSAHAAN</b>			
1	Azlida Mazni binti Arshad	Naib Presiden	LLB (Hons) IIUM
<b>TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>			
1	Abdul Razak bin Jabar	Naib Presiden	Bachelor of Information Technology (Information Systems), Charles Sturt University
2	Ng Soh Khin	Naib Presiden	Bachelor of Computer Science, Universiti Putra Malaysia. Certified member of PMP
<b>PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN KORPORAT</b>			
1	Ismail bin Zakaria	Naib Presiden	Bachelor of Commerce (Accounts & Finance), University of New South Wales
2	Kamariah binti Ghazali	Naib Presiden	Master in Accountancy, Oklahoma City, US; Bachelor Degree in Accountancy (Hons), UiTM
<b>PRIMA EKUITI (UK) LIMITED</b>			
1	Mushida Muhammad	Naib Presiden	Bachelor of Science in Business Administration (Accounting), The California State University, American Associate Degree, Midwest University Consortium International Association



**SEKSYEN**

**07**

A circular graphic featuring a central white circle with the text "SEKSYEN" at the top and "07" below it in large, bold, black font. This central circle is surrounded by five concentric rings. The innermost ring is light pink, while the other four are shades of grey. Several segments in the pink and grey rings are highlighted in a darker shade, creating a segmented effect. A horizontal dotted line extends from the right side of the central circle.

# BERKONGSI NILAI BERSAMA

---

**146** Tanggungjawab Sosial Korporat

**152** Coretan Impian

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Di KWAP, ia adalah satu komitmen asas untuk sentiasa beretika dalam segala perlaksanaan semasa menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, selain untuk meningkatkan kualiti hidup tenaga kerja, keluarga mereka dan masyarakat.

Pada tahun 2013, Tanggungjawab Sosial Korporat menggabungkan elemen-elemen penting di dalam organisasi KWAP termasuk kesihatan dan kesejahteraan pekerja, usaha-usaha kebajikan dan juga alam sekitar.

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab, inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat perlu aktif dalam empat bidang utama - tempat kerja, pasaran, komuniti dan alam sekitar. Inisiatif tanggungjawab sosial korporat yang telah dijalankan selaras dengan slogan Tanggungjawab Sosial Korporat KWAP, "Perkongsian Nilai Kami", dimana kami percaya bahawa bagi memupuk dunia yang lebih baik, perlulah bermula dari usaha setiap individu dan juga secara kolektif.





KWAP melihat Tanggungjawab Sosial Korporat sebagai tanggungjawab organisasi terhadap masyarakat dan alam sekitar.

## **TANGGUNGJAWAB KEPADA PASARAN**

### **SUMBANGAN ARTIKEL**

Tenaga kerja KWAP terus membantu dalam meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap ekonomi dan pelaburan. Akhbar *The Edge Financial Daily* telah memaparkan artikel yang bertajuk *Long Live Equities* oleh Taufiq Iskandar Jamingan, dan *Vulnerability of Sovereign Immunity* yang ditulis oleh A. Fadil Abdul Majid.

KWAP akan terus berkongsi pengetahuan dengan orang ramai dengan menyumbang lebih banyak artikel untuk penerbitan perniagaan utama atau saluran media lain.

### **PENCERAMAH JEMPUTAN KURSUS PERANCANGAN PERSARAAN DI MBPJ**

Pada bulan Mei, Afizah Mustapha dari Jabatan Pendapatan Tetap KWAP telah dijemput oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sebagai penceramah jemputan untuk dua hari kursus perancangan persaraan bagi kakitangan MBPJ yang menghampiri persaraan. Beliau telah diterbangkan ke Langkawi dan telah memberikan ceramah yang berwawasan kepada peserta. Topik-topik yang terdapat adalah perancangan persaraan kewangan, aspek kesihatan dan kehidupan selepas bersara.

KWAP akan sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya kepada inisiatif ini kerana ia selaras dengan slogannya ‘Menjamin Persaraan Anda’ - untuk membantu pesara menikmati kehidupan yang selesa sepanjang persaraan.



## **TANGGUNGJAWAB KEPADA TEMPAT KERJA**

### **CARA PENGGAYAAN TUDUNG**

Waktu rehat makan tengah hari di bulan Ramadhan telah dihabiskan dengan aktiviti yang berfaedah dan menyeronokkan – Cara Penggunaan Tudung. Kelas telah dijalankan oleh pengguna tudung dari butik Neng Geulis yang berpangkalan di Kota Damansara. Seramai 40 orang peserta telah mendaftar untuk menghadiri kelas satu jam yang diadakan di dewan serbaguna KWAP. Pelbagai gaya pemakaian tudung terkini telah dikongsi dengan para peserta iaitu gaya formal, kasual dan juga beberapa cara mudah penggunaan yang sesuai dengan gaya individu dan imej. Yuran yang dipungut bagi kelas ini telah disalurkan kepada dana Tanggungjawab Sosial Korporat.

### **SAMBUTAN DUNIA**

KWAP telah menyambut beberapa perayaan dunia antaranya Hari Tanpa Tembakau dan Hari Ibu. Salah satu daripada tanggungjawab ke arah mewujudkan persekitaran yang lebih sihat, sempena Hari Tanpa Tembakau oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, KWAP telah menggalakkan tenaga kerjanya untuk berhenti merokok dengan mewujudkan kesedaran dengan mengedarkan emel mengenai manfaat hidup bebas tanpa tembakau.

Sempena sambutan Hari Ibu pula, poster kesedaran telah diedarkan kepada semua tenaga kerja melalui emel bagi mengingatkan dan menggalakkan mereka untuk menunjukkan penghargaan kepada orang yang tersayang.

### **KEMPEN GAYA HIDUP SIHAT KWAP**

KWAP sentiasa komited dalam menyediakan tenaga kerjanya tempat kerja yang menggalakkan pembangunan peribadi dan profesional, sementara menekankan mengenai kesihatan dan keselamatan bagi keseimbangan kerja dan kehidupan yang selesa. Oleh itu, Kempen Gaya Hidup Sihat KWAP telah dianjurkan sebagai salah satu daripada Tanggungjawab Sosial Korporat di tempat kerja.

Sesi pertama pemeriksaan kesihatan percuma telah diadakan pada bulan April, di mana pekerja diberi pemeriksaan asas kesihatan (BMI, tekanan darah, glukosa) percuma yang dijalankan oleh Hospital Pakar Ampang Puteri. Kakitangan kemudian diberikan rundingan mengenai status kesihatan mereka selepas menerima keputusan pemeriksaan. Untuk melengkapkan program ini, seorang pakar diet dari KPJ Healthcare Berhad telah dijemput untuk memberi ceramah kesihatan, dengan topik ‘Kita Adalah Apa Yang Kita Makan, Obesiti & Penyakit Berkaitan’. Sesi ini adalah sangat bermaklumat dan telah berakhir dengan sesi pertanyaan dari penonton.

Sesi kedua Kempen Gaya Hidup Sihat KWAP telah diadakan pada bulan Oktober, dengan sokongan dari Ramsay Sime Darby Health Care. Berbeza dengan sesi pertama, pekerja bukan sahaja diberikan

pemeriksaan kesihatan asas percuma, mereka juga diberi peluang untuk memeriksa tahap kolesterol mereka. Perundingan percuma mengenai status kesihatan telah diberikan kepada kakitangan selepas menerima hasil pemeriksaan. Sesi Ceramah Kesihatan bermula pada tengah hari dengan topik yang sangat istimewa, 'Diabetes dan Mata Anda' yang telah disampaikan oleh doktor oftalmologi dari Ramsay Sime Darby Health Care. Beliau berucap mengenai fakta dan aspek diabetes, faktor-faktor risiko, komplikasi, akibat dan diabetes yang boleh menyebabkan penglihatan menjadi kabur dan buta. Disebabkan sambutan yang amat menggalakkan, saringan kesihatan telah dilanjutkan sehingga pukul 3 petang.

## TANGGUNGJAWAB KEPADA KOMUNITI

### LAWATAN KE RUMAH ORANG TUA

Bermula pada tahun 2012, lawatan ke Rumah Orang Tua adalah program kemasyarakatan yang selaras dengan komitmen KWAP untuk membantu komuniti tempatan melalui TSK.

Mengambil berkat bulan Ramadhan yang jatuh pada bulan Julai, KWAP telah membuat lawatan ke rumah orang tua di Hulu Selangor, Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. Seramai 30 orang sukarelawan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Encik Wan Kamaruzaman Wan Ahmad meluangkan masa lebih dua jam bersama penghuni Rumah Ehsan. Jelas terpancar kegembiraan di raut wajah penghuni rumah tersebut apabila melihat kedatangan pasukan sukarelawan ke Rumah Ehsan. Bagi meraikan bulan Ramadhan yang mulia, KWAP telah menderma keperluan asas rumah dan juga bekalan penjagaan kesihatan kepada setiap penghuni rumah. Selain itu, kakitangan KWAP yang penyayang juga telah bermurah hati menderma cenderahati dan duit raya kepada setiap penghuni rumah tersebut. Walaupun masa yang diluangkan di rumah itu agak pendek, tetapi ia telah dipenuhi dengan kegembiraan dan telah mewujudkan semangat belas kasihan terutamanya terhadap orang yang lebih tua.

Lawatan yang kedua juga telah dibuat pada bulan Disember yang diketuai oleh Ketua Pelaburan Jabatan Penyelesaian, Dr. Amirah Muhammad Nor. Lawatan tersebut telah disambut mesra oleh pengetua Rumah Ehsan, Hajah Mariani Mohamed Saad dan mereka telah menghabiskan masa lebih satu jam bersama penghuni tersebut. Didalam ucapan pembukaan, Hajah Mariani telah melahirkan rasa berterima kasih yang mendalam kepada KWAP diatas sokongan dan pertolongan yang berterusan terhadap Rumah Ehsan Kuala Kubu. Semasa lawatan tersebut, KWAP telah menderma perlengkapan dobi, kerusi roda, kelengkapan peribadi dan bekalan penjagaan kesihatan. Setiap penghuni juga menerima pek hadiah yang terdiri daripada kusyen kecil, cawan termos dan satu pek biskut. Untuk mengiktiraf dedikasi yang tidak ternilai oleh kakitangan Rumah Ehsan dalam menjaga warga tua, KWAP telah menganjurkan jamuan makan tengah hari di akhir program.



Lawatan amal ini terus menjadi satu pengalaman yang menggembirakan bagi kakitangan KWAP. Pihak KWAP berharap lawatan ini dapat memberi semangat kepada penghuni Rumah Ehsan dan melalui sumbangan keperluan harian yang disalurkan, KWAP berharap ia boleh membantu didalam pengurusan rumah agar dapat memberikan perkhidmatan penjagaan yang lebih baik kepada penghuni.

### PROGRAM AMAL PENGUMPULAN BUKU KWAP

KWAP menyokong masyarakat melalui Program Amal Pengumpulan Buku di mana objektif program ini adalah untuk membantu usaha literasi di kalangan kanak-kanak terutamanya di kawasan luar bandar selain untuk memupuk tabiat membaca pada usia awal dan menyediakan bahan-bahan pembelajaran dan bahan bacaan untuk sekolah yang terpilih dalam menyokong pelajar dengan keperluan pendidikan mereka.

Program yang dijalankan secara berterusan ini turut menggalakkan kakitangan KWAP untuk menderma buku-buku terpakai atau buku baru. Lebih daripada 200 buku telah berjaya dikumpulkan, dan ia telah disalurkan kepada sekolah-sekolah pedalaman terpilih yang memerlukan bahan bacaan.

Pada masa akan datang, KWAP merancang untuk mendedahkan program ini kepada kumpulan yang lebih besar seperti perpustakaan awam di kawasan luar bandar.

### KL RAT RACE 2013

Sebagai organisasi korporat yang prihatin, KWAP telah mengambil bahagian didalam *The Edge-Bursa Malaysia Kuala Lumpur Rat Race* 2013, larian amal yang telah di adakan pada bulan September. Larian sejauh 4.5 kilometer yang merangkumi seluruh bandaraya Kuala Lumpur di mana ia bermula dan berakhir di bangunan Bursa Malaysia, Bukit Kewangan.

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Encik Wan Kamaruzaman Wan Ahmad menyertai *CEO Race* sejauh 1 kilometer di mana peserta hanya terdiri



seramai 64 orang Ketua Pegawai Eksekutif dari pelbagai organisasi. KWAP juga telah menghantar satu pasukan untuk menyertai Kategori Terbuka. Sebanyak 10 orang pelari berpotensi telah bersetuju untuk mengambil bahagian dan mereka telah melalui 3 minggu proses pemilihan sebelum 5 tempat teratas telah dipilih; Muhammad Solehuddin bin Mohd Mansor Kaman, Noor Zaidi bin Abdullah, Addy Zulkifly bin Suhut, Nazaiful Affendi bin Zainal Abidin dan Haszalina binti Yacob.

Acara ini juga dihadiri satu pasukan penyokong yang terdiri daripada 45 sukarelawan KWAP dimana mereka ditempatkan di Bukit Kewangan, Menara Weld dan Raja Chulan untuk memberi sokongan moral kepada pelari di sepanjang laluan perlumbaan.

*Rat Race* 2013 telah mencatat rekod sebanyak RM1.83 juta untuk 28 penerima. Sebanyak 126 pasukan yang terdiri lebih 600 pelari daripada 67 syarikat terdiri daripada syarikat tempatan, syarikat antarabangsa, syarikat awam dan juga swasta telah mendaftar untuk *Rat Race* tahun ini.

#### **BENGKEL BAHASA INGGERIS**

Memahami kepentingan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian kita, KWAP telah menganjurkan “*Fun Kids With KWAP: English Workshop*” di Sekolah Kebangsaan Salak, Sepang sebagai sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat KWAP.

Sesi pertama bengkel telah dijalankan bagi pelajar sekolah Tahun 5 dalam bulan pertama di suku kedua 2013. Setiap fasilitator KWAP mengambil seramai 10 orang pelajar di bawah naungan mereka dan mereka telah meluangkan masa yang baik bersama murid sekolah dengan melakukan aktiviti-aktiviti seperti mencari perkataan, meneka tindakan dan sesi bercerita. Menariknya, modul yang digunakan dalam bengkel ini dibangunkan oleh kakitangan KWAP yang bersesuaian dengan silibus sekolah rendah di Malaysia. Sesi bercerita, latihan deskriptif dan pemikiran analitikal menggalakkan setiap pelajar menggunakan imaginasi dan kreativiti mereka. Bengkel Bahasa Inggeris ini telah dihadiri seramai



108 pelajar dan ia menjadi salah satu acara kemuncak di dalam kalender mereka. Wajah ceria dan ketawa jelas kelihatan sepanjang program tersebut dijalankan. Selain dari itu, KWAP juga telah mendermakan bahan bacaan Bahasa Inggeris kepada perpustakaan sekolah bagi membantu pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR.

Pada bulan Oktober, sesi kedua *Fun Kids with KWAP: English Workshop* telah diadakan untuk para pelajar Tahun 6 di sekolah yang sama. Program kali ini telah direka sama seperti *The Amazing Race* dimana objektif program ini adalah untuk menggalakkan para peserta berbahasa Inggeris. Program ini telah dijalankan dalam kawasan sekolah dimana sukarelawan KWAP meluangkan masa setengah hari sebagai fasilitator untuk membantu pelajar dalam mencari jawapan, menyelesaikan teka-teki, dan melaksanakan beberapa tugas di mana semua petunjuk dan arahan diterangkan di dalam Bahasa Inggeris. Semua pelajar berasa teruja dan bertenaga walaupun ketika itu cuaca agak panas. Program ini telah diakhiri dengan pengumuman keputusan pemenang dan acara pemberian hadiah.

Komitmen sosial melibatkan kanak-kanak akan sentiasa menjadi program kemasyarakatan KWAP dimana kami percaya anak-anak hari ini adalah pemimpin hari esok.

#### **SEMINAR PERANCANGAN KEWANGAN PERSARAAN**

Seminar sehari mengenai Perancangan Kewangan untuk Persaraan telah dianjurkan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan di kalangan pesara berpencen. Lebih 50 peserta dari 10 majlis-majlis tempatan dan agensi-agensi kerajaan, iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Amanah Raya dan Kraftangan Malaysia telah menghadiri acara TSK tahunan ini.

Acara itu telah diserikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Encik Wan Kamaruzaman. Selain itu, beliau tidak melepaskan mengingatkan para peserta bahawa seseorang itu tidak terlalu lewat atau terlalu awal untuk

memulakan perancangan kewangan untuk persaraan dimana dengan membuat perancangan yang betul akan membolehkan pesara untuk menikmati kehidupan yang selesa sepanjang persaraan.

Acara kali ini melibatkan tiga orang penceramah baharu yang terdiri daripada kakitangan KWAP; Md Hayrani Mireso daripada Jabatan Pendapatan Tetap, Nozaimi Mohd Nasir dan Mohd Isa Ibrahim dari Jabatan Ekuiti yang menerangkan mengenai Pelaburan Persaraan. Selain itu, penceramah berpengalaman daripada AKPK, Bank Negara Malaysia dan Amanah Raya Berhad juga telah dijemput untuk berkongsi ilmu tentang Bajet Semasa Bersara, Perancangan Harta dan Wasiat dan juga Penipuan Kewangan.

Selepas sepanjang hari membincangkan topik-topik yang berat, acara berakhir dengan membincangkan topik yang lebih ringan tetapi penting, iaitu *Well Being for Retirement: Obesity & Related Illness*.

Pihak KWAP berbesar hati menerima maklum balas positif dan menggalakkan daripada peserta, oleh itu, KWAP akan terus menganjurkan acara-acara bermanfaat seperti ini pada masa akan datang untuk meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan dan literasi di kalangan orang ramai.



#### SUMBANGAN KEPADA TABUNG BENCANA NSTP-MEDIA PRIMA

KWAP telah menyumbang RM10,000 kepada Tabung Bencana NSTP-MEDIA Prima untuk usaha-usaha bantuan yang berterusan bagi mangsa-mangsa banjir di negeri-negeri pantai timur.

Sumbangan tersebut adalah untuk membantu mangsa-mangsa banjir memulakan semula kehidupan mereka. Ketua Pegawai Pelaburan KWAP, Ahmad Norhisham Hassan menyampaikan cek sumbangan kepada Pengurus Besar Perhubungan Korporat Kumpulan Jabatan Media Prima Berhad, Azlan Abdul Aziz pada 27 Disember 2013 di Anjung Riong di Balai Berita, Bangsar.



#### TANGGUNGJAWAB TERHADAP ALAM SEKITAR

##### PROJEK HIJAU

KWAP telah menjalankan Projek Hijau (*Green Project*) untuk menggalakkan perubahan positif ke arah persekitaran yang kondusif dan optimum di tempat kerja. Untuk menunjukkan sokongan kepada Hari Bumi, semua kakitangan diberi bekas air fiber yang direka khas untuk projek ini dimana ia terdiri daripada penutup silikon. Dengan adanya inisiatif ini KWAP berharap agar ia akan membantu dalam mengurangkan penggunaan cawan pakai buang dan jumlah sisa di pejabat.



Sebelum Hari Bumi, tip-tip *Go Green* telah diedarkan kepada semua kakitangan melalui emel sebagai usaha untuk menggalakkan kakitangan mempraktikkan hidup yang mesra bumi.

Selain daripada itu, KWAP juga telah melaksanakan beberapa penjimatan tenaga dan kecekapan inisiatif termasuk mengurangkan penggunaan kertas, menggunakan kertas kitar semula kandungan, memadamkan lampu selama masa makan tengah hari dan memastikan semua sistem mekanikal dan elektrik berjalan dengan cekap pada setiap masa.

# CORETAN IMPIAN



**Nama Penuh**

**Nik Amnani binti Nik Ahmad Fathil**

**Jabatan**

**Ekuiti**

**Pendidikan**

**BACC Accountancy UiTM Shah Alam**

**1. Apakah skop pekerjaan anda?**

Pengurusan portfolio

**2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?**

Menguruskan portfolio ekuiti domestik bermodal kecil. Portfolio ini adalah portfolio yang baharu ditubuhkan dan hanya menumpukan pada saham-saham bermodal kecil dengan modal pasaran sebanyak RM2 bilion dan ke bawah.

**3. Apa yang paling anda gemari tentang pekerjaan anda?**

Kepuasan dan cabaran untuk mencapai pulangan yang dijangka dan menewaskan indeks penanda aras dalam pelbagai keadaan pasaran.

**4. Apa yang membuatkan anda memilih KWAP untuk perkembangan kerjaya anda?**

KWAP adalah dinamik dan menawarkan banyak peluang untuk berkembang. Semakin saiz dana terus meningkat, terdapat banyak perkara yang perlu dilakukan, jadi banyak inisiatif untuk pertumbuhan dan peluang untuk belajar sesuatu usaha baharu.

**5. Apakah antara pengalaman terbaik yang anda pelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?**

Urusan portfolio bermodal kecil memerlukan kemahiran berbeza kerana sifat saham tersebut. Saya telah belajar untuk melihat perkara dari sudut yang berbeza, pengurusan masa yang lebih baik dan membina hubungan profesional dengan badan-badan korporat dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

**6. Apakah buku perniagaan kegemaran anda untuk tahun 2013 dan mengapa?**

*"The \$100 Startup oleh Chris Guillebeau."* Buku ini menunjukkan bagaimana untuk menjalani kehidupan pengembaraan, penuh bermakna dan untuk mendapat kehidupan yang baik.

**7. Apakah aktiviti kegemaran anda sewaktu tidak bekerja?**

Saya suka menunggang basikal dan membaca, dan kadangkala saya gemar berjoging. Sekali sekala, saya bertemu dengan kawan-kawan, menonton filem dan berkongsi cerita sambil minum kopi. Saya cuba untuk memastikan saya menjalani kehidupan yang seimbang dan sebaik-baiknya.



**Nama Penuh**

Anis Adilah binti Acryl Sani

**Jabatan**

Prestasi Perniagaan

**Pendidikan**

Ijazah Sarjana Muda Sains Aktuari,  
Universiti Teknologi Mara Shah Alam

**1. Apakah skop pekerjaan anda?**

Memastikan laporan prestasi pelaburan KWAP adalah betul dan tepat pada masanya.

**2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?**

Mengumpul data dan maklumat mengenai pendapatan tetap dan ekuiti dalaman dan luaran dari Jabatan Penjelasan Pelaburan, pemprosesan data dan maklumat yang diperoleh ke dalam metrik prestasi, membandingkan prestasi dengan penanda aras dan pengurusan aset lain. Menyediakan, menganalisa dan menyampaikan laporan prestasi bulanan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Pelaburan, Panel Pelaburan dan Lembaga.

**3. Apa yang paling anda gemari tentang pekerjaan anda?**

Peluang untuk bekerja dengan orang-orang yang bijak dan memberi inspirasi di KWAP.

**4. Apa yang membuatkan anda memilih KWAP untuk perkembangan kerjaya anda?**

Reputasi organisasi dan kestabilan yang ditawarkan oleh KWAP.

**5. Apakah antara pengalaman terbaik yang anda pelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?**

Saya rasa terdapat begitu banyak untuk dipelajari dan pembelajaran berterusan walaupun selepas pengajian tinggi tamat.

**6. Apakah buku perniagaan kegemaran anda untuk tahun 2013 dan mengapa?**

"Portfolio Performance Measurement and Attribution" oleh Carl R. Bacon, kerana ia kini menjadi salah satu daripada buku-buku rujukan saya.

**7. Apakah aktiviti kegemaran anda sewaktu tidak bekerja?**

Saya suka mencuba resipi baharu dan mencari tempat-tempat makan baharu.

**Nama Penuh****Saifulbahri Hassan****Jabatan****Pelaburan Alternatif - Ekuiti Persendirian****Pendidikan****Sarjana Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia****Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, University of Missouri,****Kansas City USA****1. Apakah skop pekerjaan anda?**

Saya mengetuai pasukan Ekuiti Persendirian di Jabatan Pelaburan Alternatif. Tanggungjawab utama saya adalah untuk menyokong pasukan saya dalam usaha untuk membuat pelaburan terus ke dalam syarikat-syarikat tidak tersenarai (Tawaran Langsung) dan juga pelaburan ke dalam dana ekuiti persendirian.

**2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?**

Fungsi utama kerja saya adalah untuk menerajui dan menguruskan pasukan saya dalam membuat dan melaksanakan pelan strategik dan taktikal seperti yang dibuat untuk pelaburan ekuiti persendirian. Selain itu, saya dapat bertemu, membina dan menguruskan perhubungan dengan orang-orang dari serata dunia.

**3. Apa yang paling anda gemari berkaitan pekerjaan anda?**

Cabarannya memeterai suatu perjanjian, membuat pelaburan dan melihat pelaburan yang positif terungkap. Ekuiti persendirian adalah perniagaan yang memerlukan sesuatu yang bergerak aktif dan saya suka berada di tengah-tengah kesibukan ini.

**4. Apa yang membuatkan anda memilih KWAP untuk perkembangan kerjaya anda?**

Saya telah berada dalam bidang Penerokaan Modal dan Pembangunan Kewangan selama sedekad sebelum menyertai KWAP. Penerokaan Modal adalah subset kepada ekuiti persendirian dan berada dalam KWAP memberi saya peluang untuk bergerak aktif dalam pelaburan ekuiti persendirian dan maju naik ke atas rantaian nilai ke dalam ekuiti persendirian.

**5. Apakah antara pengalaman terbaik yang anda pelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?**

Saya telah pelajari bahawa akan sentiasa ada perkara yang perlu anda belajar dari orang lain dan pengalaman yang anda lalui tanpa mengira keadaannya. Ia adalah benar terutama apabila berurusan dengan orang dan situasi yang sukar yang sebenarnya mencipta pengalaman tersebut. Semakin sukar keadaan, lebih berharga pengalaman.

**6. Apakah buku perniagaan kegemaran anda untuk tahun 2013 dan mengapa?**

Sudah pasti dua (2) buah buku hasil tulisan Richard Branson "Losing My Virginity" dan "Like a Virgin : Secrets They Won't Teach You At Business School". Buku pertama adalah gambaran umum pengalaman Richard dan keadaan yang telah membentuk dirinya yang ada hari ini. Buku kedua adalah pengajaran, pandangan yang berkaitan dengan perniagaan apabila dia membuat keputusan perniagaan dan bagaimana ia boleh digunakan oleh orang dalam bidang perniagaan seperti saya. Kedua-duanya adalah pembacaan yang terbaik bagi saya.

**7. Apakah aktiviti kegemaran anda sewaktu tidak bekerja?**

Selain daripada kerja, saya suka membaca (bacaan berat seperti buku-buku, bacaan ringan seperti majalah dan penerbitan dalam talian dan seangkutan dengannya), berbasikal di gunung, beristirehat dengan isteri dan anak-anak perempuan saya, berjumpa kawan-kawan dan kadang-kadang menikmati pemandangan taman kecil di rumah saya.



**Nama Penuh**  
**Sendi anak Tan**

**Jabatan**  
**Strategi Portfolio**

**Pendidikan**  
**CFA, Tahap 1**  
**Ijazah Sarjana Muda Ekonomi,**  
**London School of Economics, UK**

**1. Apakah skop pekerjaan anda?**

Memimpin Unit Makro & Strategi dengan memberi pandangan dan cadangan berdasarkan analisis makro-ekonomi dan penyelidikan ke atas ekonomi global, serantau dan domestik.

**2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?**

Menyediakan analisis dan pandangan untuk membantu pembentukan strategi dan arah pelaburan KWAP.

**3. Apa yang paling anda gemari berkaitan pekerjaan anda?**

Peluang untuk membangunkan lagi pengkhususan saya dalam ekonomi dan semua aplikasi sebenar, dan untuk tujuan yang lebih penting dana persaraan.

**4. Apa yang membuatkan anda memilih KWAP untuk perkembangan kerjaya anda?**

Bekerja dengan KWAP mencerminkan lebih kepada keinginan diri dan juga kerjaya, ibu bapa saya telah berkhidmat sebagai pegawai kerajaan dan penerima pencen bulanan.

**5. Apakah antara pengalaman terbaik yang anda pelajari sepanjang kerjaya anda di KWAP?**


Saya merasakan bahawa saya melihat dengan mata saya sendiri piawaian antarabangsa bagi daya hidup dan kedinamikan yang merupakan perkara penting dalam organisasi, dan ia sangat memberi inspirasi dan wawasan kepada saya.

**6. Apakah buku perniagaan kegemaran anda untuk tahun 2013 dan mengapa?**

"When Markets Collide" oleh Mohamed El-Erian, Ketua Pegawai Eksekutif / Co-CIO di firma pelaburan berpangkalan PIMCO kerana bukunya adalah sangat baik dibaca untuk memahami dunia pelaburan.

**7. Apakah aktiviti kegemaran anda sewaktu tidak bekerja?**

Menjaga anak kecil saya dan abangnya yang berusia empat tahun, kedua-dua mereka sentiasa membuat saya peka dengan keadaan dan juga merupakan sumber inspirasi dan tidak lupa juga, membuat saya berpeluh.



SEKSYEN  
**08**

A circular graphic consisting of five concentric rings. The innermost ring is white, followed by four grey rings. Two segments in the middle ring are highlighted in yellow with black outlines. The text "SEKSYEN" is positioned above the number "08", which is centered in the white core. A horizontal dotted line extends from the right side of the core.

# KALENDAR KORPORAT

---

**158** Kalendar Korporat 2013

# KALENDAR KORPORAT 2013

# JAN

- 14 Januari 2013**  
Mesyuarat Panel Pelaburan
- 16 Januari 2013**  
Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan
- 17 Januari 2013**  
Lawatan Pengurusan ke Bintulu Port

- Ceramah Maulidur Rasul
- Siri Golden Hour ke-52

- 23 Januari 2013**  
Mesyuarat Panel Pelaburan Khas

**29 Januari 2013**



Pertandingan Sajak Dana Yang Berkat

**30 Januari 2013**



Siri Kepimpinan bersama  
YBhg. Dato' Sri Hj Mohd Khamil Jamil

# FEB

- 8 Februari 2013**  
Mesyuarat Lembaga
- 14 Februari 2013**  
Siri Golden Hour ke-53
- 15 Februari 2013**



Sambutan Hari Raya Cina

- 21 Februari 2013**  
Taklimat ITD Helpdesk System

- 22 Februari 2013**  
Siri Golden Hour ke-54

- 26 Februari 2013**  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit

- 28 Februari 2013**  
Ceramah Pengurusan Tekanan untuk Hidup Sihat dan Produktif

# MAC

- 5 Mac 2013**  
Kesedaran Pengguna & Penyelesaian Masalah IT
- 7 Mac 2013**  
Mesyuarat Panel Pelaburan



Majlis Makan Malam Tahunan KWAP

**12 Mac 2013**

Lawatan Pengurusan ke  
Felda Global Venture Holdings

# APR

**15 Mac 2013**



Majlis Perpisahan untuk KPE

**20 Mac 2013**

Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan Khas

**22 Mac 2013**

- Siri Golden Hour ke-55
- Mesyuarat Lembaga Khas

**27 Mac 2013**

Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Interim

**12 April 2013**

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

**15 April 2013**

Mesyuarat Panel Pelaburan

**22 April 2013**



TSK - Hari Bumi



TSK - Ceramah Kesihatan

**26 April 2013**

Siri Golden Hour ke-56

# MEI

**27 - 29 Mei 2013**



Seminar Perancangan Kewangan untuk Persaraan bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya

# JUN

**6 Jun 2013**



Lawatan Rasmی oleh  
Timbalan Menteri Kewangan YB Datuk Hj Ahmad  
bin Hj Maslan

**12 Jun 2013**

Siri Golden Hour ke-57

**15 Jun 2013**



TSK - Bengkel Bahasa Inggeris di  
Sekolah Kebangsaan Salak, Sepang

**17 Jun 2013**

Lawantan Pengurusan ke UOA Berhad

**24 Jun 2013**

Mesyuarat Panel Pelaburan

**27 Jun 2013**

Kempen Kesedaran Keselamatan IT

**28 Jun 2013**

Mesyuarat Lembaga

# JUL

**3 Julai 2013**

Hari Terbuka Kementerian Kewangan

**16 Julai 2013**

Ceramah Kewangan Islamik

**17 Julai 2013**

Ceramah Takaful Isra

**19 Julai 2013**



Mesyuarat Townhall

**24 Julai 2013**

Mesyuarat Panel Pelaburan

**29 Julai 2013**

SPARC-Ceramah Agama

**30 Julai 2013**



TSK - Tutorial Pemakaian Hijab

**31 Julai 2013**



TSK - Lawatan ke Rumah Orang Tua

# OGOS

**1 Ogos 2013**

Mesyuarat Lembaga

**22 Ogos 2013**

Siri Golden Hour ke-58

**23 Ogos 2013**



Sambutan Hari Raya KWAP

**24 Ogos 2013**

Mesyuarat Panel Pelaburan

**27 Ogos 2013**

Mesyuarat Jawatankuasa Tender

**30 Ogos 2013**



Pengumuman Kewangan KWAP 2012,  
Pelancaran ICMS dan Penyampaian Sijil  
ISO 9001: 2008

# SEP

**3 September 2013**

Mesyuarat Lembaga

**17 September 2013**



TSK - The Edge - Bursa Malaysia KL Rat Race 2013

**21 - 22 September 2013**



Program Membina Pasukan

**25 September 2013**

- Lawatan Pengurusan ke Temasek, Singapura
- Lawatan Pengurusan ke CPF, Singapura

**30 September 2013**

Mesyuarat Panel Pelaburan

# OKT

**1 Oktober 2013**



Opening of KWAP's Health and Fitness center

**4 Oktober 2013**

Siri Golden Hour ke-59

**8 Oktober 2013**



Siri Kepimpinan dengan  
YBhg. Tan Sri Gnanalingam

**9 Oktober 2013**



TSK - Ceramah Kesihatan

**22 Oktober 2013**

Mesyuarat Panel Pelaburan



TSK - Bengkel Bahasa Inggeris  
di Sekolah Kebangsaan Salak, Sepang

**28 Oktober 2013**

Mesyuarat Lembaga

**29 Oktober 2013**



Pesta Sukan Kementerian Kewangan - Kayuhan Basikal

# NOV DIS

**12 November 2013**

Mesyuarat Panel Pelaburan

**20 November 2013**



Lawatan oleh Timbalan Perdana Menteri (Kewangan) Republik Slovac

**29 November 2013**

Siri Golden Hour ke-60

**6 Disember 2013**



Majlis Pertukaran Hadiah

**11 Disember 2013**

Mesyuarat Panel Pelaburan



TSK - Lawatan ke Rumah Orang Tua Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu

**16 Disember 2013**

Mesyuarat Lembaga

**19 Disember 2013**




Seminar Perancangan Kewangan untuk Persaraan

**27 Disember 2013**



Sumbangan ke Tabung Derma NSTP



SEKSYEN  
**09**

A circular graphic featuring five concentric rings in light gray shades. Two segments in the outer ring are filled with a solid orange color, separated by a thin black border. A horizontal dotted line extends from the right side of the circle towards the right edge of the frame.

# PENYATA KEWANGAN

---

**166** Sijil Ketua Audit Negara

**168** Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga  
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

**169** Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas  
Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) 2013

**170** Lembaran Imbangan

**171** Penyata Pendapatan

**172** Penyata Perubahan Rizab

**173** Penyata Aliran Tunai

**175** Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Saya telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan signifikan dan nota penjelasan yang lain.

*Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang


benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

  
(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
13 MAC 2014




# PENYATA PENGERUSI

dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

Kami, **Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah** dan **Dato' Azmi bin Abdullah** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangian, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS), iaitu Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Name : **Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah**

Gelaran : Pengerusi Lembaga

Tempat : Putrajaya

Tarikh : 07 MAC 2014

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Dato' Azmi bin Abdullah**

Gelaran : Ahli Lembaga

Tempat : Kuala Lumpur


Tarikh : 07 MAC 2014

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) 2013

Saya, **Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Kuala Lumpur )  
pada 07 MAR 2014 )



Di hadapan saya,



Level 16, Menara Tokio Marine Life,  
10, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

# LEMBARAN IMBANGAN

pada 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		2013 (RM'000)	2012 (RM'000)	2013 (RM'000)	2012 (RM'000)
<b>Aset Bukan Semasa</b>					
Hartanah Dan Peralatan	4	<b>4,114,350</b>	1,948,728	<b>6,932</b>	7,554
Pelaburan	5	<b>88,250,203</b>	78,018,936	<b>88,250,203</b>	78,018,936
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	6	-	-	<b>3,626,347</b>	1,368,896
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	7	<b>996,473</b>	2,418,460	<b>16,670</b>	16,670
		<b>93,361,026</b>	83,386,124	<b>91,900,152</b>	79,412,056
<b>Aset Semasa</b>					
Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	7	-	-	<b>579,007</b>	628,923
Penghutang Perniagaan	9	<b>2,184,152</b>	908,267	<b>2,219,579</b>	911,982
Penghutang Pelbagai	10	<b>153,358</b>	146,618	<b>147,021</b>	147,245
Deposit Dan Prabayar	11	<b>15,494</b>	24,383	<b>9,904</b>	22,611
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	12	<b>5,359,885</b>	7,987,914	<b>5,230,709</b>	7,916,539
		<b>7,712,889</b>	9,067,182	<b>8,186,220</b>	9,627,300
<b>Liabiliti Semasa</b>					
Pembiutang Perniagaan	13	<b>159,920</b>	288,614	<b>135,669</b>	285,326
Pembiutang Pelbagai	14	<b>94,077</b>	22,314	<b>2,539</b>	1,787
Perbelanjaan Terakru	15	<b>47,838</b>	30,134	<b>32,703</b>	24,007
		<b>301,835</b>	341,062	<b>170,911</b>	311,120
<b>Aset Semasa Bersih</b>		<b>7,411,054</b>	8,726,120	<b>8,015,309</b>	9,316,180
		<b>100,772,080</b>	91,121,244	<b>99,915,461</b>	88,728,236
<b>Dibiayai Oleh:</b>					
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	16	<b>22,601,944</b>	21,101,944	<b>22,601,944</b>	21,101,944
Caruman Pencen	17	<b>37,801,065</b>	35,110,224	<b>37,801,065</b>	35,110,224
Pendapatan Tertunda	18	<b>63</b>	360	<b>63</b>	360
Rizab		<b>40,367,687</b>	34,897,351	<b>39,512,389</b>	32,515,708
		<b>100,770,759</b>	91,109,879	<b>99,915,461</b>	88,728,236
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>					
Insentif Pajakan		<b>1,321</b>	2,365	-	-
		<b>100,772,080</b>	91,112,244	<b>99,915,461</b>	88,728,236

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA PENDAPATAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		2013 (RM'000)	2012 (RM'000)	2013 (RM'000)	2012 (RM'000)
Pendapatan Pelaburan Kasar	19	<b>5,148,289</b>	5,659,322	<b>6,661,772</b>	5,752,664
Elaun Rosot Nilai Pelaburan Dicatat Semula		<b>348,545</b>	2,209	<b>348,545</b>	2,209
Rugi Terjejas Pelaburan		<b>(345,007)</b>	-	<b>(345,007)</b>	-
Hapus Kira Pelaburan		<b>(4,966)</b>		<b>(4,966)</b>	
Pendapatan Pelaburan Bersih		<b>5,146,861</b>	5,661,531	<b>6,660,344</b>	5,754,873
Pendapatan Bukan Pelaburan		<b>3,198</b>	3,101	<b>25</b>	1,427
		<b>5,150,059</b>	5,664,632	<b>6,660,369</b>	5,756,300
Perbelanjaan Operasi	20	<b>(249,314)</b>	(138,199)	<b>(90,007)</b>	(62,821)
Pendapatan Bersih		<b>4,900,745</b>	5,526,433	<b>6,570,362</b>	5,693,479
Cukai		<b>(59)</b>	-	-	-
Pendapatan Selepas Cukai		<b>4,900,686</b>	5,526,433	<b>6,570,362</b>	5,693,479
Bahagian Keuntungan Selepas Cukai					
Dalam Syarikat Bersekutu Yang Diperakaunkan Secara Ekuiti		<b>250,404</b>	381,920	-	-
<b>Pendapatan Selepas Cukai</b>		<b>5,151,090</b>	5,908,353	<b>6,570,362</b>	5,693,479

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN RIZAB

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

				Kumpulan	
	Lebihan Terkumpul (RM'000)	Rizab Tukaran Matawang Asing (RM'000)	Rizab Penilaian Semula (RM'000)	Kepentingan Minoriti (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2012	28,754,636	86,858	377,853	1,679	<b>29,221,026</b>
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	5,908,353	-	-	-	<b>5,908,353</b>
Agihan Tahun Semasa	(1,390)	-	-	-	<b>(1,390)</b>
Caj Penilaian Semula Bagi Tahun Semasa	-	-	(171,048)	-	<b>(171,048)</b>
Kerugian Atas Tukaran Matawang Asing	-	(64,518)	-	-	<b>(64,518)</b>
Rizab Atas Penyatuan Syarikat Bersekutu	-	-	-	4,928	<b>4,928</b>
<b>Baki Pada 31 Disember 2012</b>	<b>34,661,599</b>	<b>22,340</b>	<b>206,805</b>	<b>6,607</b>	<b>34,897,351</b>
Baki Pada 1 Januari 2013	34,661,599	22,340	206,805	6,607	<b>34,897,351</b>
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	5,151,090	-	-	-	<b>5,151,090</b>
Agihan Tahun Semasa	(113,929)	-	-	-	<b>(113,929)</b>
Caj Penilaian Semula Bagi Tahun Semasa	-	-	(113,915)	-	<b>(113,915)</b>
Keuntungan Atas Tukaran Matawang Asing	-	548,619	-	-	<b>548,619</b>
Rizab Atas Penyatuan Syarikat Bersekutu	-	-	-	(1,529)	<b>(1,529)</b>
<b>Baki Pada 31 Disember 2013</b>	<b>39,698,760</b>	<b>570,959</b>	<b>92,890</b>	<b>5,078</b>	<b>40,367,687</b>
				KWAP	
	Lebihan Terkumpul (RM'000)	Rizab Tukaran Matawang Asing (RM'000)	Rizab Penilaian Semula (RM'000)	Kepentingan Minoriti (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2012	26,798,120	86,903	-	-	<b>26,885,023</b>
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	5,693,479	-	-	-	<b>5,693,479</b>
Kerugian Atas Tukaran Matawang Asing	-	(62,794)	-	-	<b>(62,794)</b>
<b>Baki Pada 31 Disember 2012</b>	<b>32,491,599</b>	<b>24,109</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>32,515,708</b>
Baki Pada 1 Januari 2013	32,491,599	24,109	-	-	<b>32,515,708</b>
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	6,570,362	-	-	-	<b>6,570,362</b>
Keuntungan Atas Tukaran Matawang Asing	-	426,319	-	-	<b>426,319</b>
<b>Baki Pada 31 Disember 2013</b>	<b>39,061,961</b>	<b>450,428</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>39,512,389</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Nota	Kumpulan		KWAP	
	2013 (RM'000)	2012 (RM'000)	2013 (RM'000)	2012 (RM'000)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>				
Pendapatan Operasi Sebelum Cukai	<b>5,151,149</b>	5,908,353	<b>6,570,362</b>	5,693,479
<b>Pelarasan Untuk:</b>				
Susutnilai Hartanah & Peralatan	<b>84,074</b>	35,511	<b>2,018</b>	2,345
Kerugian Terjejas Atas Hartanah	<b>35,770</b>	14,671	-	-
Pelunasan Pendapatan Tertunda	<b>(297)</b>	(734)	<b>(297)</b>	(734)
Tuntutan Cukai Atas Dividen	<b>(35,612)</b>	(65,500)	<b>(35,612)</b>	(65,500)
Bahagian Keuntungan Dalam Syarikat Bersekutu	<b>(250,404)</b>	(381,920)	-	-
Keuntungan Jualan Saham	<b>(744,913)</b>	(1,748,095)	<b>(744,913)</b>	(1,748,095)
Pendapatan Dana Ekuiti Persendirian	<b>(28,132)</b>	(21,518)	<b>(28,132)</b>	(21,518)
Keuntungan Jualan Sekuriti Hutang Persendirian	<b>(54,285)</b>	(38,250)	<b>(54,285)</b>	(38,250)
Keuntungan Jualan Sekuriti Hutang Kerajaan	<b>(69,046)</b>	(193,831)	<b>(69,046)</b>	(193,831)
Perbelanjaan Cukai	<b>(59)</b>	-	-	-
Pendapatan Faedah	<b>(2,477,825)</b>	(2,307,389)	<b>(2,525,133)</b>	(2,353,264)
Pendapatan Dividen	<b>(1,115,119)</b>	(845,442)	<b>(1,673,557)</b>	(995,470)
Penambahan Diskaun Atas Pelaburan	<b>391</b>	85,292	<b>391</b>	85,292
Elaun Rosot Nilai Pelaburan	<b>(342,658)</b>	(5,307)	<b>(342,658)</b>	(5,307)
Keuntungan Atas Tukaran Matawang Asing	<b>270,343</b>	6,916	<b>197,959</b>	17,869
Rugi Terjejas Pelaburan	<b>345,007</b>	-	<b>345,007</b>	-
(Keuntungan)/Kerugian Pelupusan Hartanah & Peralatan	<b>(20)</b>	32	<b>(20)</b>	32
<b>Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja</b>	<b>768,364</b>	442,789	<b>1,642,084</b>	377,048
<b>Perubahan Dalam Modal Kerja:</b>				
Penambahan Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	-	-	-	(386,976)
Penambahan Penghutang Perniagaan	<b>(275,696)</b>	(29,584)	<b>(1,307,597)</b>	(20,512)
(Penambahan)/Pengurangan Penghutang Pelbagai	<b>(6,740)</b>	(3,707)	<b>223</b>	(4,379)
Pengurangan Deposit Dan Prabayar	<b>8,887</b>	7,879	<b>12,706</b>	9,264
Pengurangan Pembiutang Perniagaan	<b>(128,695)</b>	(103,220)	<b>(149,657)</b>	(98,726)
Penambahan Pembiutang Pelbagai	<b>71,763</b>	20,505	<b>752</b>	1,332
Penambahan Perbelanjaan Terakru	<b>17,704</b>	3,975	<b>8,696</b>	4,217
<b>Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi</b>	<b>455,587</b>	<b>338,637</b>	<b>207,207</b>	<b>(118,732)</b>

## 174 PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2013

Nota	Kumpulan		KWAP	
	2013 (RM'000)	2012 (RM'000)	2013 (RM'000)	2012 (RM'000)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>				
Penerimaan Jualan Saham	<b>23,672,161</b>	44,009,425	<b>23,672,161</b>	44,009,425
Penerimaan Daripada Pinjaman	<b>241,507</b>	1,109,620	<b>241,507</b>	1,109,620
Penerimaan Jualan Sekuriti Hutang Persendirian	<b>3,567,353</b>	2,005,388	<b>3,567,353</b>	2,005,388
Penerimaan Jualan Sekuriti Hutang Kerajaan	<b>10,060,833</b>	30,409,644	<b>10,060,833</b>	30,409,644
Penerimaan Jualan Dana Ekuiti Persendirian	<b>104,470</b>	117,435	<b>104,470</b>	117,435
Penerimaan Daripada Pelupusan Hartanah & Peralatan	<b>20</b>	2,574	<b>20</b>	2,574
Pembelian Hartanah & Peralatan	<b>(2,266,214)</b>	(1,008,874)	<b>(1,396)</b>	(3,355)
Pembelian Saham	<b>(26,287,525)</b>	(46,316,500)	<b>(26,287,525)</b>	(46,316,500)
Bayaran Balik Pinjaman	<b>(3,114,518)</b>	(3,822,520)	<b>(3,114,518)</b>	(3,822,520)
Pembelian Sekuriti Hutang Persendirian	<b>(3,547,782)</b>	(8,487,879)	<b>(3,547,782)</b>	(8,487,879)
Pembelian Sekuriti Hutang Kerajaan	<b>(13,532,276)</b>	(34,845,331)	<b>(13,532,276)</b>	(34,845,331)
Pembelian Dana Ekuiti Persendirian	<b>(223,576)</b>	(102,493)	<b>(223,576)</b>	(102,493)
Penerimaan Faedah	<b>2,477,825</b>	2,307,389	<b>2,525,133</b>	2,353,264
Penerimaan Dividen	<b>1,115,119</b>	845,442	<b>1,115,119</b>	845,442
Tuntutan Cukai Atas Dividen	<b>35,612</b>	65,500	<b>35,612</b>	65,500
Penambahan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	-	-	<b>(2,257,451)</b>	(597,928)
Dividen Daripada Syarikat Bersekutu	<b>558,438</b>	150,028	<b>558,438</b>	150,028
<b>Wang Tunai Bersih (Diguna) Untuk Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(7,138,553)</b>	<b>(13,561,152)</b>	<b>(7,083,878)</b>	<b>(13,107,686)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Penerimaan Peruntukan Wang Terkanun	<b>1,500,000</b>	1,500,000	<b>1,500,000</b>	1,500,000
Penerimaan Caruman Pencen	<b>2,702,436</b>	2,681,448	<b>2,702,436</b>	2,681,448
Bayaran Balik Caruman Pencen	<b>(11,595)</b>	(9,394)	<b>(11,595)</b>	(9,394)
Bayaran Dividen	<b>(113,929)</b>	(1,390)	-	-
Insentif Pajakan	<b>(1,044)</b>	2,365	-	-
<b>Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>4,075,868</b>	4,173,029	<b>4,190,841</b>	4,172,054
Pengurangan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai	<b>(2,607,098)</b>	(9,049,486)	<b>(2,685,830)</b>	(9,054,364)
Kesan Perubahan Dalam Matawang Asing	<b>(20,931)</b>	14,960	-	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	<b>7,987,914</b>	17,022,440	<b>7,916,539</b>	16,970,903
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember</b>	<b>12</b>	<b>5,359,885</b>	<b>7,987,914</b>	<b>5,230,709</b>
				<b>7,916,539</b>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan 31 Disember 2013

## 1. MAKLUMAT UMUM

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan kehendak seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP diperolehi dari peruntukan tahunan Kerajaan Persekutuan dan caruman pencen yang terdiri daripada caruman Badan Berkanun, Pihak Berkuasa dan Agensi Tempatan, penerimaan bahagian Kerajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan agensi-agensi lain serta pendapatan pelaburan. Dana KWAP dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik dan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Dana KWAP akan digunakan untuk Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencen Kerajaan.

KWAP adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP terletak di Aras 4, 5, 6 & 8, Menara Yayasan Tun Razak, 200 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.

## 2. OBJETIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

KWAP terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan aliran tunai serta risiko matawang. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan meminimalkan risiko untuk memberi pulangan optimum kepada KWAP.

### 2.1 RISIKO PASARAN

Punca utama risiko pasaran bagi aktiviti pelaburan KWAP adalah risiko kadar faedah, risiko ekuiti dan risiko keuntungan kredit. Pengukur utama risiko pasaran yang digunakan oleh KWAP adalah Risiko-pada-Nilai (VaR). VaR adalah kemungkinan kerugian paling besar yang boleh berlaku pada kadar kebarangkalian lima peratus (5%) dalam tempoh sepuluh hari dagangan.

### 2.2 RISIKO KREDIT

KWAP memastikan risiko kredit adalah terkawal dengan membuat pemantauan berterusan terhadap kedudukan kewangan dan prestasi kredit pihak berkaitan.

### 2.3 RISIKO KECAIRAN DAN ALIRAN TUNAI

KWAP mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi pada bila-bila masa dan menyediakan dana yang mencukupi bagi memenuhi anggaran komitmen bagi perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

### 2.4 RISIKO MATAWANG

Pendedahan terhadap risiko kadar pertukaran matawang asing semakin meningkat disebabkan oleh peningkatan pelaburan antarabangsa KWAP. Langkah pengawalan utama telah dilaksanakan untuk memastikan pengurusan risiko matawang yang berkesan dan di dalam tahap toleransi KWAP.

# 176 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan 31 Disember 2013

## 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING

### 3.1 ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah sejajar dengan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) mengikut Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS) yang diluluskan bagi entiti-entiti persendirian di Malaysia.

Penyata Kewangan merangkumi aktiviti-aktiviti berkenaan dengan pentadbiran Dana KWAP di dalam dan luar negara.

Persempahan Penyata Kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua angka dibundarkan kepada ribuan Ringgit Malaysia terhampir, selain dinyatakan sebaliknya.

### 3.2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN

#### 3.2.1 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari ialah entiti di mana KWAP mempunyai kuasa kawalan atas dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi faedah daripada aktiviti-aktivitinya, secara dasarnya melalui pegangan melebihi 50 peratus hak mengundi. Pelaburan dalam KWAP Managed Investment Trust (Australia), KWAP Managed Investment Trust 2 (Australia), KWAP Managed Investment Trust 3 (Australia), Prima Ekuiti (UK) Limited dan Prima Harta (Jersey) Unit Trust adalah dikategorikan sebagai pelaburan dalam syarikat subsidiari selaras dengan definisi ini.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan dalam Penyata Kewangan menurut kaedah kos sejarah dengan MASB 11. Kos luaran yang menyumbang secara terus ke atas pengambilalihan syarikat subsidiari dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pengambilalihan. Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh kawalan diambilalih oleh KWAP dan diasingkan dari tarikh kawalan luput.

Pelaburan saham tidak tersiar harga di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh diperoleh yang mengambil kira kerugian terjejas dalam tahun yang berkaitan, jika ada. Polisi berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran kerugian terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.4.

Penyata Kewangan digabungkan adalah termasuk Penyata Kewangan KWAP dan syarikat subsidiari dan bersekutu. Segala urusniaga dan baki yang material di antara syarikat-syarikat dalam kumpulan dilupuskan dan Penyata Kewangan gabungan hanya menggambarkan urusniaga luaran kumpulan.

#### 3.2.2 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana KWAP mempunyai pengaruh ketara, tetapi bukan kawalan, secara dasarnya, serta mempunyai pegangan jangka panjang dan hak mengundi di antara 20 peratus hingga 50 peratus. Pengaruh ketara ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan kewangan dan polisi operasi dalam syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk mengawal polisi-polisi tersebut. Pelaburan dalam ValueCap Sdn. Bhd. adalah dikategorikan sebagai pelaburan dalam syarikat bersekutu selaras dengan definisi ini. Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam Penyata Kewangan menurut kaedah ekuiti sejarah dengan MASB 12.

Pelaburan saham tidak tersiar harga di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh diperoleh yang mengambil kira kerugian terjejas dalam tahun yang berkaitan, jika ada. Polisi berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran kerugian terjejas adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.4.

### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.3 HARTANAH DAN PERALATAN

##### 3.3.1 Pengiktirafan Dan Nilaian

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susutnilai dan penjejasan nilai aset terkumpul, sekiranya ada.

Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung dalam pembelian aset tersebut dan kos lain-lain yang terlibat secara langsung dalam membawa aset kepada keadaan sedia guna bagi tujuan kegunaan aset tersebut dan kos-kos meroboh, memindah dan mengembalikan kepada keadaan asal tempat di mana aset itu berada.

##### 3.3.2 Kerugian Penjejasan

Polisi untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian terjejas akan diperuntukkan jika nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi seperti dinyatakan di Nota 3.4.

##### 3.3.3 Kos Selepasnya

Kos untuk menggantikan sebahagian daripada item hartaanah atau peralatan diiktiraf di dalam nilai dibawa item tersebut jika ianya berkebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan diterima oleh KWAP dan kosnya boleh dinilai dengan yakin. Nilai dibawa bahagian yang diganti tersebut akan dikeluarkan. Kos penyenggaraan bulanan hartaanah dan peralatan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sebaik ianya ditanggung.

##### 3.3.4 Susutnilai

Kerja dalam kemajuan dan lukisan tidak disusutnilaikan. Susutnilai dinyatakan menurut kaedah garis lurus kecuali pelaburan dalam aset hartaanah yang dikategorikan sebagai kumpulan nilai rendah di mana susutnilai dinyatakan berdasarkan kepada kaedah baki berkurangan. Susutnilai dikira untuk mengurangkan kos aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran jangka hayat penggunaan aset-aset tersebut.

Kadar susutnilai hartaanah dan peralatan adalah seperti berikut:

(a)	Pelaburan Hartanah	2.50% setahun
(b)	Pengubahsuai Pejabat	16.67% setahun
(c)	Perabot	15.00% setahun
(d)	Peralatan Pejabat	15.00% setahun
(e)	Peralatan Gimnasium	15.00% setahun
(f)	Komputer	20.00% setahun
(g)	Perisian Komputer	20.00% setahun
(h)	Kenderaan	20.00% setahun

Nilai sisa bersih, jangka hayat dan kaedah susutnilai aset disemak semula dan diselaraskan pada setiap tarikh Lembaran Imbangam untuk memastikan keseragaman amaun, kaedah dan tempoh susutnilai dengan anggaran sebelumnya.

## 178 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan 31 Disember 2013

### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.3 HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

##### 3.3.5 Pelupusan

Aset dihapus kira apabila dijual atau apabila tiada faedah ekonomi yang dijangka pada masa hadapan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara perolehan bersih atas pelupusan, jika ada, dengan nilai dibawa asset berkenaan adalah diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan.

#### 3.4 PENJEJASAN ASET

Aset yang tidak mempunyai jangka hayat adalah tidak tertakluk kepada pelunasan tetapi disemak untuk menentukan keperluan penjejasan setiap akhir tahun. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi. Jika jelas terdapat tanda-tanda penjejasan aset, nilai aset boleh direalisasi dianggarkan untuk menentukan amaun kerugian terjejas.

Kerugian terjejas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan apabila nilai dibawa asset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama asset ditolak kos jualan atau nilai diguna. Jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan kerugian terjejas atas asset yang dinilai semula di mana ianya akan diambilkira ke akaun Lebihan Penilaian Semula di Lembaran Imbangan.

Bagi tujuan menilai penjejasan, asset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan. Proses penilaian penjejasan dilakukan pada setiap asset secara individu bagi asset yang mempunyai peruntukan elau rosot nilai pelaburan yang melebihi enam (6) bulan berturut-turut atau penurunan prestasi pelaburan. Penilaian setiap asset mengambil kira tinjauan dan unjuran prestasi asset, posisi kewangan, aktiviti masa hadapan syarikat serta faktor luaran dan pasaran yang mempengaruhi aktiviti masa hadapan syarikat sebelum penjejasan dan kerugian terjejas direalisasi, jika ada.

#### 3.5 PELABURAN

Pelaburan utama KWAP terdiri daripada pelaburan dalam Saham Tersiar Harga, Sekuriti Hutang Kerajaan, Sekuriti Hutang Persendirian, Pinjaman dan Dana Ekuiti Persendirian.

##### 3.5.1 Saham Tersiar Harga

Butir terperinci perakaunan dan pengiktirafan Saham Tersiar Harga adalah seperti berikut:

###### (a) Pendedahan Nilai Pelaburan Saham Tersiar Harga Di Penyata Kewangan

Pelaburan Saham Tersiar Harga hendaklah didedahkan di Penyata Kewangan pada nilai kos atau nilai pasaran, mana yang terendah, pada akhir tahun kewangan. Nilai kos ditentukan berdasarkan harga belian bersih saham, manakala nilai pasaran adalah berdasarkan pada harga penutup saham pada tarikh Lembaran Imbangan.

###### (b) Penentuan Elaun Rosot Nilai

Pengiraan elau rosot nilai belum direalisasi dikira berdasarkan portfolio secara individu dan diperuntukkan elau rosot nilai pelaburan sebanyak 100% atas kos atau harga pasaran, mana yang terendah, pada tarikh berakhir sesuatu tempoh kewangan berdasarkan IAS 25. Nilai buku Saham Tersiar Harga akan dikurangkan melalui penggunaan elau rosot nilai. Sekiranya dalam tahun berikutnya saham tersebut telah dijual atau harga pasaran saham lebih tinggi daripada kos, maka kerugian belum direalisasi tersebut akan diselaraskan sebagai pendapatan di Penyata Pendapatan dengan amaun pelarasan terhad kepada baki elau rosot nilai yang telah diperuntukkan sebelumnya.

### 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

#### 3.5 PELABURAN (sambungan)

##### 3.5.1 Saham Tersiar Harga (sambungan)

###### (c) Perakaunan Jualan Pelaburan Saham Tersiar Harga

Apabila terdapat jualan dalam pelaburan Saham Tersiar Harga, perbezaan di antara nilai perolehan bersih atas jualan dan nilai dibawa pelaburan adalah dicaj atau dikreditkan dalam Penyata Pendapatan bagi tahun tersebut.

##### 3.5.2 Sekuriti Hutang Kerajaan

Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Kerajaan dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan penambahan diskaun dari tarikh pembelian hingga tarikh matang.

##### 3.5.3 Sekuriti Hutang Persendirian

Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Persendirian seperti Bon dan Nota Jangka Sederhana dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan penambahan diskaun daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang.

##### 3.5.4 Pinjaman

Pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa tempatan, perbadanan korporat dan syarikat yang diluluskan dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang dinyatakan pada nilai par hingga tarikh matang.

##### 3.5.5 Dana Ekuiti Persendirian

Pelaburan dalam Dana Ekuiti Persendirian dinyatakan pada kos tolak pemulangan modal. Peruntukan elaun rosot nilai ditentukan sebanyak 100% atas kos atau harga saksama, mana yang terendah, di peringkat dana secara individu. Nilai buku Dana Ekuiti Persendirian akan dikurangkan melalui penggunaan peruntukan elaun rosot nilai.

#### 3.6 MATA WANG ASING

##### 3.6.1 Mata Wang Fungsian Dan Persembahan

Penyata Kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang utama dalam persekitaran ekonomi di mana KWAP beroperasi (mata wang fungsian).

##### 3.6.2 Pertukaran Mata Wang Asing

Urusniaga dalam mata wang asing ditukarkan ke Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran ketika tarikh urusniaga. Item kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diterjemahkan dengan menggunakan kadar pertukaran penutup pada tarikh Lembaran Imbangan. KWAP akan menguruskan pendedahan terhadap matawang asing secara proaktif.

# 180 NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan 31 Disember 2013

## 3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### 3.6 MATA WANG ASING (sambungan)

#### 3.6.2 Pertukaran Mata Wang Asing (sambungan)

Perbezaan kadar pertukaran mata wang berikut penjelasan item kewangan dan terjemahan item kewangan pada tarikh Lembaran Imbangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Perbezaan kadar pertukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf dalam ekuiti jika untung atau rugi item bukan mata wang diiktiraf dalam ekuiti. Manakala perbezaan kadar pertukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan jika untung atau rugi item bukan kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

#### 3.6.3 Syarikat Dalam Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan KWAP dan syarikat subsidiari dengan matawang fungsian yang berbeza dengan matawang persembahan adalah diterjemahkan kepada matawang persembahan seperti berikut:

- (a) Aset dan liabiliti bagi setiap Lembaran Imbangan yang dipersembahkan diterjemahkan pada kadar tukaran matawang penutup pada tarikh Lembaran Imbangan;
- (b) Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan diterjemahkan pada kadar pertukaran purata; dan
- (c) Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf sebagai komponen berasingan dalam ekuiti.

### 3.7 PERUNTUKAN KUMPULAN WANG TERKANUN

KWAP menerima peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

### 3.8 CARUMAN PENCEN

Caruman pencen diambilkira apabila caruman tersebut diterima daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-agensi lain serta syer Kerajaan, ganjaran dan potongan lain sejajar dengan Akta Pencen Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12/2008. Denda atas caruman lewat bayar diambilkira dan diakaunkan atas terimaan tunai.

### 3.9 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pendapatan dan perbelanjaan diambilkira berasaskan prinsip akruan.

### 3.10 CUKAI

